


[TELAH DISEMAK]

Jilid II
Bil. 25

Selasa
12 Disember 2000



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN DEWAN NEGARA

**PARLIMEN KESEPULUH
PENGGAL KEDUA
MESYUARAT KETIGA**

K A N D U N G A N

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI
PERTANYAAN-PERTANYAAN**

(Halaman 1)

RANG UNDANG-UNDANG:
Rang Undang-undang Perbekalan 2001

(Halaman 20)

AHLI-AHLI DEWAN NEGARA

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, Dato' Michael Chen Wing Sum, D.P.M.S.
(Dilantik)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Seri Panglima Dr. Haji Abdul Hamid bin Haji Othman, S.P.D.K., D.H.M.S., S.I.M.P., D.S.D.K., J.S.M., K.M.N., P.P.T. (Dilantik)

“ Menteri Tanah dan Pembangunan Koperasi, Tan Sri Datuk Kasitah Gaddam, P.S.M., P.G.D.K., J.S.M. (Dilantik)

“ Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Pandikar Amin bin Haji Mulia (Dilantik)

“ Menteri Pendidikan, Tan Sri Dato' Seri Musa bin Mohamed, P.S.M., D.P.M.N. D.P.C.M. (Dilantik)

“ Timbalan Menteri Pendidikan, Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin, D.M.S.M., D.P.M.S. (Dilantik)

“ Tuan Abdillah bin Abdul Rahim (Sarawak)

“ Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman (Dilantik)

“ Tuan Haji Abdul Malek bin Haji Abdul Ghani (Perlis)

“ Tuan Haji Abdul Wahid bin Varthan Syed Ghany (Dilantik)

“ Dato' Tengku Adnan bin Tengku Mansor (Dilantik)

“ Dato' Haji Ahmad bin Ismail (Pulau Pinang)

“ Puan Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Dun (Dilantik)

“ Tuan Haji Bakri bin Haji Ali Mahamad, A.M.N., A.M.K., B.K.M. (Kedah)

“ Tuan Benedict Bujang Tembak (Sarawak)

“ Dato' Charern Intachat, D.S.D.K., A.M.N., B.C.K. (Dilantik)

“ Dr. Charlie Chau-Lap Chang (Dilantik)

“ Puan Chew Poh Thoi (Dilantik)

“ Puan Chia Chui Ket Melanie (Dilantik)

“ Dato' Dr. Chin Fook Weng (Pulau Pinang)

“ Datuk Christina Tibok Vanhouten (Sabah)

Yang Berhormat Datuk Faridah binti Abu Hassan (Dilantik)

- “ Tuan Haji Gapar bin Gurrohu (Dilantik)
- “ Datuk Ghazi bin Haji Ramli, D.P.M.S., D.I.M.P. (Selangor)
- “ Dato' Hamzah bin Zainudin (Perak)
- “ Tuan Hassan bin Haji Shukri (Terengganu)
- “ Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan (Melaka)
- “ Tuan Ho Lim Teck (Melaka)
- “ Puan Hajah Che Jam binti Haron (Dilantik)
- “ Puan Jamilah binti Ibrahim (Kelantan)
- “ Tuan Jang Chow Thye @ Yio Chow Thye (Dilantik)
- “ Puan Jaya Partiban (Dilantik)
- “ Datuk Joseph Balan Seling (Dilantik)
- “ Datuk Haji Karim bin Ghani (Sabah)
- “ Tuan Haji Karim bin Salleh (Perlis)
- “ Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop (Dilantik)
- “ Datuk M. Kayveas (Dilantik)
- “ Tuan Kee Ah Kau (Selangor)
- “ Tuan Khoo Lay Hin (Dilantik)
- “ Dato' Lee Pit Chern (Negeri Sembilan)
- “ Tuan Lim Eng Kok (Dilantik)
- “ Datuk Long bin Jidin (Dilantik)
- “ Tuan N. Marimuthu A.M.P., A.M.N., P.P.N., P.J.K., J.P. (Dilantik)
- “ Dato' Dr. T. Marimuthu (Dilantik)
- “ Dato' Haji Mazlan bin Abu (Johor)
- “ Puan Hajah Melati binti Ali (Pahang)
- “ Tan Sri Dato' Haji Mohamed bin Ya'acob, P.S.M., P.M.K., S.P.M.K., Dato' Bentara Kanan, S.M.T., P.G.D.K., D.A. (Dilantik)

Yang Berhormat Datuk Nor Azah binti Awin (Dilantik)

- “ Puan Nosimah binti Hashim (Dilantik)
- “ Dato' Poo Yew Choy, D.I.M.P., A.M.P. (Pahang)
- “ Puan Hajah Puizah @ Faezah binti Haji Abu Kassim (Dilantik)
- “ Tuan M. Ratnam (Dilantik)
- “ Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan (Dilantik)
- “ Puan Safinah binti Jusoh (Terengganu)
- “ Tuan Saravanan a/l Murugan (Dilantik)
- “ Puan See Too Mee (Johor)
- “ Puan Siti Hawa @ Karimah binti Mohd. Nor (Dilantik)
- “ Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff (Kelantan)
- “ Dato' Ting Check Sii, D.I.M.P. (Dilantik)
- “ To' Puan Wan Seri @ Wan Asiah binti Ahmad (Dilantik)
- “ Datuk William Lau Kung Hui (Dilantik)
- “ Tuan Yew Tuan Chiew @ Yew Tuan Siew (Perak)
- “ Tuan Zainal bin Rampak (Dilantik)
- “ Datuk Zainudin bin Maidin (Dilantik)
- “ Tuan Zakaria bin Arshad (Negeri Sembilan)

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN

Setiausaha Dewan Negara
Abdullah Abdul Wahab

Ketua Penolong Setiausaha
Zamani bin Haji Sulaiman
Haji Mustakin bin Selamat
Shahrom bin Haji Hasan

Penolong Setiausaha
Haji Mustafa bin Abdul Rahman
Ruhana binti Abdullah
Riduan bin Rahmat

JURUBAHASA SERENTAK

Ungku Fauzie bin Ungku A. Rahman
Mazidah binti Mohamed
Paizah binti Sallehudin

BENTARA MESYUARAT

Mejar (B) Abdul Halim bin Haji Ali
Mejar (B) Zakaria bin Salleh
Mejar (B) Kamaruddin bin Abdullah

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN DOKUMENTASI

Azhari bin Hamzah
Monarita binti Mohd. Hassan
Hajah Shamsiah binti Mohd. Yusop
Mohd Saleh bin Mohd. Yusop
Mohamed bin Osman
Hajah Norishah binti Mohd. Thani
Shamsina binti Janor
Ramlah binti Mohd. Yusuff
Jamilah Intan binti Haji Bohari
Nurziana binti Ismail
Noor Effarizan binti Mat Satib
Taharah binti Mohamed
Nik Elyana binti Ahyat
Marzila binti Muslim
Mashitah binti Kamaruddin
Abu Bakar bin Hasan

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN KOMPUTER

Mohd. Azmi bin Embong
Sulaiman bin Sirad
Azzahar bin Hashim

PETUGAS-PETUGAS CAWANGAN MESIN CETAK

Kamal bin Oyub
Haji Latif bin Ismail
Kamaroddin bin Mohd. Yusof

MALAYSIA

DEWAN NEGARA

Selasa, 12 Disember 2000

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN**

1. Tuan Haji Abdul Malek bin Haji Abdul Ghani minta Menteri Pengangkutan menyatakan sebab-sebab berlakunya kegelinciran kereta api sepanjang tahun ini. Nyatakan jumlah kerugian yang ditanggung oleh KTMB akibat dari kegelinciran-kegelinciran tersebut.

Setiausaha Parlimen Kementerian Pengangkutan [Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebab utama yang menyebabkan berlakunya kegelinciran kereta api adalah seperti berikut:

- (i) kayu landasan yang uzur serta tanah asas landasan yang tidak kukuh;
- (ii) ketidaksempurnaannya lokomotif koc atau gerabak;
- (iii) faktor manusia;
- (iv) faktor di luar kawalan seperti banjir, tanah runtuh, pokok tumbang, melanggar binatang dan sebagainya.

Mengikut statistik, bilangan kegelinciran hebat yang telah berlaku sehingga bulan Oktober tahun ini adalah 9 berbanding dengan 15 untuk keseluruhan tahun 1999. Ini menunjukkan haluan yang semakin positif berbanding tahun yang lepas. Namun demikian, anggapan bahawa kegelinciran semakin menjadi adalah disebabkan oleh kegelinciran tiga buah kereta api penumpang yang dilaporkan di akhbar baru-baru ini, iaitu:

- (i) kegelinciran Ekspres Timuran di sektor Bertam, Kemubu pada 12 Julai 2000;
- (ii) kegelinciran Sinaran Pagi di Bukit Merah ke Bagan Serai pada 5 Ogos 2000;
- (iii) kegelinciran Ekspres WAU di sektor Bangi ke Kajang pada 13 September 2000.

Akibat daripada kegelinciran kereta api yang berlaku daripada Januari hingga Oktober 2000 kerugiannya dianggarkan lebih kurang RM4,315,889.

Tuan Abdillah bin Abdul Rahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Apakah langkah-langkah yang diambil oleh pihak kereta api Malaysia untuk mengelakkan kemalangan berlaku di landasan kereta api terutama sekali di kawasan perumahan. Terima kasih.

Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Ahli Yang Berhormat, sebab kegelinciran train disebabkan kayu landasan yang uzur. Pihak KTMB telah mengetatkan prosedur pengawasan dan pemantauan melalui Jabatan Urusan Jalan bagi memastikan kawasan-kawasan landasan yang lemah dapat dikenal pasti dan tindakan pemulihan dilakukan dengan serta-merta bagi menentukan operasi train selamat.

Untuk tanah asas landasan yang tidak kukuh KTMB mengadakan kajian tentang tanah di kawasan landasan bermasalah; mengenal pasti kawasan lembap di bawah landasan; mengenakan sekatan kelajuan dan perintah awas.

KTMB juga mengenakan perintah awas dan sekatan kelajuan pada sektor-sektor infrastruktur landasan yang lemah untuk menjamin keselamatan operasi train. Sekatan kelajuan yang dikenakan dimantau dan sering diulang kaji jika keadaan landasan bertambah lemah.

Sebab kekurangan penyelenggaraan koc gerabak akibat daripada pengambilan tanah workshop sedia ada untuk projek Sentul Raya. Pihak KTMB mengadakan program dalaman oleh bahagian kejuruteraan supaya menambahkan kekerapan rawatan tempoh pemeriksaan koc dan gerabak dari enam bulan ke tiga bulan. Sekian.

Datuk Hajah Hazizah binti Mohd. Sultan: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Baru-baru ini kita melihat di surat khabar berlakunya kemalangan yang meragut nyawa di landasan KTMB. Apakah tindakan KTMB Untuk mengelakkan perkara seperti ini berlaku. Terima kasih.

Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai: Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, memang kita tahu baru-baru ini di surat khabar ada melaporkan bahawa satu budak telah dilanggar oleh kereta api. Ini adalah sikap terutama sekali pihak ibu bapa dan juga pihak sekolah mesti selalu mengadakan program. Walau bagaimanapun, KTMB telah mengambil tindakan supaya kita akan berhubung dengan pihak sekolah atau pihak yang berkenaan supaya kemalangan seperti itu tidak akan berlaku.

2. **Puan Hajah Safinah binti Jusoh** minta Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar menyatakan setakat ini berapakah jumlah kes pencemaran alam sekitar yang berlaku akibat pembuangan toksik oleh pihak-pihak tertentu dan apakah tindakan yang telah dikenakan kepada mereka yang terlibat dan apakah status alam sekitar di negara kita.

Timbalan Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar [Dato' Zainal bin Dahalan]: Tuan Yang di-Pertua, untuk jawapan kepada soalan Yang Berhormat, berdasarkan kepada rekod Jabatan Alam Sekitar jumlah kes pembuangan sisa toksik oleh pihak-pihak tertentu yang menyebabkan pencemaran alam sekitar adalah seperti berikut:

Tahun	Bilangan kes
1998	9
1999	6
2000	8

Suka saya maklumkan bahawa di antara tindakan-tindakan yang telah diambil oleh Kementerian melalui Jabatan Alam Sekitar kepada mereka yang terlibat ialah:

- (i) mengeluarkan notis arahan kepada mereka yang telah dikenal pasti menjalankan aktiviti pembuangan sisa toksik supaya menjalankan kerja-kerja pembersihan tapak yang terlibat serta melupuskan sisa toksik ke kemudahan pengolahan dan pelupusan sisa yang dilesenkan oleh Jabatan Alam Sekitar;
- (ii) mengenakan tindakan mahkamah di bawah peruntukan undang-undang Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974(Pindaan) 1996 kepada mereka yang terlibat.

Suka juga saya maklumkan bahawa pada masa yang sama pihak kementerian turut mempertingkatkan langkah pencegahan melalui penguatkuasaan terhadap pengeluar sisa toksik dan

menjalankan aktiviti kesedaran mengenai pengurusan sisa toksik.

Mengenai status alam sekitar di negara kita pada masa ini adalah dalam keadaan yang baik dan terkawal meskipun masih lagi terdapat aktiviti-aktiviti yang kadangkala melanggar peraturan-peraturan yang dijalankan oleh beberapa pihak yang dianggap kurang bertanggungjawab.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Adakah ketidakpelaksanaan Dasar Alam Sekitar Kebangsaan sejak tahun 1995 itu sedikit-sebanyak telah menjejaskan keadaan alam sekitar kita pada hari ini.

Dato' Zainal bin Dahalan: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya bukanlah menjadi sebab utama mengapa keadaan alam sekitar yang mungkin terjejas disebabkan oleh Dasar Alam Sekitar Kebangsaan yang belum dilaksanakan. Dasar ini dibentuk untuk mengemaskinikan dan menyelaraskan lagi dengan cara yang lebih strategik dan tersusun untuk mengambil langkah-langkah tertentu dalam meningkatkan lagi kesedaran dan peningkatan kualiti alam sekitar. Yang menjadi masalah kita ialah walaupun terdapat banyak peraturan dan undang-undang umpamanya seperti Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 dan lain-lain yang telah pun dikuatkuasakan, namun terdapat segelintir daripada mereka yang kurang bertanggungjawab yang menjalankan kerja-kerja yang menyebabkan pencemaran keadaan alam sekitar di tanah di tanah air kita ini. Oleh itu, kita menyeru supaya semua pihak daripada golongan rakyat biasa, daripada pengusaha, industri dan sebagainya supaya dapat bersama-sama menjaga dan mengawal alam sekitar kita kerana apa pun yang berlaku kesan dan akibatnya adalah ditanggung oleh kita semua.

Dato' Poo Yew Choy: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Saya difahamkan bukan semua pekilang membuang toksik di tempat yang tidak sesuai. Saya difahamkan oleh kerana banyak majlis daerah atau majlis perbandaran tidak menyiapkan kawasan tempat yang sesuai untuk mereka membuang toksik. Saya ingin tahu apakah rancangan kerajaan untuk mengatasi kejadian ini?

Dato' Zainal bin Dahalan: Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan pembuangan sisa toksik ini sebenarnya Jabatan Alam Sekitar telah mengeluarkan lebih daripada 100 lesen kepada premis-premis yang boleh dibenarkan memproses pelupusan sisa toksik yang dalam bentuk kecil dan sederhana. Kilang ataupun tempat pelupusan sisa toksik yang terbesar di negara kita ini pada masa ini yang terletak di Bukit Nanas di Negeri Sembilan telah beroperasi dan sebahagian besar daripada kilang yang mengeluarkan sisa toksik telah pun berurusan dengan pihak Kualiti Alam di Negeri Sembilan di mana sisa-sisa toksik daripada kilang mereka telah dibawa ke Kualiti Alam dan diproses untuk dilupuskan di sana.

Namun demikian, kita masih lagi memantau perkara ini dan kemungkinan juga bahawa kegiatan ataupun aktiviti yang dijalankan oleh Kualiti Alam sendiri memanglah tidak dapat menampung kesemua program untuk memproses buangan sisa toksik yang terdapat di semua kawasan industri yang berkaitan di tanah air kita ini. Oleh itu, kerjasama daripada semua kilang-kilang dan juga pihak berkuasa tempatan dalam hal ini adalah serta dialu-alukan.

3. **Tuan Benedict Bujang Tembak** minta Menteri Pengangkutan menyatakan:-

- (a) memandangkan kebanyakan rungutan (complaint) mengenai perkhidmatan Malaysia Airlines ke Sarawak tidak memuaskan dan pihak Malaysia Airlines pernah menyatakan penerbangan ke Sarawak dan Sabah sebagai sektor yang sangat merugikan MAS, apakah langkah-langkah yang akan diambil untuk mengatasi perkara tersebut; dan

- (b) adakah antara langkah-langkah yang akan diambil termasuk meminta penerbangan lain yang ada sekarang menambahkan penerbangan dan mengizinkan syarikat dari luar negara mengambil alih di sektor tersebut.

Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Penerbangan Malaysia (MAS) sentiasa meneliti permintaan trafik penumpang di antara Semenanjung Malaysia dan Sabah dan Sarawak. Dalam hal ini, pada masa kini MAS mengadakan sebanyak 52 penerbangan seminggu secara terus di antara Kuala Lumpur dan Kota Kinabalu dan 65 penerbangan secara terus antara Kuala Lumpur dan Kuching. Di samping itu, dalam keadaan-keadaan tertentu MAS sekiranya perlu akan juga menambah penerbangan-penerbangan berjadual dan bersedia untuk mengadakan penerbangan-penerbangan tambahan bergantung kepada permintaan. Misalannya, bagi musim cuti sekolah, perayaan ini, MAS telah dan akan mengadakan bagi tempoh 10 November 2000 hingga 4 Januari 2001. Sebanyak 70 penerbangan tambahan di antara Kuala Lumpur dan Kota Kinabalu dan sebanyak 103 penerbangan tambahan di antara Kuala Lumpur dan Kuching.

Di samping itu, bagi sektor Johor Bahru dan Kuching jumlah kekerapan ini telah pun ditambah kepada 26 kali seminggu mulai 29 Oktober 2000 dan seterusnya ditambah kepada 27 kali seminggu mulai 1 Disember 2000 berbanding dengan perkhidmatan sebanyak 23 kali seminggu sebelum ini.

- (b) Kerajaan sememangnya juga membenarkan syarikat-syarikat penerbangan tempatan yang lain seperti Air Asia dan Transmail Air untuk mengadakan penerbangan di antara Semenanjung Malaysia-Sabah dan Sarawak. Di samping itu, kerajaan mempunyai dasar membenarkan syarikat-syarikat penerbangan asing khususnya yang membawa para pelancong atau penumpang asing secara langsung ke lapangan-lapangan terbang antarabangsa di Malaysia termasuk lapangan-lapangan terbang di Sabah dan Sarawak.

Di dalam rundingan-rundingan udara yang diadakan dengan negara-negara luar kerajaan menawarkan kepada negara-negara berkaitan untuk membuat pilihan bagi tujuan mengadakan penerbangan ke destinasi antarabangsa lain dalam Malaysia yang dipilihnya. Dalam hal ini, terpulanglah kepada syarikat-syarikat penerbangan negara-negara tersebut untuk membuat pilihan bagi mengadakan penerbangan secara langsung ke Sabah dan Sarawak.

Tuan Abdillah bin Abdul Rahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Benarkah penerbangan MAS ke sektor Sabah dan Sarawak merugikan?

Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai: Tuan Yang di-Pertua, dalam laporan yang kita dapat dari pihak MAS memang adalah rugi untuk sektor Sabah dan Sarawak juga sebab tambang yang kita beri memang begitu mudah seperti kita caj hanya 43 sen perkilo meter. Kalau dibanding dengan Kuala Lumpur ke Pulau Pinang 55 sen perkilo meter.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Pernah soalan yang sama saya kemukakan. Saya hendak bertanya, yang dahulu dijawab oleh wakil Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. Ada ura-ura MAS

menuntut kepada kerajaan untuk menaikkan harga tambang sektor domestik termasuklah ke Sabah dan Sarawak. Tujuan kita mewujudkan dan memperbanyakkan penerbangan antara Semenanjung Tanah Melayu dengan Sabah dan Sarawak adalah untuk hendak meningkatkan integrasi antara Sabah dan Sarawak dengan Semenanjung. Soalnya sekarang adakah benar bahawasanya wujud syarikat-syarikat penerbangan yang menjalankan penerbangan-penerbangan sektor domestik ini harganya lebih murah daripada apa yang dikenakan oleh MAS, dan kalau ini benar - tadi kita dengar MAS tak buat duit, kalau ini benar, adakah kerajaan bercadang untuk memastikan MAS ini tak payah beria-ia sangat menjalankan usaha sektor domestik, serahkan sahaja kepada syarikat lain termasuk Syarikat Transmail dan juga Air Asia ini, gabungkan dan MAS mungkin menjadi pemegang saham supaya objektif kerajaan untuk mempereratkan lagi Sabah dan Sarawak dengan Semenanjung dapat dipertingkatkan.

Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman, dia begitu berminat tentang MAS sebab dia seorang ahli korporat yang begitu terkenal. Memang saya bersetuju dengan apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat tentang cadangan Yang Berhormat.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, pihak MAS telah ada meminta Kementerian Pengangkutan supaya mereka boleh menaikkan harga tambang domestik sebanyak 50%. Buat masa ini tidak ada keputusan lagi sebab kita ingin tunggu *corporate restructuring* dengan izin, MAS yang sedang dijalankan iaitu pandangan atau cadangan Yang Berhormat memang kita akan kaji selepas ini.

4. **Datuk Christina Tibok Vanhouten** minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) apakah status hospital-hospital yang baru dibina dan akan dibina di Sabah; dan
- (b) dapatkah kementerian mengisi jawatan-jawatan kosong khususnya jawatan-jawatan profesional untuk hospital-hospital di Sabah.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Seri Dr. Suleiman bin Mohamed]: Tuan Yang di-Pertua, sukacita dimaklumkan bahawa sebanyak enam buah hospital baru akan dibina di Sabah dalam Rancangan Malaysia Ketujuh.

Buat masa ini dua buah hospital dalam peringkat pembinaan iaitu Hospital Lahad Datu, di mana kemajuan fizikal terkini adalah 46.5% dan Hospital Keningau, kemajuan fizikal kini 10.8% dan empat buah hospital lagi iaitu Hospital Kunak, Hospital Nabawan, Hospital Kuala Penyu dan Hospital Pintas adalah dalam peringkat akhir perancangan.

Berdasarkan kepada kedudukan perjawatan dan pengisian pada 30 September 2000, negeri Sabah mempunyai 437 pegawai perubatan dan 73 orang pegawai perubatan kontrak, manakala bagi pegawai pergigian adalah seramai 31 orang, pegawai farmasi 17 dan beberapa lagi pegawai profesional seperti pegawai sains, pegawai teknologi makanan, pegawai kebajikan perubatan dan lain-lain perkhidmatan di Sabah. Secara keseluruhan pengisian pegawai perubatan di Sabah adalah sebanyak lebih kurang 67%. Kementerian sentiasa menambahkan penempatan pegawai perubatan ke negeri Sabah apabila terdapat pegawai baru melaporkan diri atau setelah pegawai perubatan tamat menjalani latihan siswazah atau *horsemanship* dan mereka akan dihantar ke Sabah.

Dijangkakan pada tahun hadapan peratus pengisian bagi pegawai profesional yang berkhidmat di Sabah khususnya pegawai perubatan akan bertambah menjadi lebih kurang 75%.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya. Setakat ini adakah Kementerian Kesihatan memperlengkap alat-alat perubatan yang terkini untuk kegunaan doktor-doktor dan pesakit di hospital kerajaan berbanding dengan kemudahan-kemudahan hospital swasta yang mungkin ini juga menyebabkan banyak doktor pergi ke hospital swasta. Terima kasih.

Datuk Seri Dr. Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya tidak ada perbezaan antara hospital swasta dan hospital kerajaan daripada segi peralatan perubatan. Namun demikian, mana-mana alat yang dirasakan *obsolete*, yang terkebelakang akan dari masa ke semasa diubah sebab kita dalam perancangan ke arah *telemedicine* ke seluruh negara.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua soalan tambahan saya. Setakat ini berapakah nisbah bilangan doktor berbanding dengan bilangan hospital yang ada di negeri Sabah setakat ini?

Datuk Seri Dr. Suleiman bin Mohamed: Tuan Yang di-Pertua, minta maaf saya minta notis sebab kalau ditanya soal nisbah tetapi soal pengisian tadi saya telah beritahu, insya-Allah pada tahun hadapan kita dapat meningkatkan sehingga 75% pengisian. Hari ini setakat 67%. Ini tidak hanya berlaku di Sabah kekurangan pegawai perubatan termasuk yang pakar berlaku di seluruh negara.

5. **Datuk Ghazi bin Haji Ramli** minta Menteri Pengangkutan menyatakan, apakah tindakan-tindakan yang telah diambil dalam membasmi masalah kesesakan lalu lintas yang tetap berlaku, walaupun pelbagai langkah penguraian lalu lintas melalui pelebaran jalan, pembinaan jalan baru, pembinaan laluan LRT dilakukan. Apakah tahap keberkesannya sehingga hari ini.

Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat kerajaan telah mengambil langkah-langkah termasuk mengatasi masalah lalu-lintas melalui:

- (i) pelaksanaan rangkaian jalan baru dengan segera;
- (ii) dalam masa yang sama usaha juga dilakukan untuk memperluaskan jalan yang telah sedia ada;
- (iii) pelaksanaan pembangunan sistem pengangkutan awam yang bersifat mesra alam, bersepadu dan cekap iaitu melibatkan penyatuan syarikat-syarikat bas, menyediakan terminal pengangkutan awam, infrastruktur jalan serta melaksanakan tindakan pengurusan trafik yang lebih efektif; dan
- (iv) kerajaan telah memperkenalkan sistem LRT iaitu LRT Star dan LRT Putra.

Tuan Yang di-Pertua, usaha-usaha juga telah dan akan dilaksanakan oleh kerajaan bagi menggalakkan penggunaan pengangkutan multi model. Langkah-langkah tersebut ialah:

- (i) integrasi yang sistematik bagi infrastruktur pengangkutan awam iaitu penyediaan laluan khas bagi bas, kawasan khas bagi menaikkan dan menurunkan penumpang bagi bas dan teksi, kemudahan *park* dan *ride* di stesen LRT dan KTM komuter;
- (ii) integrasi fizikal melalui penyediaan bas pengantara atau *feeder bas* dengan izin, untuk penumpang LRT;

- (iii) kerajaan akan memperkenalkan sistem tiket bersepadu yang boleh digunakan untuk semua pengangkutan awam iaitu bas dan rel; dan
- (iv) langkah-langkah lain seperti menjadikan jalan se hala dan mengurangkan tempat letak kereta di bahu jalan.

Melalui langkah-langkah yang diambil oleh kerajaan telah berjaya mengurangkan kesesakan lalu-lintas di Kuala Lumpur.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Jamilah. Jamilah dahulu.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, musim tanah runtuh negara kita membimbangkan, sistem LRT begitu rancak beroperasi. Apakah jaminan kerajaan kepada flat-flat di persekitaran agar ianya tidak menjejaskan bangunan itu. Terima kasih.

Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai: Boleh ulangkan sekali lagi saya tidak faham.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Tanah runtuh dalam negara kita sering berlaku. Sistem kereta api LRT begitu rancak beroperasi. Apakah jaminan kerajaan kepada flat-flat di persekitaran jalan LRT itu agar ianya terjamin selamat daripada berlaku apa yang tidak diingini. Terima kasih.

Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai: Tuan Yang di-Pertua, untuk menjawab soalan daripada Yang Berhormat, memang projek-projek LRT yang kita jalankan kita ada pakar-pakar (*engineer*) dan arkitek yang menjalankan kajian sebelum kita bina LRT itu iaitu teknologi ini bukan baru, negara-negara yang sudah membangun semua ada. Oleh itu saya percaya kita tidak akan menghadapi masalah itu.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Sebagaimana yang kita tahu setiap tahun negara kita mengalami musim banjir. Jadi, apabila musim banjir berlaku banyak jalan yang rosak dan berlubang, ada yang putus.

Jadi, apakah punca sebenarnya berlaku keadaan yang sedemikian sehingga jalan yang baru dibuat pun maknanya tidak kukuh mungkin dengan sebab struktur yang tidak sesuai atau macam mana dan kenapa perkara ini berlaku. Dan satu lagi iaitu tentang kemalangan jalan raya yang peratusnya begitu tinggi dalam negara kita.

Jadi, setakat ini apakah punca-punca berlakunya kemalangan yang begitu tinggi dan apakah tindakan yang telah dijalankan oleh kerajaan untuk menjaga dan untuk menangani masalah ini.

Tuan Ir. Donald Lim Siang Chai: Tuan Yang di-Pertua, soalan Yang Berhormat ini memang merujuk kepada Kementerian Kerja Raya sebab Kementerian Pengangkutan hanya menjaga kesesakan. Kalau Yang Berhormat tanya tentang soalan jalan itu, memang mesti merujuk kepada Kementerian Kerja Raya.

6. **Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop** minta Menteri Kewangan menyatakan, adakah kerajaan bercadang memberi wang ihsan minyak ke lain-lain negeri dalam Malaysia, memandangkan industri minyak bukan sahaja tertumpu di negeri Terengganu bahkan di seluruh Malaysia.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kewangan [Tuan Hashim bin Ismail]: Tuan Yang di-Pertua, seperti yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan semasa pembentangan Belanjawan 2001. Di bawah perjanjian yang ditandatangani antara Kerajaan Negeri Terengganu dan Petronas pada tahun 1974, negeri Terengganu tidak berhak mendapat apa-apa pembayaran. Apa-apa pembayaran yang dibuat oleh Petronas adalah berbentuk ihsan sahaja kerana negeri Terengganu pada masa itu merupakan sebuah negeri yang mundur.

Kerajaan Persekutuan telah bersetuju supaya negeri Terengganu diberi wang ihsan petroleum bagi membantu mempercepat pembangunan negeri tersebut. Kerajaan Persekutuan belum bercadang untuk melaksanakan pemberian wang ihsan ini kepada negeri-negeri yang lain.

Walau bagaimanapun, negeri-negeri lain turut menikmati faedah daripada hasil petroleum ini dalam bentuk hasil Kerajaan Persekutuan yang kemudian disalurkan kepada semua kerajaan negeri dan agensi-agensinya sebagai peruntukan tahunan dan lain-lain bantuan untuk pembangunan negeri-negeri tersebut.

Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop: [Bangun]

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: [Bangun]

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan minta maaf, Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop dahulu, sebab ini soalan dia.

Datuk Haji Kasim bin Mh. Yusop: Wang ihsan untuk negeri-negeri lain di Malaysia ini bukan satu perkara baru yang dibangkitkan di dalam Dewan Negara ini. Memanglah kita tidak dapat menafikan bahawa Kerajaan Persekutuan mengadakan peruntukan untuk kerajaan-kerajaan negeri begitu juga negeri Terengganu tetapi kenapa Terengganu begitu istimewa diberikan wang ihsan selain daripada peruntukan Kerajaan Persekutuan.

Seperti yang telah saya nyatakan di sini, industri petroleum ini bukan hanya tertumpu kepada negeri Terengganu bahkan negeri-negeri lain juga terlibat. Misalnya daripada segi industri penapisan dan sebagainya. Negeri Melaka misalnya sehingga hari ini kita menghadapi pelbagai masalah sosial disebabkan oleh pengambilan tanah orang-orang kampung dan sepatutnya Petronas memberi pertimbangan khas kepada negeri-negeri seperti di Melaka ini bagi memberi wang ihsan yang disebutkan tadi. Terima kasih.

Tuan Hashim bin Ismail: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Sebenarnya pemberian kepada negeri Terengganu oleh Petronas adalah di atas pertimbangan bahawa pada waktu itu negeri Terengganu adalah negeri yang agak mundur ataupun lebih mundur daripada negeri-negeri yang lain, maka dengan itu pemberian ini diberikan di atas dasar tersebut supaya negeri Terengganu dapat membangun ataupun seperti yang dikatakan 'berdiri sama tinggi, duduk sama rendah dengan negeri-negeri yang lain'. Itu pertimbangan yang diambil kira semasa pemberian ini diberikan semasa itu dan sehingga sekarang ini.

Walau bagaimanapun Yang Berhormat di antara bidang tugas ataupun *term of reference* Jawatankuasa Peringkat Pusat yang menguruskan wang ihsan ini, di antara tugas yang diberikan kepada mereka ialah untuk menimbangkan penyaluran wang ihsan kepada negeri-negeri lain jika didapati perlu. Ertinya bukanlah kerajaan terus menutup peluang untuk negeri-negeri yang lain untuk mendapatkan nikmat daripada wang ihsan itu tetapi JPP diberikan tugas untuk dari masa ke semasa menimbang sama ada perlu ataupun wajar wang ihsan ini diagihkan kepada negeri-negeri yang lain mengikut pertimbangan Jawatankuasa Peringkat Pusat (JPP) tetapi setakat ini kita belum lagi memberikan sebarang keputusan untuk mengagihkan peruntukan wang ihsan ini kepada negeri-negeri lain seperti Melaka seperti yang disebutkan tadi. Terima kasih.

Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya. Terima kasih kepada Kerajaan Pusat yang prihatin kepada masalah hampir beribu keluarga yang memerlukan bantuan terus oleh Kerajaan Pusat melalui wang ihsan ini tetapi apakah kerajaan khususnya Kementerian Kewangan sedar selepas pengumuman wang ihsan ini dan apa yang berlaku di Dewan Rakyat satu tindakan yang amat luar biasa telah diusahakan oleh khususnya kedua-dua parti pembangkang terutama sekali PAS dan KeADILan.

Sekarang ini di Terengganu seperti pilihan raya mereka telah meletakkan label-label yang di luar daripada etika bernegeri dan bernegara seperti mengatakan “Kembalikan wang royalti”, “Jangan khianat perjanjian”, seperti “UMNO pengkhianat agama”, “Royalti hak kerajaan negeri”, “Mahathir pembohong besar negara dan rakyat”, “UMNO jadi kaya, rakyat biasa terpedaya” dan “Hidup atau mati”, “Kerajaan Pusat penyamun kepada royalti”, “Ini merupakan lanun bersiri” dan pelbagai lagi perkataan-perkataan yang saya telah rakamkan. Hampir dua bulan hingga sekarang ini perkara ini berlaku diletakkan di bangunan-bangunan premis kerajaan, di penghujung-penhujung *junction* jalan raya, boleh dikatakan seperti pilihan raya dengan logo parti PAS dan KeADILan.

Jadi, ini merupakan satu protes yang sungguh luar biasa untuk memainkan peranan ataupun sentimen rakyat di Terengganu. Jadi, bolehkah Kerajaan Pusat menyatakan pendirian sesungguhnya, apakah keadaan ini sudah mencabar beberapa akta hasutan ataupun mencabar kewibawaan polis ataupun mencabar rakyat Terengganu secara keseluruhannya. Terima kasih.

Tuan Hashim bin Ismail: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Haji Rosli bin Mat Hassan. Sebenarnya Yang Berhormat, saya bagi pihak kerajaan amat kesal di atas tindakan yang sebegitu rupa untuk mencetuskan kemarahan rakyat kepada pihak Kerajaan Persekutuan kerana mereka seolah-olah menafikan bahawa Kerajaan Persekutuan sebenarnya tidak pernah berhasrat untuk menafikan hak rakyat Terengganu. Cuma pemberian wang ihsan ini tidak kita salurkan kepada Kerajaan PAS Terengganu kerana kita mahu memastikan bahawa setiap sen peruntukan itu sampai terus kepada rakyat jelata yang memerlukan bantuan.

Dan kita namakan ihsan kerana istilah ini saya rasa lebih murni, lebih luhur, lebih bersih dan tidak bermotifkan politik. Kita hanya mahu memastikan bahawa setiap sen wang peruntukan itu sampai kepada rakyat. Misalannya Kerajaan Persekutuan melalui JPP yang saya sebut tadi telah menggariskan beberapa panduan yang jelas tentang bantuan yang ingin kita sampaikan kepada rakyat terdiri daripada beberapa kategori.

Misalannya yang pertama Program Khas Rakyat Miskin iaitu sasarannya adalah untuk rakyat miskin di Terengganu supaya mereka mendapat hak ini dan dapatkan peruntukan ini secara sempurna dan tidak ada apa-apa *hanky-panky*, dengan izin, semasa memberikan pemberian itu.

Yang kedua, program khas pembangunan sektor pendidikan, termasuklah bantuan kepada KUZA dan lain-lain institusi pengajian tinggi juga pendidikan untuk biasiswa rendah dan pinjaman untuk anak-anak Terengganu yang melanjutkan pelajarannya di IPTA, IPTS. Pakej kolej komuniti di KETENGAH dan membina makmal dan membekalkan komputer ke sekolah-sekolah untuk menjadikan rakyat Terengganu celik komputer. Dan juga program khas pembangunan sektor pertanian, untuk mengangkat martabat ekonomi petani-petani Terengganu. Kita juga ada program khas pembangunan sektor luar bandar supaya sektor luar bandar di Terengganu juga dapat menikmati pembangunan seperti yang dinikmati oleh rakan-rakan mereka di bandar. Dan juga ada program khas pembangunan usahawan dan akhir sekali ada program khas untuk kebajikan rakyat Terengganu.

Ertinya, satu pemberian ihsan yang telus, menyeluruh dan *holistic*. Menyeluruh, tidak ada satu golongan pun yang terabai, tertinggal, terpinggir daripada bantuan ini. Jadi, kalau adalah seperti Yang Berhormat Rosli mengatakan bahawa di Terengganu seolah-olah hendak ada satu kempen pilihan raya. Maka saya rasa cukup kesal kerana tindakan ini boleh mengelirukan pemikiran rakyat dan boleh mencetuskan kemarahan rakyat sedangkan merekalah yang menjadi sasaran bantuan kita. Menjadi sasaran pertolongan kita melalui pemberian wang ihsan ini. Terima kasih.

Maktab Perguruan, kita akan tentukan kursus pembelajaran mereka dari segi pengajaran dan pembelajaran akan ditentukan kualitinya. Sekian, terima kasih.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya. Seminar, kursus dan motivasi, begitu banyak sekali dilakukan kepada guru-guru oleh pihak kementerian. Sekarang pelajar-pelajar di sekolah menengah, rendah dan tinggi semakin menjadi-jadi kenakalan mereka. Jadi, saya ingin tahu apakah pihak kementerian mengkaji, apakah punca dan sebabnya. Terima kasih.

Dato' Abdul Aziz bin Shamsuddin: Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan terima kasih kepada soalan itu. Kita sedar bahawa perkembangan dunia bertambah pesat. Mereka bukan sahaja terdedah kepada alam persekitaran mereka tetapi cerita-cerita seluruh dunia telah sampai ke rumah mereka melalui peti-peti televisyen. Selain dari itu, kita juga sedar bahawa Internet dan sebagainya sedang bermaharajalela di rumah-rumah di Malaysia.

Oleh sebab itulah ini mungkin yang menyebabkan kenakalan. Tetapi ada juga, saya minta maaf, mengatakan unsur-unsur di setengah-setengah pihak yang masuk bukan sahaja ke sekolah menengah, ke universiti bahkan ke sekolah rendah dan tadika-tadika, yang mengajar unsur-unsur jahat, unsur-unsur menghasut, unsur-unsur yang menyebabkan anak-anak kita keras hat. dan keras nalurinya. Kalau ini diteruskan, bukan sahaja pengaruh yang datang daripada luar negeri bahkan kita terperanjat pengaruh-pengaruh yang didatangkan oleh anak-anak negeri sendiri.

Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, kalau ini diteruskan, satu masa nanti besok, kita akan menghadapi rakyat-rakyat kita yang keras hati, yang bukan main kental jiwanya tetapi tidak ada simpati. Pada masa itu siapakah agaknya yang akan rugi. Oleh sebab itu saya merayu kepada seluruh pertubuhan, kepada seluruh *political parties* supaya perkara yang tidak diinginkan dihabiskan sama sekali, supaya menjaga masa depan anak bangsa kita, yang dipanggil anak bangsa Malaysia. Terima kasih. [*Tepuk*]

8. **Tuan Haji Karim bin Salleh** minta Perdana Menteri menyatakan memandangkan langkah Kerajaan menswastakan pengiktirafan halal kepada badan swasta, adakah Kerajaan akan menetapkan kadar harga makanan halal yang dikeluarkan oleh pengeluar makanan halal supaya tidak membebankan kedua-dua pihak.

Setiausaha Parlimen di Jabatan Perdana Menteri [Datuk Haji Noh bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, kerajaan tidak menswastakan pengiktirafan dan pemberian pengesahan 'Halal' kepada pihak swasta. Apa yang diswastakan ialah perkara-perkara yang berkaitan dengan kerja-kerja penganalisan dan pemeriksaan bagi tujuan mendapat pengesahan 'Halal' Jabatan Agama Islam Malaysia (JAKIM).

Kerajaan tidak bercadang untuk menetapkan kadar harga makanan halal yang dikeluarkan oleh pengeluar makanan halal. Ini kerana pemakaian penandaan halal bukanlah satu perkara yang diwajibkan kepada pengusaha makanan halal. Terima kasih.

Tuan Rosli bin Mat Hassan: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, berkait dengan pengiktirafan 'Halal' yang disoalkan tadi, mengapakah tidak kita meletakkan hanya pengiktirafan 'Haram', maknanya perkataan 'Halal' itu adalah secara automatiknya sebagai sebuah negara menjunjung kepada usaha-usaha Islamisasi dalam negara kita. Jadi, kita hanya membuat pengiktirafan makanan haram sahaja di restoran dan sebagainya. Makna perkataan 'Halal'. Bila tidak ada 'Haram' maknanya halal kerana kita dapat tahu banyak sangat salah guna perkara-perkara ini di peringkat restoran-restoran dan juga di peringkat hotel-hotel. Jadi, saya ingin penjelasan atau pandangan Yang Berhormat berkenaan perkara ini. Terima kasih.

Datuk Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih, Yang Berhormat Senator. Kita sedia maklum sebagai orang Islam, kita bila sebut pasal makan, kita sebut makanan yang halal. Bila sebut makanan yang haram, kita tidak makan. Jadi, cadangan Yang Berhormat

itu, cadangan yang terbalik. Tetapi oleh kerana kita sudah biasa budaya kita memakan makanan yang halal maka kita akan teruskan meletakkan label untuk makanan yang halal. Jadi, ertinya kalau ada keraguan mengenai sesuatu makanan maka apabila kita letak 'Halal' maka ianya pasti tidak akan diragui lagi oleh pengguna-pengguna Islam.

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya, sebagaimana yang kita maklum, kalau sekiranya makanan yang dipersembahkan itu atau yang dihidangkan itu hari ini halal, mungkin esok, mungkin seminggu dua, boleh jadi penyediaannya tidak halal ataupun tidak sah. Jadi, oleh itu kita ingin tahu adakah sijil 'Halal' ini dikeluarkan berkala, enam bulan ataupun setahun. Dan sekiranya pihak kerajaan berasa puas hati maka dapat disambung. Kalau dikeluarkan sekali seumur hidup perniagaan maka ini akan menjadikan kebimbangan. Begitu juga oleh kerana perkara ini boleh berlaku setiap masa maka penyeliaan juga perlu dipantau setiap masa supaya ianya sah dari segi halalnya itu.

Datuk Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih, Yang Berhormat. Fungsi utama kita ialah untuk menentukan perkara-perkara yang berkaitan hukum ke atas sesuatu makanan di mana sesuatu makanan itu sebelum kita memberi pengiktirafan 'Halal', pihak JAKIM akan membuat kajian mengenai barang gunaan sama ada ianya berasas kepada sumber utama dan bahan-bahan tambahannya, kaedahnya, kendaliannya, pemrosesannya, kegunaan peralatan, kawalan, penyimpanan, pengangkutan dan sebagainya, ianya dibuat tidak dicampur adukkan dengan perkara-perkara yang tidak halal.

Mengenai soalan yang Yang Berhormat timbulkan sama ada kita patut mengeluarkan sijil berkala ataupun tidak, pihak JAKIM dan juga pihak Jabatan Agama Islam tiap-tiap negeri akan sentiasa membuat lawatan-lawatan menjejut kepada premis-premis ataupun kedai-kedai yang disyaki, yang telahpun mendapat tanda 'Halal' tetapi tidak mematuhi garis panduan yang kita tetapkan maka kita akan sentiasa membuat pemantauan ini bersama-sama dengan penguatkuasa daripada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna. Terima kasih.

9. **Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusof** minta Menteri Kewangan menyatakan jadual sebenar pembayaran geran kepada Kerajaan Negeri Kelantan pada setiap tahun dan adakah ianya dibuat mengikut ketetapan tersebut.

Tuan Hashim bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, pada setiap tahun semua kerajaan negeri termasuk Kerajaan Negeri Kelantan menerima beberapa jenis pemberian daripada Kerajaan Persekutuan. Ia meliputi pemberian mengikut bilangan orang (*capitation grant*), pemberian penyelenggaraan jalan raya, pemberian di bawah Senarai Bersama, bayaran perkhidmatan, pemberian tahap, pertambahan hasil dan geran, keseimbangan kepada pihak-pihak berkuasa tempatan. Pemberian mengikut bilangan orang (*capitation grant*), dibayar dua kali setahun dan pemberian penyelenggaraan jalan raya dibayar pada setiap bulan. Sementara itu, pemberian-pemberian lain dibayar berdasarkan permohonan dan tertakluk kepada syarat-syarat dan kriteria yang telah ditetapkan.

Sehubungan itu, pembayaran pemberian-pemberian berkenaan kepada semua kerajaan negeri dilakukan apabila syarat-syarat dan kriteria tersebut dipatuhi. Bagi tahun 2000, Kerajaan Negeri Kelantan telah menerima pembayaran bagi semua pemberian berjumlah RM54.96 juta pada 15 September 2000. Manakala baki pemberian seterusnya iaitu sebanyak RM25.49 juta sedang diproses dan akan dibayar dalam sedikit masa lagi. Terima kasih.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusof: Terima kasih. Soalan tambahan saya, sebagaimana yang kita tahu geran peruntukan ini adalah nafkah wajib kepada Kerajaan Persekutuan kepada setiap kerajaan negeri termasuklah Kelantan dan Terengganu. Jadi, setakat ini, kenapakah kelewatan berlaku, kadang-kadang di akhir

Disember baru terima geran peruntukan dan ada di antara peruntukan yang telah diluluskan, contohnya dalam Skim Bantuan Untuk Air di Kelantan yang telah diluluskan lebih kurang RM60 juta, kalau tidak silap saya, tetapi duitnya masih belum dikeluarkan kepada kerajaan negeri. Jadi, kenapa perkara ini, seolah-olah satu diskriminasi berlaku kepada kerajaan yang di bawah pembangkang. Minta penjelasan yang sebenarnya dari pihak kementerian.

Tuan Hashim bin Ismail: Terima kasih, Yang Berhormat. Sebenarnya kita harus bersyukur kerana Kerajaan Malaysia tidak pernah mengabaikan komitmen dan tanggungjawabnya untuk memberikan bantuan kepada semua kerajaan negeri termasuk Kerajaan Kelantan. Misalannya, saya bagi contoh, capitation grant, geran mengikut kepala telah pun kita sempurnakan pada 15 September yang lalu sebanyak RM8.18 juta. Dan insya-Allah, bakinya itu akan kita bayar sebelum hujung tahun ini. Oleh kerana itu saya rasa tidak ada berlaku diskriminasi di antara negeri yang diperintah oleh pembangkang ataupun negeri yang diperintah oleh Barisan Nasional.

Misalnya saya beri contoh, bahawa pemberian untuk pembangunan tahap ekonomi, infrastruktur dan kesejahteraan rakyat, negeri Kelantan menerima peruntukan yang paling tinggi di antara negeri-negeri yang lain. Misalannya, *ceiling* untuk negeri Kelantan sahaja ialah RM25,980,000 paling tinggi, sedangkan negeri-negeri lain, Kedah, cuma dapat RM22 juta sahaja; Johor, RM10 juta sahaja. Lain-lain negeri kurang daripada Kelantan dan Kelantan dapat yang terbanyak. Ini menunjukkan bahawa Kerajaan Persekutuan memberi layanan yang cukup adil. Walaupun Kelantan diperintah oleh Pembangkang tetapi kita masih lagi memberikan pertimbangan yang cukup wajar dan kita berikan peruntukan yang cukup besar dan terbesar berbanding dengan negeri-negeri yang lain. Terima kasih.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya sedikit sahaja, mengenai wang geran kepada rakyat negeri Kelantan. Saya ingin tahu bilakah Kerajaan Persekutuan membayar yang paling terakhir sekali wang ini kepada negeri Kelantan.

Tuan Hashim bin Ismail: Terima kasih, Yang Berhormat. Saya sudah sebutkan tadi, mungkin Yang Berhormat tidak perasan. Bahawa yang paling akhir pembayaran dibuat ialah pada 15 September 2000 dan bakinya akan dijelaskan sebelum berakhirnya hujung tahun ini. Terima kasih.

10. **Tuan N. Marimuthu** minta Menteri Luar Negeri menyatakan prestasi perhubungan dua hala di antara Amerika Syarikat dan Malaysia berikutan dengan pemilihan Presiden baru Amerika Syarikat. Nyatakan juga prestasi pelaburan Amerika Syarikat di Malaysia semenjak pemilihan Presiden baru.

Timbalan Menteri Luar Negeri [Datuk Dr. Leo Michael Toyad]: Tuan Yang di-Pertua, sebagaimana Yang Berhormat sedia maklum, pilihan raya Presiden Amerika Syarikat baru sahaja diadakan pada 7 November yang lalu iaitu 35 hari yang lalu. Dan setakat ini, kita belum pasti siapa yang menang dalam pilihan raya yang berkenaan dan kita masih belum mengetahui pada masa kini. Walau bagaimanapun, sukacita saya ingin nyatakan di sini bahawa jumlah dagangan dua hala antara Malaysia dan Amerika Syarikat bagi tempoh Januari hingga September 2000 adalah RM90.96 bilion dan jumlah pelaburan dari Amerika Syarikat ke Malaysia bagi tempoh yang sama adalah RM1.52 bilion. Terima kasih.

Datuk Zainudin bin Maidin: Tuan Yang di-Pertua, bolehkah Dewan ini diberitahu apakah pandangan dan harapan Malaysia sekiranya bukan Gore yang menang tetapi Bush yang menjadi Presiden, adakah akan berlaku perubahan dasar Amerika ke atas Malaysia?

Datuk Dr. Leo Michael Toyad: Tuan Yang di-Pertua, mungkin kita boleh ramalkan di sini kerana walau bagaimanapun, kita belum pasti mana Presiden Amerika yang baru, tetapi kita mungkin percaya dari segi dasar-dasar luar mereka ada berbeza serba sedikit, tetapi walau bagaimanapun, ini kita pastikan bila kita melihatkan bahawa kita dapat percayakan dari segi pandangan atau hujah-hujah mereka memang dari segi pandangan Bush adalah berlainan dari pandangan Gore.

[Soalan No. 11 – *Y.B. Datuk Faridah binti Abu Hassan tidak hadir*]

12. **Datuk Zainudin bin Maidin** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah tawaran sokongan yang telah dibuat oleh kerajaan kepada Malaysian Industry-Government Group for High Technology bagi memajukan Malaysia ke arah menjadi pengeluar herbal mentah terbesar di dunia.

Timbalan Menteri Perusahaan Utama [Datuk Anifah Aman]: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab pertanyaan-pertanyaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Datuk Zainudin bin Maidin, soalan No. 12, 34 dan 44 pada hari ini juga, saya ingin memohon kebenaran Tuan Yang di-Pertua untuk menjawab bersekali pertanyaan daripada Yang Berhormat Tuan Abdillah bin Abdul Rahim pada 20 Disember 2000 ini. Ini adalah kerana pertanyaan-pertanyaan tersebut menyentuh mengenai industri herba.

Tuan Yang di-Pertua, dalam usaha untuk menjadikan Malaysia sebagai pengeluar utama herba, kerajaan sentiasa memberi kerjasama dan sokongan dalam bentuk kepakaran dan kemudahan peralatan kepada Malaysian Industry in Government High Technology Group (MIGHT), dengan izin. Dalam hubungan ini, kementerian saya melalui agensi iaitu FRIM sentiasa memberi kerjasama penuh kepada MIGHT dalam bidang penyelidikan dan pembangunan herba.

Di samping itu, pihak kerajaan juga memberi sokongan kepada MIGHT dalam bidang kawalan kualiti, agro teknologi, teknik pemprosesan dan pembangunan produk. Aktiviti-aktiviti tersebut merupakan pendekatan secara pelbagai disiplin seperti botani, farmakologi, biokimia, klinikal dan bioteknologi yang melibatkan pelbagai agensi kerajaan termasuk FRIM, IMR, MARDI dan universiti-universiti tempatan.

Malaysia mempunyai potensi untuk menjadi pengeluar produk herba yang bermutu tinggi berdasarkan kepada kepakaran dan kepelbagaian biologi yang terdapat di negara ini. Dalam hubungan ini, agensi-agensi kerajaan mempunyai kepakaran dan kemudahan peralatan makmal yang diperlukan untuk menjalankan penyelidikan yang komprehensif dari peringkat pengeluaran bahan mentah sehingga produk akhir.

Produk herba juga dikilang oleh pengilang bertaraf Amalan Pengilang Berkesan (APB) ataupun Good Manufacturing Factors (GMF), dengan izin.

Sehingga akhir September 2000 sebanyak 118 buah kilang industri herba bertaraf APB telah didaftarkan di Kementerian Kesihatan. Di samping itu, kewujudan kepelbagaian biologi yang tinggi di kawasan hutan tropika Malaysia memberi peluang kepada penemuan baru tumbuhan herba untuk kegunaan tertentu dalam perubatan.

Bagi memandu perkembangan industri herba, kerajaan sedang menyediakan satu pelan tindakan yang berasaskan kepada Dasar Pertanian Negara III (DPN3) dalam dasar Traditional dan Complementary Medicine (TCM). Pelan tindakan ini disediakan bersama oleh MIGHT interest group on herba berserta agensi-agensi kerajaan seperti MITI, MIDA dan lain-lain di mana input daripada semua pihak termasuk industri telah pun diambil kira.

Berhubung dengan soalan daripada Yang Berhormat Tuan Abdillah bin Abdul Rahim pula, saya memaklumkan bahawa berdasarkan rekod maklumat yang terkumpul sebanyak 1,200 spesies tumbuhan yang telah digunakan untuk perubatan tradisional secara individu. Kajian terhadap jenis herba yang sering digunakan oleh industri menunjukkan

bahawa di antara 25 ke 30 spesies digunakan untuk menghasilkan pelbagai keluaran produk herba. Beberapa spesies yang telah dikaji kegunaannya termasuk tongkat ali, kacip fatimah, mengkudu, ubi jaga dan serai wangi.

Untuk menentukan tumbuh-tumbuhan herba ini tidak akan pupus, usaha sedang dijalankan untuk melaksanakan penanaman tumbuhan herba secara perladangan melalui kaedah hidro technology. Terima kasih.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Soalan tambahan saya, adakah pihak kementerian telah membuat satu kawalan harga terhadap produk herba ini memandangkan di antara herba yang dikeluarkan mempunyai harga yang agak tinggi, sedangkan negara kita kaya dengan sumber herba ini.

Datuk Anifah Aman: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Pada ketika ini kerajaan atau kementerian belum lagi mengenakan apa-apa tindakan ataupun mengawal harga yang telah pun dikeluarkan pada ketika ini oleh kerana kita menganggap aktiviti-aktiviti yang dijalankan oleh pengubatan tradisional adalah agak kecil pada ketika ini. Walau bagaimanapun, kementerian telah mengajukan satu kertas kerja di mana bukan sahaja kita hendak berbincang dengan pengawalan harga yang dikeluarkan tetapi juga dengan artikel-artikel yang lain termasuklah sumber-sumber semula jadi yang harus dikawal dan juga pelbagai bidang penyelidikan dan pembangunan dan satu kertas kerja telah pun disampaikan kepada Majlis Tindakan Perhutanan Negara dan kemungkinan akan diserapkan tidak berapa lama lagi.

Puan Jamilah binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Di antara negara di Asia ini, Malaysia bersungguh-sungguh untuk mempertingkatkan teknologi terkini. Soalan tambahan saya, mana negarakah di Asia ini yang berasing hebat dengan kita mengenai perkara tersebut kerana persoalan ini perlu kita mengamati awal masa depan. Terima kasih.

Datuk Anifah Aman: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Pada ketika ini daripada statistik yang kita dapat bahawa kita banyak mengimport bahan-bahan herba ini daripada negara China, India dan juga Indonesia. Jadi, untuk menjawab soalan Yang Berhormat bahawa negara-negara ini adalah di antara negara-negara yang kita akan bersaing tentang industri herba. Walau bagaimanapun, langkah-langkah yang akan diambil sebagaimana yang saya katakan tadi, satu daripadanya ialah untuk mengekalkan sumber tumbuhan kita ini akan sedikit sebanyak mengatasi masalah-masalah dan saingannya akan kita hadapi pada masa-masa yang akan datang. Terima kasih.

13. **To' Puan Wan Asiah binti Ahmad** minta Menteri Pertanian menyatakan apakah strategi pemusatan pembiakan babi dan sejauh manakah strategi tersebut telah dilaksanakan.

Timbalan Menteri Pertanian [Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar]: Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian telah menggubal strategi jangka panjang industri ternakan babi menerusi pembangunan zon khas yang dikenali sebagai kawasan ternakan babi. Penternakan babi serta lain-lain kemudahan asas seperti kilang makanan ternakan, klinik haiwan, rumah sembelih dan pemprosesan produk daging babi akan dibenarkan di zon-zon tersebut.

Pengusaha-pengusaha akan dikeluarkan lesen terlebih dahulu dengan syarat-syarat tertentu sebelum mereka boleh mengusahakan ladang-ladang ternakan babi. Ini adalah bagi memastikan penguatkuasaan syarat-syarat kawalan pencemaran, sanitasi, bio security, penyakit serta mengatasi masalah kesihatan dan sosial.

Tuan Yang di-Pertua, pelaksanaan PFA masih berada dalam pelbagai peringkat perancangan. Setakat ini lokasi kawasan ternakan babi telah dikenal pasti di Sandakan, Sabah dan Samarahan, Sarawak.

Bagi negeri-negeri yang lain, tindakan untuk mengenal pasti kawasan-kawasan yang sesuai dan dapat menepati kriteria-kriteria yang ditetapkan sedang dijalankan.

Puan Siti Zailah binti Mohd. Yusoff: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Bolehkah pihak kementerian memberikan satu angka jumlah negeri yang manakah yang paling banyak mengeluarkan penternakan babi setakat ini.

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak punyai statistik angka yang tepat mengenai negeri yang paling banyak bilangan populasi babi, tetapi di antara negeri yang terlibat ialah Negeri Sembilan dan negeri Perak. Di Terengganu pun ada juga. *[Ketawa]*

Puan Jamilah binti Ibrahim: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Penternakan babi mengikut zon, soalan saya berapa jauh sekitar keluasannya, adakah pihak kerajaan membuat tinjauan awal dengan penduduk-penduduk di persekitaran kalau pengalaman kita di luar negara misalnya di Amerika Syarikat, penternak babi walaupun jauh sekitarnya, tetapi baunya sangat kuat, saya hendakkan keprihatinan kerajaan kepada penduduk di persekitaran dan itulah soalan saya. Terima kasih.

Dato' Seri Mohd. Shariff bin Haji Omar: Tuan Yang di-Pertua, bagi menangani masalah yang disebutkan oleh Yang Berhormat Senator tadi, kerajaan telah memperkenalkan konsep PFA ini, dengan izin, pig farming area di mana penternakan babi ini dipusatkan di kawasan-kawasan yang dikhaskan. Seperti mana yang saya sebutkan tadi, di kawasan ini perlu ada buffer, kerja-kerja dari segi penyembelihan dilaksanakan di kawasan yang berkenaan, kemudian tidak ada pergerakan babi hidup, semuanya ini adalah bertujuan untuk mengatasi masalah bau, masalah-masalah sosial dan lain-lain lagi. Kerajaan sedang mengkaji kaedah ini dan adalah diharapkan para penternak babi dapat menerima cadangan ini dan memenuhi syarat-syarat yang ditetapkan sebelum satu-satu kawasan boleh diisytiharkan sebagai kawasan zon penternakan babi.

14. **Datuk Long bin Jidin** minta Menteri Kesihatan menyatakan kedudukan penyakit mulut, kaki dan tangan oleh kuman enterovirus 71 yang boleh berlaku di negara ini dan apakah langkah-langkah pencegahan dan pengawalan supaya ianya tidak merebak.

Setiausaha Parlimen Kementerian Kesihatan [Tuan S. G. Sothinathan]: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon izin untuk menjawab pertanyaan ini bersekali dengan pertanyaan dari Yang Berhormat Tuan Abdillah bin Abdul Rahim pada 18 Disember 2000.

Tuan Yang di-Pertua, jangkitan penyakit tangan, kaki dan mulut ataupun HFMD adalah endemik di negara ini seperti juga di lain-lain negara di dunia ini. Penyakit ini disebabkan oleh virus dari kumpulan enterovirus. Ianya berjangkit melalui konteks dengan pesakit yang dijangkiti HFMD. Majoriti kes jangkitan berlaku pada kanak-kanak berumur dua minggu hingga lima tahun. Biasanya jangkitan adalah bersifat ringan dan jarang menyebabkan kematian.

Berikut adalah langkah-langkah kawalan dan pencegahan yang telah dan sedang diambil oleh Kementerian Kesihatan bagi mencegah kejadian wabak HFMD di negara kita ini, iaitu pemantauan kes-kes HFMD melalui pusat-pusat pemantauan seperti yang telah disebutkan, memberikan pendidikan kesihatan kepada orang-orang awam berkenaan penyakit HFMD dan langkah-langkah kawalan dan pencegahan yang perlu diambil. Ianya dilakukan sama ada melalui ceramah, risalah kesihatan ataupun poster.

Seterusnya menyediakan kemudahan rawatan percuma kepada kes-kes HFMD di hospital dan klinik kesihatan bagi tujuan rawatan awal dan mencegah komplikasi teruk jangkitan yang mungkin boleh menyebabkan kematian. Siasatan kes-kes HFMD yang dilaporkan untuk mengenal pasti penularan penyakit dan golongan berisiko tinggi.

Langkah seterusnya ialah mengadakan pemeriksaan kesihatan seperti di premis-premis yang berisiko tinggi dengan jangkitan HFMD seperti pusat jagaan kanak-kanak, taska, tadika dan lain-lain agar penjagaan kesihatan dan kebersihan yang optimum diambil bagi mencegah kejadian jangkitan penyakit HFMD.

Jika tahap kebersihan tidak memuaskan atau ada kes jangkitan HFMD dilaporkan, tindakan penutupan premis berkenaan boleh diambil. Langkah seterusnya ialah mengadakan pemeriksaan bersama ke pusat-pusat penjagaan kanak-kanak dengan agensi-agensi yang terlibat dengan pengurusan pusat jagaan kanak-kanak tersebut seperti yang telah diarahkan oleh Jemaah Menteri pada mesyuaratnya pada 18 Oktober 2000.

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Tuan Yang di-Pertua, baru-baru ini kita dengar penyakit mad cow disease, penyakit lembu gila telah merebak daripada England ke Eropah, telah banyak yang kena kes ini. Saya hendak bertanya kepada pihak kerajaan kerana kita ada mengimport daging lembu daripada Eropah dan juga daripada England terutama sekali, saya hendak bertanya apakah penyelidikan penyiasatan dibuat oleh Kementerian Kesihatan terhadap daging-daging ini dan kalau sudah buat, siapa yang buatnya, adakah kita mempunyai specialist dan apakah tindakan susulan daripada situ?

Tuan S. G. Sothinathan: Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya, soalan ini telah pun keluar tajuk, namun demikian untuk makluman Ahli Yang Berhormat, segala bahan-bahan makanan yang diimport itu memang Kementerian Kesihatan sentiasa memantau tentang kualiti dan juga perkembangan terkini yang berlaku di seluruh dunia.

Jadi, berkenaan dengan mad cow disease ini, daging-daging yang diimport dari luar negara ini memang kita import dari Australia dan India tetapi kita mempunyai satu bahagian, Bahagian Kawalan Mutu Makanan di bawah Kementerian Kesihatan yang sentiasa memastikan bahawa mutu makanan atau makanan yang diimport itu adalah mutu makanan yang tertinggi dan juga adalah bebas dari sebarang kandungan kuman.

15. **Puan Hajah Puizah binti Haji Abu Kassim** minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan sama ada kejatuhan harga minyak sawit sejak akhir-akhir ini adalah akibat serangan khusus ke atas komoditi berkenaan. Apakah tindakan kementerian untuk memastikan harganya akan pulih kembali.

Datuk Anifah Aman: Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya menjawab pertanyaan yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Puan Hajah Puizah, saya ingin memohon izin untuk menjawab bersekali pertanyaan oleh Yang Berhormat Puan Melanei Chia Chui Ket pada 13 Disember 2000 memandangkan pertanyaan beliau menyentuh perkara yang sama iaitu mengenai usaha kerajaan untuk menstabilkan harga dan prestasi industri minyak sawit negara.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian ini berpendapat masalah kejatuhan harga minyak sawit adalah disebabkan oleh faktor-faktor pasaran yang mana terdapat lebih bekalan minyak dan lama di pasaran antarabangsa. Di dalam negeri pengeluaran minyak sawit telah meningkat iaitu dianggarkan 10.6 juta tan pada tahun 2000 berbanding pada 10.5 juta tan pada tahun 1999 dan 8.3 juta tan pada tahun 1998.

Tambahan pengeluaran itu tidak diimbangi oleh peningkatan eksport. Masalah mempertingkatkan eksport ini telah diperburukkan lagi dengan perubahan dasar negara pengimport utama minyak sawit Malaysia seperti China yang kini cenderung mengimport bijiran minyak (oil seeds), dengan izin, seperti kacang soya dan India pula telah menaikkan cukai import ke atas sawit, palm olein ke tahap 65%. Dalam masa yang sama pengeluaran bijiran kacang soya dan red seed oil di USA, Brazil, Argentina dan Kanada serta pengeluaran minyak sawit di Indonesia yang semakin meningkat turut menjejaskan pasaran minyak sawit Malaysia terutamanya di pasaran-pasaran tradisi iaitu India, China dan Pakistan.

Akibat daripada permintaan eksport yang lembap maka stok minyak sawit dalam negara telah pun meningkat. Pada masa ini paras stok adalah kira-kira 1.4 juta tan berbanding 825,000 tan pada tahun 1999. Jumlah stok yang tinggi itu telah menekan harga ke paras yang lebih rendah. Walau bagaimanapun, kerajaan telah merangka pelbagai strategi bagi mengurangkan stok khususnya melalui peningkatan eksport dan pengurangan pengeluaran bagi membantu mengukuhkan serta menstabil harga minyak sawit di pasaran. Langkah-langkah yang diambil di antaranya ialah:

- (i) Memperkenalkan skim pengecualian cukai untuk eksport minyak sawit mentah di mana sejumlah 500,000 tan minyak sawit mentah dieksport terutama ke India dan Eropah tanpa duti dalam tempoh enam bulan mulai 15 September 2000. Melalui skim ini jumlah eksport akan dapat dipertingkatkan dan seterusnya stok dalam negeri dapat dikurangkan dan dengan itu membantu mengukuhkan harga di pasaran;
- (ii) Memberi kemudahan kredit kepada negara-negara luar yang ingin membeli minyak sawit melalui *Palm Oil Credit Payment Arrangement* (POCPA) dengan izin. Kementerian ini pada prinsipnya telah mendapat persetujuan Kementerian Kewangan untuk menyediakan kredit tersebut yang berjumlah sebanyak RM513 juta kepada 5 buah negara iaitu, Russia, Myanmar, Mesir, Bangladesh dan Korea Utara. Melalui skim ini dijangka Malaysia akan dapat mengeksport kira-kira di antara 390,000 dan 400,000 tan minyak sawit ke negara-negara tersebut yang akan menyumbang ke arah pengurangan stok;
- (iii) Memperkenalkan skim pinjaman mudah ataupun *soft-loan Programme* dengan izin, tanaman semula kelapa sawit pekebun kecil. Skim ini dilancarkan oleh Yang Berhormat Menteri Perusahaan Utama pada 14 September 2000 yang bertujuan untuk menggalakkan pekebun-pekebun kecil menanam semula pokok-pokok kelapa sawit yang tua. Dengan kegiatan penanam semula ini adalah dijangkakan penawaran minyak sawit negara dapat dikurangkan pada jangka masa pendek sebanyak 200,000 tan metrik sebulan;
- (iv) Memberi pengecualian duti eksport sebanyak 5% ke atas eksport minyak sawit yang diproses atau PPO di *Category I – Neutralise Refine Palm Oil, Bleach Palm Oil, Crude Palm Oil Olean* dan di *Category II - Neutralise In Refine Bleach Palm Oil, Neutralise Refine Palm Oil, Bleach Palm Oil* dengan izin, berkuat kuasa mulai 30 September 2000. Melalui kemudahan ini dijangkakan sejumlah 100,000 ke 200,000 tan minyak sawit dapat dieksport;
- (v) Mengajukan misi perdagangan dan teknikal ke luar negara bertujuan memperkukuhkan pasaran sedia ada dan mencari pasaran yang baru. Pada tahun ini negara-negara yang telah dilawati ialah India, Pakistan, Iraq, Iran, Russia, Ukraine, Rumania, Morocco, Syria dan Arab Saudi;
- (vi) Menggalakkan perdagangan terima balas atau *counter trade* dengan izin, yang melibatkan pertukaran pembelian minyak sawit Malaysia; dan

- (vii) Menggalakkan usaha-usaha untuk mempelbagaikan kegunaan minyak sawit bagi memastikan kestabilan harga pada jangka masa panjang. Ini adalah kerana struktur eksport barangan sawit negara adalah terhad 50% daripada keseluruhan eksport terdiri daripada *RD Olean* dan 31% lagi daripada bentuk *RBD Palm Oil*. Berikutan dengan ini, usaha ke arah pembangunan hiliran adalah penting bagi menghasilkan produk-produk pengguna yang berdaya maju. Dalam hubungan ini saya maklumkan Dewan Yang Mulia ini, bahawa Kementerian Perusahaan Utama dan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) terus berusaha membuat penyelidikan bagi mempelbagaikan penggunaan minyak sawit yang unggul di dunia. Pelbagai penemuan yang berdaya maju telah didapati seperti minyak sawit merah, lilin, *shortening salad dressing*, *translucent soap*, keju, vanaspaty, *reduce fats bread*, *pourable margarine* dan sebagainya dengan izin. Minyak sawit dan minyak isirong sawit juga adalah bahan asas bagi pengeluaran produk pertengahan atau *intermediate product* dengan izin, seperti *fatty acids*, *fatty asters*, *fatty alcohol*, *fatty nitrogen* dan *glassrolls*. Produk pertengahan ini adalah diperlukan untuk pembuatan barangan siap seperti sabun detergen, barangan kosmetik, pelincir, dakwat dan '*bio deserve*'. Dengan keluasan penggunaan yang dijangka permintaan dan ekoran darinya harga akan meningkat. Selain itu MPV juga sedang meneliti rancangan projek pengeluaran '*deserve sawit*'. Projek ini apabila dilaksanakan lebih kurang 500,000 tan minyak sawit mentah akan digunakan setiap tahun. Ia juga akan menyumbang ke arah memperkukuhkan harga kelapa sawit.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perusahaan Utama percaya secara keseluruhannya langkah-langkah yang dinyatakan tadi dijangka akan mempertingkatkan jumlah eksport minyak sawit ke luar negara dan pada masa yang sama mengurangkan jumlah stok dalam negara. Ini akan dapat meningkatkan atau menstabilkan harga minyak sawit di pasaran antarabangsa. Sekian, terima kasih.

16. **Dato' Haji Ahmad bin Ismail** minta Menteri Dalam Negeri menyatakan apakah kementerian sedar terdapat pemilik lesen syarikat kawalan keselamatan yang menjual lesen mereka tidak mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Pertubuhan Keselamatan Sosial Pekerja (PERKESO) dan lambat membayar gaji pekerja.

Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Dalam Negeri [Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi]: Kita sedar memang ada Syarikat Kawalan Keselamatan yang tidak membayar caruman KWSP dan SOCSO. Tindakan telah pun diambil untuk memaklumkan kepada agensi-agensi yang berkenaan supaya tindakan-tindakan diambil terhadap syarikat-syarikat ini.

Bagi Kementerian Dalam Negeri pula, kita telah mengenakan satu bentuk *punishment* ertinya kalau syarikat-syarikat ini hendak memperbaharui lesen dan kita tahu mereka tidak pernah bayar caruman kepada SOCSO dan KWSP maka pembaharuan itu tidak akan diberikan kepada mereka. Ini juga termasuk jika sekiranya ada apa-apa cadangan daripada syarikat yang berkenaan untuk melakukan pemindahan saham-saham kepada pihak lain. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat masa bagi jawab lisan sudah cukup.

[Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Lisan telah cukup dan Jawapan bagi Pertanyaan No. 11 adalah dijilid dalam buku berasingan]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2001

Bacaan Kali Yang Kedua

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Zainudin bin Maidin.

11.26 pg.

Datuk Zainudin bin Maidin: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih banyak kerana memberikan pendahuluan peluang kepada saya.

Pertama sekali barangkali saya ingin mengucapkan terima kasih dan rasa besar hati kerana semalam Yang Berhormat Menteri Kewangan sendiri telah datang ke sini untuk mengemukakan belanjawan bagi tahun 2001. Mungkin beliau ingin merasakan suasana yang berlainan, mungkin di Dewan Rakyat suasana ketika penyampaian belanjawan itu agak panas, hangat, hiruk-pikuk dan tidak begitu tenang. Mungkin beliau ingin mencari ketenangan di Dewan ini yang lebih sopan, lebih beradab dan yang lebih *Islamic* barangkali. [Tepuk].

Malaysia sekarang benar-benar berada dalam suatu krisis keyakinan. Keterampilannya dalam pendekatan ekonomi tidak sahaja dibuktikan oleh perangkaan tetapi dirasakan oleh rakyat. Jika tidak kerana pengawalan modal dan penetapan pertukaran asing, Malaysia akan senasib dengan Filipina, Indonesia dan Thailand yang dasar ekonomi, sosial dan politiknya diterajui oleh IMF. *International Herald Tribune* dalam keluaran 8 Disember 2000 lalu berkata, "tidak seperti Jakarta dan Bangkok yang lumpuh kerana krisis kewangan tiga tahun lalu, ibu kota negara Malaysia membangun dan terus membangun". Krisis ekonomi juga telah memperlihatkan ketahanan dan kemerdekaan dasar ekonomi dan politik negara yang sekaligus meningkatkan kepimpinan negara kerana strategi-strategi yang terbukti benar sekalipun menghadapi kecaman dan tentangan yang begitu hebat dari dalam dan luar negara.

Ucapan Yang Berhormat Tun Daim dan juga kenyataan Gabenor Bank Negara, Dr. Zeti Akhtar Aziz mengenai kedudukan ekonomi Malaysia bagi tempoh suku tahun yang ketiga tahun ini adalah menggalakkan dengan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) benar berkembang 7.7% iaitu 2% lebih tinggi berbanding suku tahunan sebelumnya. Dengan pertumbuhan itu maka beliau menjangkakan kadar pertumbuhan ekonomi bagi seluruh tahun ini melepasi unjuran 7.5% yang dibuat oleh kerajaan sebelum ini.

Sikap dan kerjasama rakyat Malaysia dalam mematuhi nasihat kerajaan ketika menghadapi krisis ekonomi, sekalipun dalam keadaan kegawatan politik telah banyak memberikan sumbangan ke arah kestabilan dan pengukuhan ekonomi. Rakyat Malaysia pada keseluruhannya tahu bila masa untuk menyimpan dan bila masa untuk berbelanja bagi membantu pemulihan ekonomi. Mereka juga tahu bila masa untuk berbelanja hanya untuk keperluan asas dan bila masa untuk belanja di luar keperluan seperti hiasan, pakaian, peiancongan dan sebagainya. Suatu perkara yang patut menjadi perhatian para pengkaji sosial dan ekonomi ialah pertumbuhan dengan banyaknya restoran mahal dan murah, café dan sebagainya di seluruh dalam masa keruncingan ekonomi.

Selain dari membuktikan bahawa rakyat Malaysia tetap mempunyai lebih wang dalam masa keruncingan ekonomi, ia menunjukkan juga corak perbelanjaan dan kelakuan berbelanja rakyat Malaysia dalam menghadapi krisis ekonomi. Mungkin mereka makan, minum dan bersembang lebih panjang dalam masa krisis kerana mereka mempunyai

keyakinan seperti telah dijanjikan oleh Malaysia dari masa ke semasa bahawa kita pasti keluar daripada setiap krisis.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, boleh saya minta maaf untuk berhenti satu minit sahaja. Ahli-ahli Yang Berhormat mengikut Peraturan Mesyuarat 6(1) sekarang saya menjemput Yang Berhormat Datuk Long bin Jidin untuk mempengerusikan Majlis Mesyuarat.

[Datuk Long bin Jidin *mempengerusikan Mesyuarat*]

Datuk Long bin Jidin: Teruskan Datuk.

Datuk Zainuddin bin Maidin: Terima kasih. Ini adalah perkara-perkara yang saya bantah tadi, suatu contoh-contoh yang kecil. Ini adalah suatu kualiti Malaysia dan kualiti rakyat dibantah dengan rakyat di negara-negara jiran, sekarang ini mereka kembali berbelanja seperti biasa di luar keperluan perut, mereka membeli rumah, mereka membeli kereta dan sebagainya. Kita berharap perbelanjaan pengguna akan terus meningkat dalam semua bidang bagi menyumbang ke arah kepesatan pertumbuhan ekonomi negara. Saya diberitahu semalam oleh Ketua Pengarah JPI, Dato' 'Mohar Sahar' bahawa tiap-tiap satu siri nombor keluaran baru yang dikeluarkan di Wilayah Persekutuan sahaja akan habis dalam masa tempoh empat bulan. Tetapi menurut anak saya bahawa dia beli kereta hanya tiga bulan dahulu, tetapi sirinya sudah habis dalam masa tempoh tiga bulan, kecuali barangkali di Perlis kalau saya dibetulkan, katanya empat tahun baru habis satu siri. Tetapi mungkin oleh kerana orang Perlis yang begitu kecil jumlahnya.

Beberapa langkah ekonomi yang dijalankan oleh Malaysia sejak dua tahun lalu, ternyata telah dapat mengawasi inflasi, menurunkan hutang negara kepada 52.4 peratus dan rizab antarabangsa dikekalkan pada paras yang tinggi. Bagaimanapun saya ingin mengetahui, apakah benar laporan terkini, lagi sekali ialah IHJH, *International Herald Tribune*, 5 Disember lalu mengatakan setelah dua tahun dikuatkuasakan, langkah kawalan modal sekarang gagal untuk menahan wang dan domestik kapital ke luar negara kerana kawalan itu telah mempunyai kebocoran ataupun *the sprung licks*, dengan izin. Laporan itu menyebut Pengarah MIER sendiri, Dr. Mohamed Arif sebagai sumbernya yang berkata, banyak domestik kapital yang mengalir ke luar negara kerana ia tidak lagi menghormati atau telah dapat melampaui sistem bank atau ada pihak yang dapat mengelak apa juga kawalan yang ada.

Adalah juga membimbangkan, simpanan luar negara walaupun diyakinkan tetapi menunjukkan telah menurun kepada USD4.2 bilion dalam masa lapan bulan lalu kepada paras USD30.3 bilion sekalipun lebih dagang menunjukkan rekod pendapatan eksport berbilion Dolar. Simpanan luar juga, simpanan ini menurun walaupun eksport meningkat. Saya tidak tahu apakah ini kerana lebih banyak kita mengimport barang-barang keperluan pengguna atau seperti makanan daging, lembu, ayam dan sayur-sayuran dan sebagainya dan kurang kita mengimport barang-barang yang boleh meningkatkan produktiviti yang merupakan suatu *capital investment*.

Menurut ucapan Menteri Kewangan semalam juga, pelaburan langsung asing terus mengalir ke negara ini tetapi saya telah acap kali membaca tulisan-tulisan dan juga pemikiran-pemikiran yang menarik daripada Pengarah MIER, Dr. Mohamed Arif yang memberikan fakta-fakta yang membimbangkan tentang FDI ini atau dalam bahasa Melayu, pelaburan langsung asing ke negara ini. Hanya mungkin menurut Tun Daim Zainuddin sendiri dalam penyataannya semalam, pelaburan asing FDI terus mencatat aliran meningkat masuk mengikut asas tunai dalam imbalan pembayaran berjumlah RM13.2 bilion dalam tempoh sembilan bulan pertama tahun 2000 berbanding dengan RM11.4 bilion dalam tempoh yang sama pada tahun 1999.

Tetapi saya ingin tahu, apakah pengaliran ini mencapai matlamat atau kadar yang dijangkakan. Kadar yang boleh meyakinkan kemantapan dan pertumbuhan masa depan dan pandangan-pandangan yang diberikan oleh MIER ini tidaklah seharusnya dipandang kecil kerana sedikit sebanyak menimbulkan kebimbangan dan haruslah diberi perhatian dengan sewajarnya. Di samping itu, usaha-usaha untuk meyakinkan pemodal luar terhadap negara ini mestilah diteruskan dan tidak ditumpukan kepada hanya syarikat-syarikat besar tetapi mungkin banyak syarikat kecil di luar negara yang berpotensi untuk menjadi syarikat besar yang seharusnya menjadi rakan kongsi Malaysia. Ketika usaha-usaha kempen untuk promosi pelaburan ke negara ini dibuat oleh Dato' Seri Rafidah Aziz di New York, saya telah turut berada dalam majlis ini, tetapi walaupun persatuan Amerika-Malaysia telah memberikan suatu *presentation*, suatu persembahan yang amat menarik dan meyakinkan, tetapi saya kurang yakin siapakah orang-orang yang menghadiri majlis ini.

Banyak di antara mereka yang saya bercakap dan saya temui adalah terdiri daripada penganalisis ekonomi yang juga perlu, saya tidak menafikan dan juga *the American intelligence*, CIA dan sebagainya yang saya sebagai orang barangkali daripada pengalaman saya, saya cepat untuk menciumnya dan saya cepat mengeluarkan pertanyaan yang mungkin menaikkan darah yang saya tahu, bahawa itu bukan kerja sebagai pelabur tetapi adalah kerja-kerja untuk kepentingan maklumat Amerika sendiri. Ada yang daripada Taiwan, yang bercakap Inggeris tidak betul, tetapi membawa kad-kad seperti ahli bank, mewakili bank-bank tertentu yang mungkin tidak ada pun di Amerika. Jadi orang-orang begini hadir dan saya bimbang kalau kehadiran mereka hanya semata-mata oleh kerana bila sudah Dato' Seri Rafidah Aziz pergi, majlis barangkali nanti tidak ramai, maka diramaikanlah perkara-perkara ini. Kita pun lakukan juga di sini. Jadi, inilah saya rasa bagaimana MITI untuk apakah usaha-usaha benar-benar dijalankan dalam keadaan kegawatan ekonomi ini untuk menangani masalah FDI ini sekiranya keadaan benar-benar serius.

Apa pun keadaan yang kita hadapi sekarang, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada ahli-ahli birokrat kita, pakar-pakar ekonomi di bank negara dan di Kementerian Kewangan yang telah memberikan bantuan kepada pimpinan negara untuk membawa Malaysia kepada keluar dari kegentingan krisis ekonomi. Kerjasama ini telah membuktikan hasilnya dan memberikan keyakinan kepada kita bahawa jika kita menghadapi satu lagi serangan atau dengan izin, *any further shock from the external environment*, Insya-Allah, kita akan mampu untuk bertahan dan mampu untuk sekali lagi bergabung dan berganding bahu mengatur strategi ekonomi bagi mempertahankan diri.

Satu lagi moral *booster* kepada Malaysia yang seharusnya meningkatkan lagi keyakinan kita kepada diri sendiri dan kepada patriotisme dan nasionalisme Malaysia ialah apabila sidang kemuncak tidak rasmi Ketua-ketua Negara ASEAN di Singapura baru-baru ini, telah menerima konsep Mahathir untuk penubuhan East ASEAN Forum yang disebut oleh wartawan *International Herald Tribune*, Michael Richardson dalam tulisannya di IHT 20 November lalu sebagai suatu yang telah dicadangkan oleh Malaysia sejak beberapa tahun, sekali pun lain-lain negara Asia Timur termasuk Jepun amat berhati-hati kerana ditakuti akan mengasingkan Amerika Syarikat dari kumpulan ini dan apa yang menarik ialah pada 15 Julai, 2000 *economist* telah mengakui hakikat ini dan saya cuba untuk mengaitkan apa yang dikatakan ini dengan apa yang dikatakan lebih kurang enam, tujuh bulan terdahulu di dalam *Economist* iaitu, Fred Buckstand pengarah kepada Institut Antarabangsa Ekonomi di Washington yang menulis khusus dalam *Economist* dengan izin, saya membacakan dalam bahasa Inggeris iaitu, *it was Mahathir Mohamed, the Prime Minister of Malaysia who first propose an East ASEAN Economic Group (EAEG) the decade ago. Nothing happened partly because Dr. Mahathir was under suspicion as an a protectionism but largely because the United States appeared drawing a line down the middle of the Pacific. American push instead successfully for relying on the Asia Pacific Economic Corporation which very little fun fair however ASEAN has now created the*

ASEAN+3 which precisely the same membership ASEAN iaitu, China Japan and South Korea yang *envisage by* Dr. Mahathir.

Ini *Economist* telah mengatakan tujuh bulan dahulu dan inilah suatu pencapaian dalam keadaan kita menghadapi kegawatan yang kebenarannya semakin jelas, tetapi malangnya dalam beberapa hal kita tidak dapat melihat. Dalam beberapa kegawatan politik, kita tidak dapat melihat putera Malaysia sebenar yang telah menyumbangkan ke arah meningkatkan maruah dan kekuatan negara sedangkan negara-negara yang bercakap besar sekarang menyembah kaki di Amerika dan jelas dilihat oleh dunia dan dirasakan oleh kita sendiri.

Dalam pada itu terdapat ahli-ahli akademik dan penulis-penulis bebas Barat yang melihat kewarasan dari tindakan ekonomi Malaysia yang dijuarai oleh kita sekali pun dilihat sebagai anti Barat tetapi menunjukkan kepercayaan kita yang terus menerus kepada pasaran bebas berbanding dengan pemimpin-pemimpin Asia lain sebelum keruntuhan Komunis. Sekalipun Amerika Syarikat dalam agendanya telah cuba memberikan gambaran yang menarik tentang Indonesia, Thailand dan Filipina berikutan dengan penerimaan mereka terhadap dasar (IMF) tetapi ternyata negara-negara itu tidak dapat bertahan apabila dalam jangka pendek, kredibiliti yang cuba dibangunkan oleh mereka tanpa berasaskan fundamental ekonomi telah runtuh secara tidak langsung telah mencemarkan nama (IMF) sendiri dan membantut kelicinan agenda Amerika di Asia malah membangunkan suatu kesedaran baru di kalangan negara-negara Asia Tenggara dan Asia Timur untuk membentuk kumpulan ekonomi dan politik dengan Jepun, China dan Korea Selatan seperti yang telah saya sebut tadi.

Berikutan dengan pencapaian satu demi satu yang telah kita tunjukkan dan maruah yang telah kita bina, Amerika Syarikat sekarang bersandar pada kenyataan dan desakan-desakan supaya ia mengkaji semula dasar-dasarnya dan pendekatannya terhadap Asia. Jika sekiranya rakyat Malaysia tidak bangun untuk menentang pencerobohan dan kebiadaban yang telah ditunjukkan oleh Gore di negara ini yang memberikan semangat kepada parti pembangkang, maka tentunya tidak akan timbul kesedaran yang semua ini di kalangan Amerika. Kita masih tidak terlalu lewat untuk mengucapkan syabas dan penghargaan kepada patriot-patriot Malaysia yang telah bangun tepat pada masanya. Bagaimanapun, saya kira di sebalik pencapaian gemilang di mata dunia ini, di dalam negara Malaysia berhadapan dengan krisis kemunduran politik, polarisasi kaum, *conservatism* dan *dogmatism* agama dan perpecahan perpaduan Melayu yang paling parah dan paling runcing sejak kemerdekaan. Ada suara yang memperkecilkan kepercayaan ini.

Dengan katanya umat Islam akan terus berpecah sehingga Kiamat dan ini perkara biasa. Bukan suatu perpecahan yang besar. Orang seperti ini selalu melihat masalah dalam suatu idealisme yang tidak berpijak kepada fakta, maka itu mereka mengkhayalkan Revolusi Iran sebagai suatu kebangkitan Islam, tetapi dalam realiti sebenarnya Revolusi Iran itu ialah suatu tragedi keruntuhan Islam paling besar apabila ia mengorbankan berjuta manusia Islam, orang-orang Islam dan yang menggunakan senjata orang-orang kafir dan meninggalkan bencana kesengsaraan dan kesedihan yang sangat besar ke hari ini. Perpecahan yang berlaku di Mesir sekarang tidak seharusnya dilihat dari konteks dunia. Di mana-mana di dunia lain ada orang Islam yang bergaduh, ada orang Islam yang berperang sesama sendiri tetapi di Malaysia sejak Merdeka perpaduan dan kerjasama antara orang Islam telah menjadi suatu asas bagi kerjasama dengan bukan Islam yang menstabilkan negara dan membangunkan ekonomi negara.

Pencapaian ekonomi negara menyebabkan kita merasa optimistik tetapi kemunduran politik menyebabkan kita menjadi pesimistik. Pilihan Raya Kecil Lunas adalah bukti jelas bahawa pencapaian dan ketahanan ekonomi negara tidak membawa kepada kesedaran politik dan sosial malah sebaliknya corak politik Malaysia kembali

kepada suasana sebelum peristiwa 13 Mei 1969 di mana isu-isu perkauman dan agama telah begitu *receptive*, telah diterima dan ekstremisme agama kembali subur.

Prinsip Barisan Nasional mempertahankan pemilihan calon tidak berasas kepada bangsa dan agama telah dikalahkan oleh pemilihan calon yang berasaskan kepada perkauman dan agama. Kerusi bukan Melayu berasaskan perimbangan dalam dasar Barisan Nasional telah hilang dan DAP sendiri kerana dendamnya telah sanggup membantu untuk menghapuskan hak bukan Melayu di Dewan Undangan Negeri Kedah. DAP yang terkejut dengan penolakan KeADILan terhadap calon keturunan India yang beragama Kristian dan mengecamnya sebagai parti perkauman yang tidak berprinsip tetapi akhirnya menjilat ludahnya sendiri.

Kenyataan yang dikeluarkan oleh Timbalan Pengerusi DAP, Karpal Singh yang diterbitkan oleh akhbar-akhbar pada 25 November 2000 berkata hakikat ini berbeza dengan DAP yang sentiasa mengamalkan politik pelbagai kaum dalam membentuk struktur asas parti dan sebuah parti yang percaya kepada prinsip-prinsip tetapi ternyata kenyataan Karpal Singh itu tidak benar kerana pada saat akhir DAP telah mengambil keputusan menyokong calon KeADILan yang dengan itu menghilangkan satu suara bukan Melayu dalam Dewan Undangan Negeri dan menambah lagi kekuatan suara Melayu di Dewan Undangan Negeri. Tanpa sedar atau tidak sedar dasar dendam telah menjejak DAP sendiri, telah menjejak dasar-dasarnya dan membantu membesarkan lagi polarisasi ras di negara ini.

DAP tahu sentimen agama dan perkauman telah digunakan dalam pilihan raya itu tetapi demi kerana dendam prinsip diketepikan. Pendekatan politik DAP ini sekalipun merbahaya kepada dirinya sendiri tetapi diteruskan oleh kerana barisan pembangkang telah melihat keberkesanan dalam menghakiskan kuasa Barisan Nasional tetapi sebelum kuasa Barisan Nasional terhakis DAP tidak sedar sebenarnya ia telah hilang kuasa sebagai suara pembangkang bukan Melayu yang paling nyaring di Dewan Rakyat yang sekarang digantikan dengan suara Melayu yang militan dan ekstrem.

Sebagai seorang Melayu saya mungkin dapat berbangga bahawa inilah pertama kalinya dalam sejarah kemerdekaan Malaysia suara Melayu yang sederhana dan ekstrem mempunyai kedudukan yang kuat dan terkuat dalam Parlimen jika disatukan. Jika saya seorang *rasionalis* atau pelampau agama saya akan berkata sekaranglah masa yang paling tepat untuk perpaduan Melayu. Jika PAS sebagai ekstremis agama boleh bekerjasama dengan Cina maka kenapakah suara saudara Melayu tidak boleh bekerjasama dengan pelampau Melayu. Tetapi saya tidak terdidik dan terbesar untuk melihat dan menilai kekuatan negara dari sudut perkauman. Saya tetap melihat masa depan negara, ekonomi dan politiknya adalah bergantung kepada perpaduan antara kaum, kestabilan, toleransi dan kerjasama yang melampaui batas agama dan perkauman.

Inilah asas dan falsafah serta kebudayaan yang telah diasaskan oleh Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra al-Haj yang telah menjadi budaya sebahagian besar orang Melayu tetapi perebutan kuasa di dalam UMNO yang didalangkan oleh anasir-anasir revolusioner yang dibawa masuk ke dalam UMNO, yang lebih mementingkan kuasa dan wang dari bangsa dan negara telah membawa kepada perpecahan orang Melayu yang besar sejak negara mencapai kemerdekaan.

Mahathir yang terlalu ghairah untuk perpaduan Melayu telah diyakinkan bahawa penyertaan anasir-anasir ini ke dalam UMNO akan melumpuhkan golongan revolusioner ini yang berpotensi akan memperkuatkan ekstremisme agama di negara ini tetapi ternyata bahawa sekarang beliau terpaksa membayar harga yang sangat mahal, harga yang sangat tinggi bagi perhitungannya yang salah 18 tahun lalu.

Anasir-anasir ini kembali bersekongkol dengan anasir-anasir yang revolusioner, kembali bersekongkol dengan anasir ekstremisme agama dan memberikan suatu kekuatan

baru kepada mereka. Corak perjuangan orang-orang revolusioner tidak pernah berubah dan jika mereka berjaya maka di mana-mana juga di dunia ini akhirnya rakyatlah yang akan menimpa malapetakannya.

Sebenarnya perpecahan antara Melayu sekarang bukan berpunca dari PAS tetapi dari dalam UMNO sendiri. Kemenangan PAS dalam pilihan raya yang lalu bukan kerana orang Melayu telah menerima fahaman ortodoks agama PAS tetapi adalah kerana perpecahan yang besar dalam UMNO. Adalah amat naif bagi PAS sebagai sebuah parti politik yang matlamatnya adalah kuasa tidak mengambil kesempatan untuk menanggung di air keruh. PAS tahu sokongan terhadapnya bukan kerana orang Melayu turut percaya kepada kejumudan Islamnya tetapi kerana simpati kepada 'mata lebam' dan PAS akan terus menggunakan atau mengeksploitasi apa juga isu atau keadaan yang sesuai sama ada yang dirancang atau yang tercetus untuk menghidupkan ingatan ramai kepada peristiwa ini bagi mengekalkan sokongan rakyat terhadapnya.

Ketua Pemuda PAS, akan sanggup masuk dan keluar penjara untuk menggambarkan dirinya sebagai seorang pejuang syahid dalam perjuangan ini. Maka itu adalah sangat perlu bagi rakyat melihat taktik politik yang menggunakan demonstrasi demi demonstrasi untuk melahirkan satu suasana yang sesuai untuk mencetuskan satu gerakan revolusi baru.

Inilah yang diramalkan oleh Mendiang Tan Sri C. C Thoo, Ketua Perang Saraf Polis Diraja Malaysia 10 dahulu dalam buku *The Communist Party Of Malaya di Inside Story* yang ditulis oleh pesara Cina ACP Timbalan Pengarah Special Branch, Elusis Chin. Tepat sekali apa yang dikatakan oleh C.C. Thoo. C.C Thoo berkata PKM hanya menggantung sementara perjuangan bersenjatanya tetapi menerusi penyusupan dan subversif dengan bantuan komunis. Dengan lain perkataan, komunis akan mencetuskan satu situasi revolusi baru atau *new revolutionary situation* yang akan dipercepatkan dan diburukkan oleh recession ekonomi negara di masa depan.

C.C Thoo berkata 10 tahun yang lalu. Tepat, sangat tepat. Dia adalah seorang bekas komunis, kalau saya tidak silap, dan kemudian dia masuk ke dalam Polis Diraja Malaysia dan menjadi seorang yang cukup komited kepada usaha-usaha kita untuk membunuh, menentang ekstremis agama dan komunisme dan juga gerakan-gerakan militan yang merbahaya kepada negara dan dia telah meninggal dan dia tidak hadir pada upacara menandatangani perdamaian dengan Parti Komunis Malaya di Haadyai yang saya sendiri hadir tetapi dia tidak hadir kerana dia tidak percaya sama sekali bahawa itu merupakan suatu penyerahan diri.

Kebangkitan demonstrasi yang didalangkan oleh PAS ini tentunya menarik perhatian gerakan-gerakan revolusi dari luar terutamanya dari negara-negara Islam tertentu dan adalah tidak mustahil mereka akan memberikan kerjasama dan membantu gerakan ini jika diperlukan dan bila sampai masa diperlukan dan akan menggambarkan negara ini tidak lagi berada dalam keadaan yang aman dan tenteram hari demi hari, hari-hari demonstrasi. Setelah keruntuhan komunis dan setelah tamatnya gerakan komunis di hutan-hutan di Malaysia, tidak mungkin komunis akan bangun lagi tetapi komunis anak-anak angkat mereka tidak semestinya hanya datang dalam komunisme.

Saya secara ringkasnya memberitahu pada hari berlakunya kebangkitan pelajar di Malaysia pada tahun 1974 yang sedikit sebanyak menumpahkan darah dan saya sendiri mengikuti kejadian itu di hadapan Universiti Malaya di mana pelajar-pelajar yang berdemonstrasi telah naik ke Bukit Kampung Kerinchi dan saya melihat kejadian itu yang mengerikan.

Tidak lama kemudian pada masa itu tersebar tentang cerita orang mati makan ubi gajah. Dan saya telah ditugaskan oleh Datuk Mazlan Nordin, sekarang di *Straits Times*, untuk menyiasat akan peristiwa ini di Baling dan secara ringkasnya Tuhan telah menolong

saya pada hari itu, saya dapat berjumpa doktor, pegawai polis, pegawai daerah dan sebagainya, kerja yang seharusnya berjalan mengambil masa satu minggu tetapi saya dapat selesaikan dalam satu hari dan saya juga akhirnya pergi ke satu kampung di Weng di Baling, satu kampung pedalaman.

Pada mulanya saya tanya dengan seorang doktor. Saya tidak bawa peralatannya adakah orang mati di Baling kerana makan ubi gajah. Doktor tadi kata di Malaysia kalau orang hendak mati susah. Orang hendak mati tiga bulan pun belum tentu mati kalau tidak makan. Dan kita ada jiran yang ambil tahu. Dan kemudian apabila saya pergi ke Weng saya tanya dengan orang Weng yang sedang berkumpul dalam hujan di sebuah pondok, saya tanya ada atau tidak orang mati lapar di sini. Dia kata tidak ada tetapi tadi ada komunis keluar di Baling 40 orang di hutan Weng.

Bagi saya sebagai seorang tua ini satu berita yang sangat besar. Sesungguhnya saya telah mendapat satu *world exclusive* pada hari itu. Saya pulang pergi kepada Raja Ahmad, adik kepada Raja Mohar yang menjadi Pegawai Daerah Baling, saya tanya dengan dia betul atau tidak komunis keluar di Weng tadi. Mana awak tahu? Dia panggil saya naik ke rumah dan jamu laksa, saya kata betul. Kenapa mereka keluar di Baling? Kenapa mereka begitu percaya keluar di Weng, Baling dan memberikan ubat-ubatan kepada orang-orang kampung. Kerana mereka percaya kawan-kawan mereka telah bangun di Kuala Lumpur. Dan ...

Datuk Long bin Jidin: Yang Berhormat, pasal ubi itu. Ubi gajakah atau ubi gadung?

Datuk Zainuddin bin Maidin: Ubi gajah dipanggil ubi gadung juga. Ubi gajah, orang Baling panggil ubi gajah. Ubi gajah dan ubi gadung saya ingat sama.

Datuk Long bin Jidin: Ubi gadung dia berakar. Ubi gajah dia berpokok.

Datuk Zainuddin bin Maidin: Jadi inilah. Saya selalunya tidak dapat keluar daripada suatu proses perkembangan sejarah negara. Saya tidak boleh. Saya sudah diorientasikan begitu mempercayai perkara itu. Jadi itulah keluar dan pada hari itu memanglah saya mendapat satu *world exclusive story*, dengan izin, dan perkara itu adalah benar. Mereka keluar dengan uniform dan memberikan pakaian, keyakinan. Jadi, inilah contohnya, adalah mustahil bagi saya.

PAS tidak tahu bahawa orang yang menagih sokongan darinya dan memberikan bantuan kepadanya adalah daripada bekas-bekas anasir revolusioner yang berjaya menyusup ke dalam UMNO menjadi kaya raya di bawah payung UMNO. Kemarahan mereka kepada pimpinan UMNO bukan kerana ketidakadilan UMNO kepada rakyat tetapi kerana mereka kehilangan peluang untuk mendapat kuasa yang lebih besar dan kekayaan yang lebih banyak juga kerana mereka terpaksa menanggung hutang berjuta ringgit berikutan dengan kehilangan peluang-peluang untuk menjadi lebih besar setelah kehilangan kuasa. PAS mendapat faedahnya. Barangkali pemimpin-pemimpinnya berkata "alhamdulillah".

Dalam hal ini, saya ingin menyentuh perihal seorang bekas Penolong Gabenor Bank Negara Malaysia, Datuk Abdul Murad Khalid yang memiliki saham dan 51 hartanah yang bernilai hampir RM24 juta yang pada 20 November lalu hanya dihukum denda RM500.000 dan tidak dihukum penjara setelah dia mengaku salah atas tuduhan gagal mengisytiharkan saham-saham dan hartanya.

Dia tidak dihukum penjara kerana menurut Hakim Mohd. Zaki Abdul Wahab pemenjaraan atau *custodian* bukanlah hukuman yang wajar dijatuhkan terhadapnya kerana dia telah banyak berjasa kepada negara, kepada orang ramai. Murad lebih banyak berjasa kepada dirinya daripada kepada negara. Hukuman yang tidak setimpal terhadapnya adalah *a mockery* terhadap keadilan, perundangan dan kehakiman di negara ini kerana semua

orang tahu kerana kes kecurian yang kecil, kerana hanya mencuri *Colgate* di pasar raya seorang pernah dihukum hingga selama setahun.

Kata hakim lagi, kesalahan tersebut lebih berbentuk teknikal kerana ia tidak mengakibatkan kerugian kewangan kepada mana-mana pihak. Kesalahan seorang pencuri *Colgate* juga boleh dilihat hanya sebagai kesalahan teknikal, menurut sudut pandangan komunis iaitu apabila seorang miskin mencuri atau mengambil harta dari orang kaya, dia adalah mengambil haknya. Adalah jelas menunjukkan bahawa hukuman ini bukan mengenai kebenaran tetapi mengenai pembuktian, bukan keadilan yang diutamakan tetapi kelonggaran undang-undang dan keutamaan kepada prosedur telah memberi ruang kepada hakim untuk menjatuhkan hukuman ringan kepada seorang yang telah menyalahgunakan kedudukan, kuasa, pengaruh dengan melibatkan diri dalam satu konspirasi politik yang telah memberikan keuntungan yang besar kepada diri sendiri dan bukan untuk negara.

Apakah orang seperti ini tidak mengkhianati harapan rakyat? Dan benar bagi seorang hakim untuk mengatakan dia tidak mengakibatkan kerugian kepada mana-mana pihak. Kenapa pihak pembangkang hanya mendiamkan diri dalam soal ini? Sekurang-kurangnya, dia telah berdosa kepada rakyat yang tidak mempunyai kedudukan untuk mengumpul wang dan harta yang sebesar itu. Sekurang-kurangnya dia berdosa kepada negara kerana telah menjadi contoh buruk kepada rakyat. Mencemarkan maruah pegawai-pegawai kerajaan yang berkhidmat dengan ikhlas dan bersih. Menghilangkan keyakinan dan menimbulkan keraguan terhadap Bank Negara. Dan juga mengkhianati kepercayaan bangsa dan agama.

Inilah akibatnya jika pegawai kerajaan menjadi kroni kepada orang politik. Kita melihat bukti yang jelas bahawa apabila pemimpin politik tersingkir, maka pegawai kerajaan yang berkepentingan turut terlibat dan ada di antara mereka menjadi musuh kepada pemimpin negara dan kepada kerajaan sendiri. Bagi seorang *layman* seperti saya atau orang biasa lainnya, dia tidak akan dapat memahami soal teknikal. Penglibatan orang yang bernama Murad dalam memiliki saham itu tetapi dia akan bertanya, bolehkan seorang pegawai kerajaan memiliki harta bernilai RM24 juta, sekalipun dia berkhidmat seumur hidup dengan kerajaan? Bukankah dia telah menyalahgunakan pengaruh, kedudukan dan kepakarannya menerusi pendekatan dengan ahli politik yang berpengaruh besar. Maka, dia dapat mengumpul harta sebesar itu.

Tidakkah undang-undang negara memihak kepada golongan elit dan golongan korporat? Oleh kerana semua orang mengetahui bahawa orang terlibat ada hubungannya dengan bekas pemimpin besar negara, maka tidakkah keringanan hukuman ini boleh dianggap sebagai nepotisme, kronisme dan pilih kasih dalam pelaksanaan undang-undang negara? Adalah sangat jelas ketidakadilan kepada umum apabila pegawai tinggi Bank Negara yang menyalahgunakan kuasanya diberi hukuman tanpa *custodian*.

Saya tidak mahu memperkecilkan PAS kerana pandai mengambil kesempatan dari perpecahan Melayu untuk membina pengaruh dan kuasa tetapi yang dikesalkan ialah kerana kita menyemarakkan perpecahan ketika teras kekuatan ekonomi yang dibina menerusi DEB sedang menghadapi cabaran yang paling hebat berikutan dengan krisis ekonomi dan gelombang globalisasi. Oleh kerana UMNO adalah merupakan payung kronisme dan nepotisme Melayu yang terbesar, maka perpecahan UMNO telah mengganggu kelicinan, malah membawa kepada kebangkrapan, penutupan dan kehilangan peluang-peluang ekonomi, tidak sahaja kepada mereka yang berada dalam UMNO tetapi juga mereka yang terkeluar dari UMNO atau keluar dari UMNO ataupun di luar UMNO.

Satu kajian yang dijalankan oleh beberapa orang anggota akademik UKM yang prihatin terhadap kedudukan ekonomi bumiputera yang tersiar dalam *Utusan Malaysia*, keluaran 5 Disember yang lalu menyatakan bahawa apabila dilanda kegawatan ekonomi, nilai aset tetap atau pelaburan ekuiti di kalangan bumiputera menurun. Modal miliknya

turun terdampar hinggalah menjadi lebih rendah dari penilaian semasa pelaburan dibuat. Pada akhir 90-an, hampir terhapus kemajuan yang dicapai oleh bumiputera selama tempoh DEB. Inilah dilema kelas menengah Melayu baru yang menjadi lebih manifest setelah kegawatan ekonomi.

Di samping itu, syarat milikan ekuiti, syarikat asing yang menjadi satu saluran peningkatan penyertaan ekuiti bumiputera pada mula DEB dilaksanakan, telah pun dilonggarkan kerana keinginan kita untuk menggalakkan FDI dan sebagainya. Dan oleh kerana tidak ada pemilikan modal dan keterampilan yang sesuai di kalangan bumiputera dan pensyaratan yang menuntut agar bumiputera menyertai syarikat asing, maka bumiputera kini dipinggir, terpinggir berbanding dengan zaman DAP dulu. Kajian itu juga menyatakan kebimbangan terhadap hakisan dalam usaha pembangunan manusia khususnya manusia Melayu. Oleh kerana Malaysia yang terdedah kepada dasar globalisasi, tentunya akan terpaksa membuat penyesuaian dengan pasaran *international* yang akan turut menghakiskan kegawatan politik negara yang sekarang pun telah nyata semakin susah untuk bertindak dengan bebas berkenaan hal-hal ekonomi dan kita melihat bagaimana negara, bagaimana Mahathir terpaksa bersilat, berhempas pulas menjawab tekanan dari dalam.

Kesempatan yang dilihat untuk menekannya dari dalam oleh kerana kelemahan kepimpinan Melayu dan di samping tekanan-tekanan daripada luar yang sangat membebankan, sangat meruncingkan dan sangat membimbangkan. Globalisasi menuntut pertambahan persaingan dan kerana itu terdapat kecenderungan mengurangkan kos termasuk pengurangan perbelanjaan untuk pembangunan manusia. Tentunya dalam tempoh singkat, belanja untuk pembangunan manusia sangat tinggi sedangkan pemerintah tertarik dengan langkah-langkah pengurangan cukai agar Malaysia menjadi lebih kompetitif.

Saya dan para ahli akademik dan saya percaya setiap orang Melayu bimbang jika pengurangan belanja pembangunan manusia berlaku, maka yang akan terbabat adalah pendidikan rakyat Melayu yang amat penting bagi menghasilkan kestabilan sosial, politik dan ekonomi negara ini. Pandangan cendekiawan di UKM ini adalah menunjukkan bahawa mereka mengakui hakikat bahawa perbelanjaan untuk pembangunan manusia telah berlaku secara meluas, telah mencapai kesan yang besar, telah memberi sumbangan besar ke arah *social mobility* dalam masyarakat Melayu yang melampaui batas-batas parti, tidak mengira orang PAS, tidak mengira orang Parti Rakyat, tidak mengira siapa juga fahaman politik mereka.

Ini adalah bukti tidak ada anak di kampung yang tidak pergi keluar bandar, tidak ada anak-anak di kampung yang tidak melanjutkan pelajaran ke luar negara. Tanyalah, pergilah ke kampung-kampung mana, insya-Allah, dalam 100 ada seorang yang pergi. Maka itu, saya rasa tidaklah salah kalau saya membuat analisis mudah bahawa sebenarnya yang menyebabkan perpecahan mudah berlaku ialah bukan PAS tetapi ialah kerana UMNO telah berjaya membesarkan kek negara dan menjadi saluran pembahagian kekayaan negara secara meluas terutama sekali dalam pembangunan manusia Melayu menerusi pendidikan yang membangunkan satu keyakinan diri bahawa mereka sekarang tidak payah bergantung lagi kepada kerajaan, bahawa mereka sekarang sanggup untuk menghadapi cabaran. Inilah satu keyakinan diri yang dibangunkan oleh DEB dalam beberapa hal.

Saya ingin menyatakan juga sejarah Amerika Syarikat. Kalau kita baca sejarah Amerika Syarikat yang juga menuju ke arah national unification adalah menghadapi masalah-masalah yang amat sama dengan Malaysia. Dalam bukunya, *The Hidden Crisis in American Politic* oleh Samuel Glubell menyebutkan apabila kemakmuran berlaku dalam awal tahun 70-an, bahawa kemakmuran yang meningkat di Amerika telah mengikis kesetiaan kepada parti. Tidak sahaja kepada Republikan tetapi juga kepada Demokrat dan telah mempengaruhi kewujudan pengundi-pengundi baru yang menyebabkan berlakunya

perubahan yang dramatik (*dramatic swing*) dalam pengundian dari satu pilihan raya ke satu pilihan raya.

Maka itu tidaklah menghairankan apabila Kerajaan Barisan Nasional menyatakan bahawa kami telah membina lebuhraya untuk anda. Maka mereka akan berkata, "Adalah tanggungjawab setiap kerajaan membina jalan raya". Kami telah memberikan biasiswa kepada anda dan mereka akan berkata, "Semua kerajaan mesti memberikan biasiswa kepada kami" tetapi generasi baru ini tidak pernah bertanya, bagaimanakah pemerintah negara ini sampai kepada satu keadaan yang mempunyai kekuatan, kemantapan dan keteguhan ekonomi untuk boleh memberikan apa yang mereka harapkan, boleh menjalankan tanggungjawab yang seharusnya menjadi tanggungjawab setiap kerajaan?

Mereka tidak pernah bertanya, bagaimanakah kita boleh sampai kepada taraf pemantapan dan ketahanan yang kental yang sanggup menghadapi serangan dari luar, sedangkan satu demi satu negara jiran menjual maruah diri dan harga kemerdekaan? Apakah jika pengurusan ekonomi terlalu salah? Apakah terlalu banyak nepotisme dan kronisme? Apakah kerana terlalu banyak penyelewengan dan pengamalan nepotisme dan kronisme yang tidak adil, maka kita sampai kepada taraf ini, sampai kepada satu pembahagian kekayaan yang begitu meluas?

Mereka tidak diberitahu menerusi sekolah-sekolah bahawa kemakmuran negara ini diasaskan oleh satu falsafah yang sangat mudah oleh Almarhum Bapa Kemerdekaan Negara, Tunku Abdul Rahman yang berkata, "Negara ini secara paling mudah, negara ini mesti menyediakan pakaian dan bukannya uniform, makanan dan bukannya peluru, perumahan dan bukannya berek. Dalam bahasa Inggeris, dengan izin, kalau dapat saya terjemahkan, "*We must provide the clothing not uniform, the food not bullets, the housing not barrack*". Kata-kata ini diilhamkan kepadanya oleh keadaan sekeliling negara-negara yang baru merdeka pada ketika itu.

Di Asia dan Afrika, yang selepas merdeka asyik dengan persediaan untuk meneruskan satu revolusi baru untuk memerangi penjajahan baru, mempersenjatakan rakyat dengan uniform, peluru dan berek. Ketika itu terdapat golongan di Malaysia sendiri yang berkumpul dalam PAS, yang berkumpul dalam barisan sosialis, yang turut merendahkan kemerdekaan negara ini kerana dicapai menerusi dulang emas dan tidak menerusi perjuangan berdarah, tidak menerusi pertumpahan darah dan mereka akhirnya menyokong suatu revolusi yang cuba dieksportkan oleh Sukarno ke negara ini atas nama konfrontasi dan golongan ini terus menyokong dari satu revolusi ke satu revolusi. Dari revolusi Indonesia ke revolusi Iran. Dari revolusi Iran, balik kepada reformasi yang juga dieksport dari Indonesia. Satu lagi revolusi yang cuba dicetuskan. Ke mana?

Mereka tertarik dengan Indonesia yang sekarang telah dibuat konklusinya dari jalaran sejarahnya oleh beberapa akhbar di Amerika sendiri yang begitu hebat dulu, memuja-muja pemimpin-pemimpin baru, apa katanya? Apa kata *New York Night Time* tentang sejarah Amerika? Presiden Indonesia yang pertama, *Sukarno, new order, Suharto, bit talk order and Gus Dur, no order* dan lebih jauh dari itu. Kenapa kita mencapai taraf sekarang? Kerana Almarhum Tunku Abdul Rahman telah mendengar dan mematuhi firman Allah dalam ayat Surah Al-Maidah yang kelapan, [*Membaca ayat Al-Quran*] Terjemahannya, "Wahai orang-orang yang beriman, hendaklah kamu semua sentiasa menjadi orang-orang yang menegakkan keadilan kerana Allah lagi menerangkan kebenaran dan jangan sekali-kali kebencian kaum terhadap sesuatu kaum itu mendorongkan kamu kepada tidak melakukan keadilan. Hendaklah kamu berlaku adil kepada sesiapa juga kerana sikap adil itu lebih hampir kepada takwa dan bertakwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah amat mengetahui dengan mendalam akan apa yang kamu lakukan."

Tetapi ketika itu, PAS mahu menidakkan orang-orang Cina di Malaysia. PAS mahu menidakkan orang-orang India di Malaysia. PAS tidak yakin bahawa kita boleh

hidup bersama. PAS menunjukkan permusuhan yang paling hebat kepada orang Melayu dan saya sendiri menemui Allahyarham Tunku Abdul Rahman selepas peristiwa 13 Mei. Saya menemui Allahyarham Tunku Abdul Rahman dengan Allahyarham Osman Abadi, Timbalan Ketua Pengarang *Utusan Melayu*, apa Tunku beritahu saya? Ini akan saya catitkan sebagai sejarah.

Tunku ceritakan selepas 13 Mei, orang Melayu sudah kuat, tentera kuat di tangan Melayu, kuasa di tangan Melayu, Presiden PAS, Allahyarham Dato' Asri datang dan minta Tunku rampas semua kedai orang Cina, kita jadikan hak kita. Rampas semua harta orang Cina, kita jadikan hak kita. Apa Tunku kata? Very simple. Tunku kata, "Gilakah? Dia orang cari harta, buat harta berapa lama, kita hendak rampas begitu sahaja?" Very simple tetapi it is a very, maaf, cukup rasional, yang cukup adil, cukup berpandangan jauh yang menyebabkan saya mempunyai rasa satu penghargaan yang sangat tinggi, yang sangat saya hormati, yang saya sangat junjung nilai-nilai yang ditanamnya, tidak menjadi satu liar, menjadi satu bangsa yang rasional dan sehingga kita sampai kepada taraf yang dihormati pada hari ini di atas asas-asas keyakinan yang seumpama ini.

Kita jangan terlalu kecewa dengan keadaan ini jika anak-anak kita diajar tentang kebangkitan satu bangsa dari tanah yang dibugar di hutan belantara. Dari biasiswa kepada anak-anak miskin di kota dan desa tanpa beza membeza. Dari penghijrahan besar-besaran orang desa ke kota, dari kemarahan api 13 Mei yang meragut nyawa orang-orang yang tidak berdosa dari perpaduan berbilang bangsa. Kita tidak cukup mengajar Sejarah kepada mereka, lebih buruk lagi ialah kita membawa anasir-anasir subversive dalam UMNO dengan harapan untuk memperkukuhkan perpaduan Melayu tetapi sebaliknya telah mengakibatkan kehancuran kepada teras perpaduan Melayu bukan kecil, tidak kecil, ini besar sebab perpaduan Melayu ada di dalam UMNO. PAS sememangnya adalah satu serpihan dalam sejarah kebangkitan Malaysia. Yang besar ialah perpaduan Melayu yang diasaskan oleh UMNO itu hampir hancur, itu berserakan. Kalau tidak jaga akan menghancurkan semua pihak di negara kita.

Kita tidak harus menyesal apa yang berlaku malah apa yang berlaku pun bukanlah dirancang suatu political accident yang amat mahal harganya yang terpaksa dibayar oleh Mahathir tetapi apa yang penting sekarang ialah kita memerlukan satu formasi, new deal collation ke arah perpaduan semula orang-orang Melayu yang diharapkan akan dapat membawa kepada sosial numeration yang lebih besar atau kepada, dengan izin, more perfect union. Pemimpin besar Melayu, cerdik pandai Melayu, para profesional Melayu mestilah memikirkan hal ini secara serius dan ikhlas sebelum keadaan ini menjadi lebih buruk untuk kepimpinan masa depan negara dan saya ingin – barangkali saya tercicir untuk membawa satu keratan akhbar tentang Yusof Qardawi yang meminta orang-orang Islam di Dubai, dia baru dianugerahkan satu anugerah yang besar oleh Kerajaan Dubai diminta supaya orang Islam memikirkan bahawa kita sedang menghadapi musuh bersama dan perpaduan adalah lebih penting daripada segala-galanya tetapi ini adalah satu idea yang mungkin sudah tidak begitu sensitif kepada kita sekarang.

Pada akhirnya saya ingin menyentuh juga bahawa oleh kerana kelemahan kepimpinan Melayu maka suara-suara yang ingin mengambil kesempatan daripada kelemahan ini amat jelas umpamanya tuntutan-tuntutan yang telah didatangkan oleh Suqiu. Saya tidak mahu mengulas panjang, semua kita membaca tetapi ini ialah oleh kerana kenapa hal ini berlaku. Kenapa mereka mengemukakan tuntutan ini kerana melihat suatu perpecahan dan juga kelemahan dalam kepimpinan Melayu dan ini seperti juga dan apa mereka kata kami tidak menuntut supaya hak orang Melayu dihapuskan. Lee Kuan Yew dulu semasa memperjuangkan Malaysian-Malaysia tidak mengatakan tidak, kami tidak menuntut supaya hak istimewa orang Melayu dihapuskan tetapi dia bertanya dalam Parlimen, kerana apa ada nama Keretapi Tanah Melayu kerana apa jam waktu tanah Melayu. Begitu bijak sekali dia mempermainkan perasaan perkauman di dalam Parlimen

Malaysia yang membangkitkan suatu perasaan yang tidak senang di kalangan orang Melayu dan juga menimbulkan kecemburuan yang bukan-bukan di kalangan orang bukan Melayu. Katanya saya masih ingat dan dalam bukunya di Singapore Story olehnya dia juga memikirkan secara halus iaitu saya ada hak di negeri ini, saya terima Bahasa Melayu sebagai Bahasa Kebangsaan tetapi awak tidak boleh melarang saya untuk bercakap Bahasa Cina di rumah saya. Awak tidak boleh melarang orang-orang Iban bercakap Iban dalam rumahnya. Soalnya, siapa yang hendak larang? Tetapi inilah kita berhati-hati dalam permainan politik ini mengadakan perkara yang tidak ada, menimbulkan kebimbangan yang tidak ada dan kini saya tidak mahu berkata apa-apa. Hanya saya ingin menyatakan secara ringkas bagaimana buruk sekalipun perpecahan Melayu, kaum ekstremis Cina janganlah mengharapka ia akan membantu kemajuan politik dan ekonomi orang-orang Cina. Ini harus saya bercakap daripada pengalaman betapa buruk pun perpecahan orang Melayu janganlah diharapkan kesempatan diambil ini untuk mendatangkan kemajuan kepada politik dan ekonomi orang-orang Cina.

Ekstremis-ekstremis DAP yang mendorong tercetusnya tragedi 13 Mei telah membawa kemunduran politik kepada orang-orang Cina, itu hakikatnya dan membangunkan suatu kesedaran politik yang lebih besar di kalangan orang Cina untuk menyertai suatu perkongsian sederhana yang lebih menjamin keselamatan masa depan bagi semua kaum. Maka itulah lahir suatu perpaduan yang lebih besar dari Perikatan. Suatu perpaduan yang disertai oleh orang-orang yang dulunya dikenali sebagai chauvinist China, Chong Yew dan beberapa orang lagi yang kemudiannya begitu menghargai dan begitu mengagumi Tun Abdul Razak sendiri. Sesuatu kesedaran yang timbul dari suatu tragedi yang amat buruk kepada negara yang saya tidak sanggup melihat ianya berlaku sekali lagi. Di samping itu oleh kerana perubahan-perubahan yang berlaku di negara ini, saya juga ingin meminta supaya pihak keselamatan, pihak kerajaan sendiri memikirkan apakah definisi subversive sebab kita telah memberikan definisi subversive itu dan orientasi untuk tahanan-tahanan di bawah ISA berasaskan kepada definisi dahulu iaitu subversive itu ialah Komunis ataupun gerakan-gerakan yang ada kaitannya dengan China, Rusia dan sebagainya. Itu adalah dalam kepala kita sekarang walaupun apa tafsiran pun tetapi subversive itu adalah Komunis tetapi ia telah datang dalam bentuk yang lain sekarang. Ia telah datang dalam bentuk orang yang dulunya kalau kita dulu menjadi kawan kepada Amerika, tidak menjadi masalah. Kawan kepada Amerika adalah kawan kepada kerajaan pada ketika itu. Menjadi alat Amerika adalah tidak mengapa kerana kita mempunyai matlamat yang sama untuk menghancurkan komunisme yang menjadi bahaya kepada

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Tadi dalam ucapan Yang Berhormat ada menyebutkan bahawa partai UMNO telah diresapi oleh subversive.

Datuk Zainudin bin Maidin: Tolong ulang.

Tuan Hassan bin Haji Shukri: UMNO telah diresapi oleh gerakan subversive itulah yang dikatakan oleh Yang Berhormat yang menyebabkan perpecahan orang Melayu. Bolehkah Yang Berhormat bersetuju dengan saya bahawa sesungguhnya perpecahan orang Melayu di negara kita ini adalah bermula daripada UMNO dan saya ucap terima kasih kerana Yang Berhormat berkali-kali menyebutkan bahawa PAS tidak terlibat dalam perpecahan orang Melayu di negara kita ini. Terima kasih.

Datuk Zainudin bin Maidin: Bukan PAS tidak terlibat. PAS bukan menjadi punca [*Ketawa*] tidak terlibat saya tidak beritahu, tidak betul. Kalau saya terlupa, jadi Ustaz tentang Subversive itu kerana UMNO itu juga di.....

Tuan Hassan bin Haji Shukri: Yang Berhormat berkali-kali menyebutkan bahawa UMNO telah diserapi ataupun dimasuki oleh anasir-anasir subversive. Jadi Yang Berhormat minta supaya tafsiran subversive itu bukan hanya dikatakan seperti sekarang ini

iaitu macam Komunis. Jadi apakah itu satu perkara yang benar dan Yang Berhormat juga mengatakan itulah yang menyebabkan perpecahan orang Melayu dalam UMNO.

Datuk Zainudin bin Maidin: Ya, saya minta supaya tafsiran itu dibuat semula sebab apa kita harus mempunyai satu term, satu jargon yang akan meyakinkan rakyat terhadap musuh kita yang sebenarnya. Sekarang kita menghadapi satu cabaran globalisasi yang baru yang Amerika dengan agenda-agenda yang tersendiri untuk sabotaj ekonomi, untuk menggunakan orang-orang daripada negeri ini sendiri, menggunakan wartawan media dan sebagainya bagi menghancurkan satu pembentukan bangsa mengikut maruah dan juga mengikut integriti dan identiti bangsa kita sendiri. ini cabaran yang dihadapi oleh seluruh dunia. Jadi cabaran itu telah berlainan daripada masa cabaran yang kita hadapi Komunis dulu. Komunis itu senang kita kenal musuhnya tetapi sekarang kita menghadapi musuh dari kawan. Dari kawan inilah yang disebut oleh pemimpin negara sekarang ini iaitu new colonialism. Jadi bagaimana saya tahu umpamanya di satu badan United Nation di sini yang menjemput pada hari hak asasi manusia menjemput wartawan-wartawan dari Bangkok, Indonesia untuk memberikan syarahan tentang kebebasan akhbar di Malaysia. Siapa mereka? Orang-orang ini datang untuk memberikan syarahan tentang kebebasan akhbar di Malaysia. Wartawan-wartawan yang hidup dengan upahan Amerika, di Bangkok dan Thailand yang ekonominya sangat rendah yang saya tahu boleh dibeli oleh orang Amerika dengan mudah, dengan hanya sebungkus nasi. Mereka datang untuk mengajar kita. Hati-hatilah kerajaan.

Tahun dulu mula-mulanya wartawan dari Bangkok kemudian baru dari Jakarta. Apa kredibiliti mereka ini hendak bercakap tentang kebebasan. Mereka belum bebas dari perut lagi. Ini bahaya-bahaya yang kita hadapi dan ketika baru berlaku reformasi, wartawan Indonesia, Nasir Tamara dihantar untuk menghasut reformasi di Universiti Malaya. Soalnya sekarang ialah kita harus bagaimana tafsiran semula terhadap subversive tentang perkataan subversive ini untuk orientasi dalam usaha kita untuk menjaga dan mengawal keselamatan negara. Tafsiran-tafsiran semula haruslah dibuat supaya ianya tidak akan menjejaskan kerja-kerja dan juga dapat menanam satu kebencian terhadap anasir-anasir yang mungkin merosakkan negara seperti mana kita berjaya dalam menimbulkan kebencian terhadap anasir-anasir Komunis.

Pada akhirnya saya ingin untuk menyampaikan tahniah kepada jabatan-jabatan kerajaan, kepada JPJ yang telah menunjukkan keberkesanan dalam memerangi lesen terbang dan juga kepada Pengarah Jabatan Imigresen yang selalu sukar saya sebutkan kerana namanya agak luar biasa yang membawa perubahan yang sangat besar kepada Jabatan Imigrasi. Saya dulu memanglah bila pergi ke Imigresen terpaksa juga kita jumpa orang itu, jumpa pegawai ini, hendak cepat passport tetapi sekarang keadaan sudah lain. Pegawai Imigresen kata 4 hari boleh siap. Pada satu hari saya hendak pergilah cari pegawai. Dia kata, encik hendak buat apa? Saya hendak buat passport ini, tidak payahlah kita boleh buat dua tiga hari sahaja. Jadi perkara-perkara ini kemudian Jabatan Pengangkutan Jalan menimbulkan keyakinan bahawa kerajaan betul-betul hendak menghapuskan rasuah, betul-betul hendak memerangi, betul-betul hendak beri kemudahan kepada rakyat. Kemudian yang belum lagi ialah saya rasa tidak nampak keberkesanannya lagi Jabatan Kastam. Jabatan Kastam belum menampakkan kegigiannya, keghairahannya, belum menampakkan keberkesanannya dan masih menjadi cakap-cakap yang tidak elok di kalangan orang ramai.

Kalau ketiga-tiga jabatan ini dan disertai oleh polis jadi saya rasa inilah yang paling penting untuk mengembalikan keyakinan rakyat kepada kerajaan dan satu lagi yang amat sedih. Saya tidak tahu bilakah kita akan dapat atasi masalah ini iaitu sikap kakitangan kerajaan di kaunter-kaunter.

Kita ini tidak tahu kita pergi ke Barat, anak-anak kita belajar di Barat, balik bercerita tentang kehalusan budi, tentang kesetiaan kepada undang-undang dan

sebagainya, tentang kita masuk bank dia nampak kita di belakang dia buka pintu bank. Mat Saleh semua ini, kehalusan, penghormatan terhadap manusia. Penyamun, perompak pun di Amerika tentang undang-undang jalan raya dia hormat juga. Yang dia buat, buat, dia rompak, rompak juga. Ini satu benda yang kita tidak tahu, satu peradaban. Saya ingat satu anak kawan saya lama tinggal di London, datang balik pergilah ke Jaya Jusco dan minta cari video tape sekian-sekian tajuk di sini lebih murah. Hei sana pergi ambillah, dia terkejut, menangis sebab apa di sana tidak biasa begitu. Bila ditanya begitu dia pergi bawa, cari, tinggalkan orang lain dahulu, cari sampai jumpa. Pergi dekat Mara itu maaflah, orang tua-tua datang minta form, ini form, ambil isi.

Setengah itu tidak tengok mata orang. Baru ini saya catatkan haribulan tetapi saya hilang tercicir. Jabatan Pengangkutan Jalan saya puji, tetapi kaunter patut buka 7.30, pukul 8.00 baru buka, masih berlaku. Jabatan Pendaftaran Negara pun sama juga ada berlaku dan saya ada haribulan yang saya catatkan, saya tidak hilang, ada insya-Allah akan saya carikan. Sengaja untuk saya kemukakan perkara ini. Kemudian itu satu orang Cina datang minta form, saya boleh bawa saksi ini, saya ceritakan minta form, awak hendak atas 12 tahunkah atau di bawah 12 tahun. Itu form angkatlah. Orang Cina sekarang ini cakap bahasa Melayu bagus. Bukan bahasa macam itu sekarang tidak boleh kasar dengan orang. Kenapa kita membohongi bangsa kita. Bangsa kita orang berbudi bahasa, kita dikhayalkan oleh penulis-penulis kita, kita orang-orang yang berbudi bahasa tetapi apakah benar. Dari mana budi bahasa itu datang. Istana mempelajari saya ingat mempelajari budi bahasa itu dari orang Inggeris, dari Kolej Kuala Kangsar, dari dahulu sejarah itu. Saya tidak tahu tetapi saya rasa langkah-langkah yang khusus diberikan kepada orang-orang yang bekerja di kaunter. Kursus harus diberikan kepada orang yang berinteraksi dengan orang ramai. Umpamanya kita merasa segar bila kita melalui tol-tol, Assalamualaikum pak cik. Benda itu kita tahu dibuat-buat, dilatih, diajar tetapi menyenangkan, menyebabkan kita rasa besar. Kita masuk di Sogo, itu ajaran Jepun tunduk, tidak apa itu kepalsuan, tetapi itu menyenangkan. Orang kita harus diajar, masa sudah lewat, 30 tahun merdeka budi bahasa kita dalam banyak hal terutamanya di kalangan kaunter-kaunter ini masih tidak berubah.

Saya, maaflah tetapi Dato' Kadir Yasin telah menulis ketika isteri saya kena stroke di Hospital New Zealand, saya pergi ke hospital, dia tanya ada tidak insurans. Saya kata saya tidak ada, saya ingat pegawai boleh membuat tuntutan, saya kata tidak ada. Tetapi credit card adalah. Apa katanya maaf dengan izin, don't worry about credit card, don't worry about your insurance, we are worry about your wife. Bagaimana kita rasa, bagaimana perasaan kita masuk dalam hospital, masuk kita cari-carilah. Are you alright there dengan izin. Its okay I am looking for toilet. Kita cari dia datang, datang bawa saya, saya tahu doktor. Doktor bawa saya pergi toilet. Kemudian saya bawalah isteri masuk terus ke Universiti Hospital di sini, masuk perbezaan sudah saya nampak tentang lampu pun – bumi dengan langit. Lampu yang begitu redup dan sebagainya. Masuk dua tiga hari kemudian saya tengok dengan mata kepala sendiri, satu orang baru masuk di situ, baru kena stroke dia tidak boleh beralih ke sebelah sini. Satu orang amah kah apa "hey", ha saya lost temper. Ini budi bahasa kita, di mana kita – kita deal pakai kelubung tidak apa, jangan tidak tengok dekat orang. Kita pakai kelubung tetapi jangan tutup pemikiran kita. Buka mata kita, kita orang deal dengan orang awam, kita tengok muka orang, orang tidak tengok. Terlalu banyak untuk kita catitkan tetapi ini suatu masalah besar bila kita hendak atasi. Bila yang kita hendak atasi perlakuan, bila? Saya tidak tahu.

Dato' Charern Intachat: Terima kasih Yang Berhormat tadi Yang Berhormat sentuh tentang Jabatan Kastam. Saya ingin tahu tentang pengalaman Yang Berhormat berkenaan dengan Jabatan Kastam.

Datuk Zainudin bin Maidin: Saya ingat saya tidak mahu membuat tuduhan-tuduhan yang tidak baiklah. Tetapi kalau bawa balik barang daripada luar negara, kalau

hendak cepat tidak payah uruskan sendirilah. Itu sahaja saya yang dapat saya beritahulah. Banyak hal lagilah, saya ingat banyaklah benda-benda yang orang ramai tahu, yang boleh dibetulkan, banyak. Dahulu satu masa ayat-ayat Al-Quran firman-firman Allah hadis di tulis di Jabatan-Jabatan Kastam. Tetapi itu mungkin memberikan satu persepsi yang salah terhadap Jabatan Kastam sebab persepsi bahawa Jabatan Kastam ini corrupt. Jadi itu semua dihapuskan tetapi saya harap langkah-langkah diambillah. Kita mesti mengadakan orang-orang yang efisien orang-orang yang berkecekapan ikhlas dan yang betul-betul committed kepada tugas mereka.

Kalau Imigresen boleh berubah, kalau Jabatan Pengangkutan Jalan boleh berubah kenapa Kastam tidak boleh berubah, kenapa polis tidak boleh berubah. Boleh, boleh asalkan ada kemahuan, asalkan ada the political will to do that untuk melakukannya. Insya-Allah ini yang paling penting, perkhidmatan kerajaan dan Ketua Setiausaha Negara tidak boleh menganggap enteng perkara ini. Dia mengatakan bagaimana layanan telefon di setengah-tengah jabatan kerajaan kita panggil tidak dapat kemudian berkasar dan sebagainya. Telah didedahkan oleh Ketua Setiausaha Negara. Hal ini penting, jawapan telefon sendiri itu penting dalam hubungan komunikasi antara rakyat dengan kerajaan. Ini bukan perkara kecil dan saya berharap dengan keadaan imej kakitangan kerajaan yang telah dirosakkan oleh campur tangan dalam politik dan sebagainya saya ingat memerlukan Ketua Setiausaha Negara harus memikirkan untuk mengubah keadaan ini dan memberikan satu imej baru kepada semua jabatan-jabatan kerajaan dan beberapa contoh. Saya tidak mengatakan semuanya buruk tetapi beberapa contoh yang baik yang elok, yang mengagumkan telah kita lihat, pergilah kalau tidak percaya dengan Jabatan Imigresen bagaimana bersihnya jabatan itu, bagaimana efisiennya jabatan itu bagaimana layanannya, pergilah, sesiapa juga, ini bukan satu pujian yang kosong.

Jadi saya Tuan Yang di-Pertua, saya kira – satu sahaja pendek sahaja iaitu berhubung dengan operasi-operasi yang sekarang ini operasi warta. Saya ucapkan tahniah kepada polis dalam menyedarkan orang ramai terhadap tanggungjawabnya untuk membayar apa yang harus mereka bayar dan tidak lagi menganggap kesalahan mereka itu akan dibiarkan.

Tetapi saya juga rasa dukacita sedikit kerana apa kita tidak mengadakan kaunter. Kita berharap reaksi public akan begitu besar untuk membayar, tetapi orang ramai terpaksa menunggu lama untuk membuat pembayaran. Saya tidak anggap itu sebagai satu deraan untuk mengajar mereka tetapi ini satu peluang untuk mengambil balik wang dengan cepat dan sebagainya. Kenapa tidak diadakan kaunter yang banyak. Menurut khabar yang saya terima, tidak sebanyak dahulu kaunter-kaunter untuk pembayaran. Jadi saya harap perkara ini pihak polis boleh mengambil langkah mengatasi segera. Sebab tentunya ramai 250 ribu orang yang terlibat ramai yang hendak membayar. Jadi setakat itulah sahaja Tuan Yang di-Pertua, saya memohon maaf kalau ada perkara-perkara yang terkasar dan saya dengan ini menyokong dan mengharapkan agar belanjawan nanti akan memberi kesan kepada pemantapan dan kemakmuran negara.

Datuk Long bin Jidin: Yang Berhormat Dato' Ghazi.

12.40 tgh.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Terima kasih kerana memberi peluang kepada saya untuk mengambil bahagian untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2001. Saya mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan kerana membentangkannya dengan jelas dan lebih-lebih lagi secara bersendirian hadir dalam Dewan Negara, juga merakamkan penghargaan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kerana hari ini turut mengikuti perbahasan dalam Dewan ini dan membuat jawapan. Insya-Allah di masa yang akan datang kita juga berharap akan mendapat kehadiran yang sama di masa-masa yang akan datang.

Seterusnya kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan, saya mengucapkan tahniah kerana budget ini boleh merupakan budget yang betul-betul berteraskan ilmu, betul-betul melambangkan intisari k-ekonomi. Penekanan tentang ICT dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Oleh kerana itu mengambil sempena bulan Ramadan Al Mubarak saya ingin memetik sepotong ayat Al Quran Nur Karim surah Al-Zumar ayat yang ke 9 yang berbunyi Bismillahir Rahmanir Rahim [*membaca sepotong ayat Al Quran*] yang maksudnya, ".. katakan lagi kepadanya adakah sama orang-orang yang mengetahui dengan orang-orang yang tidak mengetahui, sesungguhnya orang-orang yang dapat mengambil pelajaran dan peringatan hanyalah orang-orang yang berakal sempurna." Betul-betul budget – sebenarnya Tuan Yang di-Pertua saya off, kerana orientasi saya agak berubah kerana saya patut bercakap pagi tadi. Jadi tidak apalah dan saya ikuti dengan sepotong hadis Rasulullah s.a.w yang bersabda yang ada kaitannya [*membaca sepotong hadis*] yang maksudnya, "Sesiapa yang menghendaki dunia hendaklah berilmu, sesiapa yang menghendaki akhirat hendaklah berilmu dan sesiapa yang menghendaki keduanya sekali hendaklah berilmu."

Potongan ayat Al Quran Nur Karim dan hadis Rasulullah s.a.w. selaras dengan pembentangan Belanjawan 2001. Belanjawan menekankan tentang usaha untuk menarik the best brain dengan izin tanpa mengira bangsa dan negara asalkan ianya berpotensi untuk memberi kebaikan kepada negara. Sama ada dari Bangalore ataupun California ianya patut ditarik balik ke negara kita untuk memanfaatkan bersama membangun negara ini berteraskan ilmu. Saya mengucapkan tahniah kepada pihak kerajaan kerana program mewujudkan makmal komputer, sebanyak 2,200 makmal di seluruh negara termasuk juga dengan galakan bahasa Inggeris, satu program yang amat baik sekali. Malah 12 hingga 43 buah komputer akan dilengkapi dengan kemudahan multimedia dan Internet bagi perancangan mengikut belanjawan yang telah diumumkan.

Tuan Yang di-Pertua, yang saya ingin bangkitkan yang menjadi kemusykilan keseluruhan rakyat ialah mengenai program membeli komputer melalui pos. Terlalu banyak telah diluahkan perasaan tidak puas hati. Selaku Ahli Dewan Negara yang mulia ini yang senantiasa di datangi di peringkat bawah tentang masalah-masalah ini. Saya telah mengumpulkan keratan-keratan akhbar di sini yang menandakan hampir keseluruhannya bersama-sama dengan maklumat yang datang kepada Internet, seluruh fail ini ialah mengenai tidak puas hati tentang program membeli komputer melalui pos. Masalahnya ialah dahulu diumumkan boleh membeli komputer direct hanya membuat permohonan untuk mendapatkan wang dari EPF dan kemudian terus beli. Terdapat penyelewengan, kita mengakui terdapat penyelewengan.

Jadi, masalahnya penyelewengan menggunakan wang sendiri yang diambil daripada EPF untuk membeli komputer. Penyelesaian, *solution* yang diberi oleh kerajaan ialah melantik Pejabat Pos Malaysia untuk menjadi pembekal tunggal dalam Malaysia ini dan terpaksa orang-orang yang hendak membeli komputer melalui duit EPF ini, membeli melalui Pos Malaysia tetapi apa yang dilafazkan ketidakpuasan hati ini secara menyeluruh, saya tak dapat pergi satu-persatu. Kepada siapa yang berminat, saya boleh bagi pinjam fail untuk mendapat maklumat yang saya hanya merumuskan untuk perbincangan ini ialah tanggungjawab Pejabat Pos di sini sebenarnya ialah hanya untuk menghantar. Yang di belakang Pejabat Pos, yang sebenarnya menjalankan urusan yang mengetahui dan ada kepakaran mengenai komputer ialah sebuah syarikat yang bernama 'Oda Saja'. Bila diteliti latar belakang 'Oda Saja' ini pun ada lagi syarikat lain yang di belakang 'Oda Saja'. Dan telah pun dibuat pengakuan oleh Pengerusi Eksekutif Pos Malaysia setelah mendapat rumusan, tentangan, pendapat yang hebat daripada masyarakat termasuk daripada industri sendiri.

Saya ada surat daripada Pikom, Persatuan Industri Komputer dan Multimedia Malaysia yang telah menulis kepada saya yang secara kebetulan mereka mengetahui yang

saya agak berminat atas tajuk ini meminta supaya saya membangkitkan perkara ini dalam Dewan, mengambil peka terhadap industri yang mewakili ratusan peniaga-peniaga kecil dan sederhana. Saya rasa eloklah pihak kerajaan mengambil berat tentang perasaan rakyat, kerana yang diberi peluang oleh 'Oda Saja' ialah 10 buah syarikat besar, dan di antara 10 syarikat itu hampir 80% yang dikuasai oleh orang asing, bukan tempatan, yang agaknya tempatan hanya satu syarikat MIMOS yang agaknya mewakili kerajaan untuk memberi pendedaran misi itu.

Saya nampak Yang Berhormat Dato' Ting Check Sii mengangguk dan bersetuju dengan saya...

Tuan N. Marimuthu: [Bangun]

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Ya, Yang Berhormat Tuan N. Marimuthu.

Tuan N. Marimuthu: Terima kasih Yang Berhormat. Pandangan saya, perkara komputer ini Pos Malaysia ini bukan satu pakar, *specialist*. Apakah penjelasan Yang Berhormat.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih. Saya sedang memberi penjelasan bahawa Pos Malaysia bukanlah badan untuk menjalankan perniagaan komputer, lebih baiklah melihat kepada tanggungjawab utama iaitu untuk menghantar. Di peringkat permulaan Pengerusi Eksekutif cuba mengelabui mata rakyat mengatakan bahawa kita telah memberi latihan kepada 100 posmen. Kita tahu, *postman is a postman*, kerja menghantar surat pun ada yang lewat. Saya hantar surat hendak jemput rakan-rakan datang makan di rumah baru-baru ini pun lebih dua minggu semua cakap tidak dapat surat. Ini masalah *real*. Yang Berhormat di belakang pun kata lambat, betul. Semua kata tak dapat, apa saya hendak cakap. Saya kata saya sudah hantar.

Jadi, perhebatkan tanggungjawab utama untuk mengedar, hantar surat dan sebagainya. Pos Laju dijadikan betul pos laju, bukan pos lewat.

Dato' Dr. Chin Fook Weng: Boleh beri sedikit laluan? Apakah pendapat Yang Berhormat tentang peranan ahli-ahli Pikom itu dalam perkara ini. Setahu saya kerajaan telah membuat keputusan melantik Pos Malaysia ini berasaskan kepada beberapa penyelewengan yang telah berlaku, yang telah dilakukan mungkin oleh ahli-ahli Pikom sendiri yang telah bersepakat dengan pembeli mengeluarkan wang KWSP tetapi tidak digunakan untuk tujuan membeli komputer.

Oleh kerana itu, maka kerajaan telah mengambil berat tentang apa yang berlaku dan kemudian mungkin telah mengarahkan sesuatu prosedur baru. Kalau Pikom itu tidak puas hati, adakah mereka telah mengambil tindakan terhadap ahli-ahli mereka yang melaksanakan kesalahan ini dan kemudian meyakinkan bahawa ini tidak berlaku dan mungkin selepas itu kita boleh cari satu penyelesaian tentang masalah ini. Jadi, apakah pendapat Yang Berhormat tentang perkara ini.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng. Dia *response* - saya semalam *response* banyak bila dia bahas. Hari dia *response* saya. Terima kasih banyak. Amat tepat sekali niat asal memang masalah dahulu, cara kaedah dahulu memang menyebabkan penyelewengan. Macam saya kata awal tadi masalahnya ialah salah guna wang untuk membeli. Maksud saya janganlah kita menyelesaikan masalah itu tetapi melahirkan masalah yang lebih besar. Kerana sebagai contoh, kalau masalah salah guna duit untuk membeli komputer itu menjadi punca, jawapannya sebagai contoh sepatutnya fokus kepada masalah itu. Keluarkan dahulu waran dahulu umpamanya, pergi ke kedai buat pilihan *customer has their right*, dengan izin. Setiap pembeli mempunyai hak kuasa - Yang Berhormat Datuk Zainudin bercakap tadi tentang hendak menjaga pelanggan. *This is the reverse of* pelanggan, pelanggan kena jaga berdasarkan prinsip yang sama. Kenalah beri hak kepada

pengguna untuk membuat keputusan - di mana dia hendak beli, siapa dia hendak beli. Komputer ini pula baru, ini pakej bukan macam beli televisyen, berlainan. Beli televisyen, dia datang tup...tup... tup, habis.

Tetapi yang dikatakan PC ini, saya tak mahulah bagi ucapan, bagi faham sudahlah. Banyak dia punya aksesori, sampingannya itu banyak. Jadi, tak boleh disamakan pembelian *fridge* di rumah, TV di rumah seperti beli PC walaupun jangka panjang jauhnya hasrat kita supaya semua rakyat Malaysia membeli komputer seperti membeli televisyen dan *fridge*.

Jadi, pada saya kalau menggunakan kaedah beri kupon dahulu pergi pilih di kedai. Hendak beli di kedai A, B, C ini belilah. Kemudian, bila dia *confirm* umpamanya, dia kata sudah dibeli, sudah *deliver* - dia kena *deliver* sebab ini *warrant* keluar daripada EPF. Yang peniaga takut ialah takut pelanggan tak bayar. Kalau datang *warrant* rasmi kelua, selepas itu dia hantar, *confirm delivery* sudah sah, baru dia dapat duit, hantarlah.

Jadi, industri komputer maju berbilion ringgit punya nilai yang telah pun dibuat anggaran yang ada semua angka dalam ini. Pada saya, ini mempunyai implikasi yang amat berat, yang amat luas kepada individu. Dalam masa kita hendak menggalakkan, *encourage* rakyat keseluruhan membeli komputer, programnya baik satu komputer satu rumah, *excellent, par excellence*, tetapi kaedah ini kadang-kadang niat baik, kalau kaedah itu salah akan menjerumus kepada benda yang tidak baik juga.

Oleh kerana itu, saya merayu kepada pihak yang berkuasa supaya sekurang-kurangnya kalau ini satu saluran sudah mula, pertahankanlah tetapi pekalah dengan pendapat industri, wujudkanlah satu bidang alternatif di mana satu kaedah yang betul-betul macam saya sebut tadi memusatkan kepada masalah penyelewengan kegunaan wang dan berilah keluasaan, kelonggaran kepada pengguna untuk memilih sendiri dengan pakej-pakejnya yang tertentu. Insya-Allah, dengan cara ini kita menggalakkan pertumbuhan industri kecil dan besar di dalam dunia industri.

Apabila rancak berlaku jualan di hujung sana-sini, maka di situlah menjadi aktiviti ekonomi, maka di situ datanglah kesedaran apa benda PC ini. Tidaklah kita hanya berpeluk tubuh menunggu, menjual dua unit komputer satu hari atau lima unit satu minggu, kerana kewangannya sudah pun ada. Jadi, pada saya perkara ini terlalu amat mustahak, kerana inilah punca untuk kita menanam benih untuk keseluruhan rakyat dapat menimba ilmu. Jadi, ada kaitan dengan apa yang saya sebut Belanjawan berteraskan ilmu, Al-Quran dan Hadis menunjukkan ilmu, program implementasi kerajaan juga hendaklah peka kepada perkara-perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, perkara lain yang saya hendak sebut ialah yang baik saya nampak tentang galakan mengenai PC ini sumbangan dalam bentuk tunai dan bukan tunai kepada program membudayakan ITC dibenarkan sebagai potongan cukai. Ini baik. Galakan yang diberi seperti ini dan juga galakan-galakan lainnya telah pun diumumkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan adalah amat baik termasuklah juga galakan yang diberi kepada syarikat-syarikat swasta untuk kakitangan yang mempunyai komputer. Ada syarikat-syarikat seperti Bank Islam, Bank Rakyat dan kalau tak salah saya BSN juga mewujudkan program untuk menggalakkan kakitangan membeli komputer, ini baik. Dan kalaulah bila kita bercakap tentang alternatif tadi, kita melihat kepada model yang telah dibuat oleh bank-bank yang saya sebut tadi, mungkin kerajaan akan mendapat satu jalan penyelesaian yang baik, yang secara menyeluruh membawa kebaikan dan kepuasan hati kepada masyarakat.

Kita tahu apa sahaja yang kerajaan buat tidak semestinya akan menyedapkan seratus peratus penduduk. Ini hakikat dalam keputusan tetapi dalam kes yang saya bangkitkan tadi terlalu amat berat dan pihak kerajaan hendaklah memberi perhatian yang serius.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin membangkit tentang soal Tabung Modal Teroka yang berjumlah RM500 juta ini. Yang Berhormat Menteri Kewangan telah pun sebut bahawa pihak kerajaan mengambil keputusan untuk mewujudkan satu agensi khusus yang akan beroperasi sebagai *one-stop-agency*. Pada zahirnya, secara sepintas lalu saya nampak amat baik tetapi yang saya ingin penerangan dan penjelasan daripada pihak kementerian dan kerajaan ialah, apakah perlu dalam keadaan sekarang kita mewujudkan satu agensi lain untuk menguruskan hal RM500 juta wang teroka ini. Tidak kah sistem perbankan kita yang sedia wujud yang mungkin sudah menghampiri dan mendapat pengalaman daripada soal menguruskan modal teroka ini dapat dipergiatkan dengan dana yang sebanyak ini. Sebab di antara masalah yang telah dibangkitkan dalam beberapa perbincangan mengenai penggunaan wang teroka ini ialah kerana pihak pengurusan itu sendiri baru dalam mengenali cara hendak menguruskan wang teroka. Semuanya baru.

Kalau sistem perbankan yang ada sekarang pun sudah terdapat kelemahan kerana pihak pegawai-pegawai bank dilatih dengan ekonomi lama, order lama sebagai contoh, tetapi bila kita datang wang untuk tujuan yang teroka secara baru, pemikiran lama akan digunakan untuk menghasilkan membuat keputusan dalam bidang baru. Ini yang tak kena. Tidak ada *compatibility*, tidak ada persamaan. Oleh kerana tidak ada persamaan ini, perkara yang telah pun kita kenal pasti sebagai masalah dengan yang telah kita hadapi yang telah banyak dibangkitkan banyak seminar dan perbincangan termasuk juga Kongres Ekonomi Bumiputera yang saya mengambil bahagian, saya tahu ini telah pun dikenal pasti.

Jadi, yang saya hendak membuat ingatan dan mendapat keterangan lanjut daripada pihak kerajaan ialah berwaspadalah. Kalau tidak, niatnya baik, lagi sekali kaedahnya akan menjerumuskan kepada permasalahan yang sudah pun kita kenal pasti. Sebaik mungkin kita pergunakan, perkuatkan sistem perbankan yang ada, pilihlah yang mana satu. Saya tidak kata patut bagi semua RM500 juta ini tetapi pilihlah yang mana yang paling dekat, yang layak, yang sudah pun mempunyai pengalaman dalam membuat urusan ini.

Datuk Long bin Jidin: Yang Berhormat.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Tuan Yang di-Pertua, saya baca *sign language*, saya ingat saya berhenti sebelum Tuan Yang di-Pertua meminta saya berhenti. Insyallah, saya akan sambung dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Datuk Long bin Jidin: Terima kasih Datuk Ghazi. Oleh kerana jam kita tepat pukul 1.00, jadi Majlis Mesyuarat ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang ini.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.00 tengah hari.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Yang di-Pertua: Sila Yang Berhormat Datuk Ghazi bin Haji Ramli.

2.32 ptg.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Tuan Yang di-Pertua, saya mengucapkan berbanyak-banyak terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk menyambung perbahasan yang telah saya mulakan pagi tadi.

Perkara 5 yang saya hendak bangkitkan terletak pada tajuk R&D Penyelidikan dan Pembangunan, muka surat 19 dalam Kertas Ucapan Belanjawan. Di bawah pakej galakan istimewa kerajaan mensyaratkan bahawa 1% daripada nilai jualan tahunan diperuntukkan bagi R&D. Kalau tidak guna semua bakinya masuk dalam Tabung IRFA. Saya ingin mengucapkan tahniah kepada pihak Kementerian Kewangan kerana membuat peruntukan ini menandakan bahawa kerajaan lebih prihatin terhadap hal penyelidikan dan pembangunan.

Saya teringat perbincangan semalam semasa Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng bercakap tentang soal Penyelidikan dan Pembangunan dan mempunyai pertukaran fikiran yang begitu aktif dan baik sekali, malah saya pulang petang semalam memikirkan hal ini dengan lebih panjang kerana dalam menyoal kepada Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng, saya juga mempunyai sesuatu dalam kepala dan saya pun terus – kalau kita hendak melihat, memikirkan dengan lebih panjang lebar tentang tajuk R&D ataupun Penyelidikan dan Pembangunan ini terlintas di fikiran kita untuk melihat satu badan yang dipanggil MIMOS yang kita kenal diwujudkan oleh pihak kerajaan untuk melaksanakan tanggungjawab dan tugas R&D.

Sebelum saya masuk melayari Internet web, saya terpancang kepada satu iklan yang dikeluarkan oleh MIMOS yang ada dalam tangan saya ini. Iklan hampir sepenuh muka dalam akhbar *Berita Harian*, Jumaat 1 Disember 2000. Colournya menarik, tunjuk mata sebelah, tutup mata dan sebelah lagi ada mata. Saya tanya kawan-kawan saya di sekeliling tadi atas tajuk “Dibuka sekarang - Anjung MIMOS” dengan ada satu bulat “Knowledge Centre menanti anda”. Di bawah ada gambar lagi bulat - Zone, bulat - Service, bulat - Innovation.

Saya tanya kawan-kawan apa benda Allah bulat ini sebab saya tidak boleh hendak baca apa bulat ini. Kemudian saya pun terus baca the small print, tulisan kecil, maka alhamdulillah barulah saya tahu yang bulat colour itu sebenarnya dimaksudkan “eye knowledge centre”, maka setelah berfikir barulah saya tahu patutlah dia guna iklan mata (eye) jauh sangat hendak pergi. Maksud saya yang saya hendak komen ini baik balik kepada dasar komunikasi. Kalau kita hendak berkomunikasi janganlah paksa hamba Allah macam saya ini, tengah-tengah hari bulan puasa ini mencari jauh sangat apa benda Allah ini. Akhirnya barulah dapat jawapan, kalau hamba Allah yang lain mungkin cepat sikit tetapi saya mengaku saya lewat hendak dapat. Rakan-rakan saya pun seangkatan nampak lambat.

Mesejnya ialah kita berbelanja banyak untuk iklan yang sebegini dan sambil membuat iklan kita memperkenalkan sesuatu yang baru, memperkenalkan sesuatu yang baru dengan harapan ada daya tarikan supaya rakyat jelata melawat Anjung MIMOS ini, memang baik. Saya pun sudah teragak-agak berniat hendak melawat Anjung MIMOS di KLCC masih belum sampai tetapi alhamdulillah, benda ini keluar saya pun tengok apa benda ada dalam, baca-baca yang sedapnya 3P. 3P dalam teknologi maklumat dan komunikasi ialah “Perubahan, Perubahan, Perubahan”. Oleh itu saya juga seru kepada MIMOS dalam membuat iklan dan berkomunikasi dengan rakyat jelata sampai rakyat kampung, selaras dengan usaha untuk mendidik dan memanfaatkan digital ekonomi ini wujudlah perubahan dalam kisah komunikasi dengan rakyat di kampung dan di desa. Ha, ini mesejnya, itu satu.

Kemudian, Tuan Yang di-Pertua, saya melihat juga dalam laman web MIMOS. Saya hanya terdapat Annual Report tahun 1998. Saya percaya ini bukan yang terkini, sekarang sudah akhir tahun 2000. Jadi, saya haraplah wujudkan perubahan supaya mengemas kini Annual Report ini dengan lebih terkini lagi, mungkin tidak 2000 tetapi sekurang-kurangnya tahun 1999 mesti ada. Kita kena agak sensitif sedikit tentang iklan, iklan mata tadi boleh tahan, tutup mata sebelah nampak mata terbuka. Tetapi bila di sini kanak-kanak kecil menggunakan sign dua macam itu, dua ini bahaya, salah-salah dua jadi yang lain. Mesejnya lain, jadi kalau budak-budak sekarang ini dia banyak guna dua ini, kalau corner sedikit kalau digerakkan sedikit dengan satu cara membawa makna yang lain.

Jadi, ini pun hendak kena prihatin juga tentang iklan-iklan yang dikeluarkan supaya mesejnya sampai. Saya tidak tahu sama ada ini orang Melayu, orang Cina atau India. Yang Berhormat Dato' Hamzah boleh tolong beritahu saya Melayukah, Cina ataupun orang luar? [Disampuk] Orang luar, terima kasih Dato'. Hai, Yang Berhormat Encik Ratnam a/l Muthiah terima kasih, saya hendak jawapan itulah sebenarnya. Saya pun

fikir kena tanya orang luar, apa tidak adakah anak kampung, anak Melayu, anak India, Cina yang selalu mengharapkan era digital masa depan, tidak payahlah pakai anak Mat Saleh. Mentang-mentang Mat Saleh yang start teknologi.

Kita dengan Koridor Raya Multimedia hendak wujudkan yang tempatan, ini mahu semangat, betul tidak Yang Berhormat Tuan N. Marimuthu? – betul, terima kasih. Betullah mesejnya baik, “*the ex-factor*”. Jadi saya pun cari apa benda Allah “*ex-factor*” ini, siapa tahu di sini, saya pun tidak tahu tetapi tidak apalah ini *suspense* sedikit dari segi mesej tetapi baik sungguh. Ini saya ucap tahniahlah kepada para pemikir yang mengeluarkan “*the ex-factor*”, ini mustahak, mesej sebab MIMOS merupakan badan pelopor dalam era digital. MIMOS merupakan secretary, setiausaha kepada badan induk kerajaan National IT Council (NITC), mustahak.

Jadi, pemikiran MIMOS melambangkan pemikiran kebangsaan. That’s why we believe, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, the ex factor, the exciting new ideas, idea yang luar biasa. Terima kasih *exciting product*, bahan-bahan keluaran yang menyegarkan - excited, *extra special commitment, light the future, ex is the unknown*. Jadi, kita kata kanak-kanak ini banyak yang *unknown*, jadi bolehlah kita didik dia sehingga dia masuk dan aktif dalam bidang ini.

Kemudian, saya terus melihat sejarah MIMOS sebab saya tanya sejarah MIMOS ada kaitan dengan perbincangan, perdebatan kita semalam tentang peranan MIMOS sebagai sebuah badan induk R&D. Jadi, bila kita lihat sejarah memang disebut bahawa aktiviti MIMOS terbahagi kepada tiga bahagian - pembangunan teknologi (*technology development*), pembangunan perniagaan (*business development*) dan pembangunan polisi IT (*information technology policy development*).

Saya dapat faham tentang pembangunan teknologi dan pembangunan polisi IT tetapi saya tidak dapat memahami sepenuhnya tentang pembangunan perniagaan sebab bila kita terus melihat dalam ayat-ayat yang lain dia mengatakan, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, “*Today MIMOS remains the mission-oriented research and development government corporation.*” Dia kata, “*Sekarang MIMOS masih tetap bertahan sebagai sebuah organisasi penyelidikan dan pembangunan*”. Kalau itu dipertahankan mari kita mengajak rakan-rakan di dalam Dewan yang mulia ini untuk melihat apakah perkembangan selanjutnya tetapi perkembangan selanjutnya bila kita melihat kepada pembangunan teknologi dalam bidang *computing laboratory, micro-electronics laboratory, networking laboratory, web laboratory* dan sebagainya, ada tujuh semuanya baik.

Tetapi yang agak merunsingkan kita ialah terdapat juga dalam MIMOS peranan MIMOS mencebur diri secara langsung dalam bidang perniagaan. Banyak dalam bidang perniagaan di antaranya ialah dalam membuat komputer, sebagai contoh, dan pelbagai contoh lagi yang saya ada di sini yang pihak MIMOS sendiri telah saya nampak seolah-olah dibawa arus ke bidang perniagaan dan mengambil bahagian secara berterusan, sedangkan hakikatnya ialah ia patut merupakan sebagai sebuah badan induk yang kukuh dan kuat dalam bidang pembangunan dan penyelidikan.

Perbincangan kita semalam mengatakan bahawa kita terlalu lemah dalam bidang pembangunan dan penyelidikan. Ada orang yang banyak mendapat pendidikan tinggi balik tak ada kerja, tak ada tempat hendak buat. Saya terus bangun kata mengapa tidak kalau ada ruang itu, ruang ini, ruang itu, ruang ini. Tetapi bila kita melihat kedudukan MIMOS itu sendiri, saya ingin membuat cadangan yang agak *revolutioner* yang agak menentukan perubahan 3P selaras dengan apa yang dilaungkan oleh MIMOS sendiri.

Saya rasa sudah sampai masanya pihak MIMOS mengulang kaji mengadakan muhasabah diri, bertafakur sejenak melihat balik di dalam apakah peranan R&D yang sebenarnya. Setakat mana sebenarnya ia telah capai. Sejauh mana ia telah menyeleweng daripada landasan asal yang disuruh oleh pihak kerajaan. Peranan setiausaha NITC yang

saya sebut tadi betul ia boleh main. Sepatutnya, pada saya kalau ini dapat dirombak, di 'create' MIMOS dalam bentuk badan R&D yang gagah, maka keseluruhan usaha-usaha R&D dalam kerajaan boleh diselaraskan oleh MIMOS. Bila dia buat research, bila ada dapat sesuatu yang boleh dikomersilkan, diketengahkan dalam industri, maka kita boleh wujudkan sistem di mana kita boleh galakkan anak-anak tempatan, anak-anak muda yang ada ilmu dan kepakaran didedahkan dengan peluang ini, diberi pertolongan oleh badan R&D induk MIMOS ini supaya mereka boleh berniaga dan terus berkembang.

Dan, kalau ini diwujudkan, maka masalah yang ditimbulkan oleh Yang Berhormat Dato' Dr. Chin semalam sebahagiannya boleh dijawab dengan cara ini. Kerana kita semua tahu sekarang ada badan R&D yang besar dalam Malaysia ini yang betul-betul memberi fokus kepada usaha R&D. Dan, membuat perancangan yang jangka panjang, jangka pertengahan dan jangka pendek membuat perancangan yang strategik guna untuk menyampaikan hasrat kerajaan dalam bidang R&D yang telah bertahun-tahun kita kata, kita lemah. Kalau kita harap jabatan-jabatan kerajaan sahaja hendak buat bersendirian mungkin resources itu tidak kita gunakan dengan sebaiknya. Tetapi kalau MIMOS yang berpengalaman luas dan lama dalam bidang ini, saya rasa kesannya amat baik dan segala-galanya boleh diselaraskan untuk kebaikan dan manfaat dalam negara.

Tuan Yang di-Pertua, perkara lain yang saya ingin bangkitkan ialah mengenai perkara tele-perubatan ataupun tele-kesihatan yang juga telah diberi peruntukan sebanyak RM10 juta dan ditekankan tentang perlunya diwujudkan total hospital information system, amat baik sekali HIS. Saya teringat soalan saya yang telah saya bangkitkan kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri Kesihatan dalam sesi soal jawab beberapa hari yang lepas. Ditimbulkan beberapa juta ringgit dibelanjakan oleh pihak kerajaan untuk membayar kapal terbang kerana khidmat doktor udara di Sabah dan Sarawak. Saya tidak ingat berapa jumlah, berapa juta angka itu.

Sebenarnya jawapan pada hari itu saya tidak begitu puas hati kerana yang saya maksudkan ialah pihak kerajaan sekarang ini patut membuat analisa. Analisis perbandingan (*comparative analysis*) di antara amalan sekarang yang menggunakan doktor terbang udara, sewa kapal terbang dan sebagainya dengan ala tele-perubatan yang menghendakkan:

- (i) alat-alat yang sesuai;
- (ii) infrastruktur yang berkenaan dari segi hubungan talian komunikasi; dan
- (iii) kepakaran.

Oleh kerana itu tele-perubatan ini sebenarnya memanfaatkan kekurangan bilangan doktor dan tenaga kemahiran dalam perubatan dan khusus baik digunakan di tempat-tempat berjauhan seperti Sabah dan Sarawak. Ini telah pun diamalkan dengan begitu baik sekali di Australia. Umpamanya di kawasan Adelaide, di kawasan Melbourne, Sydney dengan tempat-tempat yang berjauhan dan ini dapat memanfaatkan sekali. Jadi, inilah yang saya maksudkan, pihak kementerian sepatutnya membuat kajian ini dan kalau sekiranya didapati lebih baik atau sama baik sahaja patutlah diutamakan kaedah digital atau tele-perubatan.

Datuk Long bin Jidin: Terima kasih, Yang Berhormat Datuk. Saya mohon laluan. Macam mana implikasi yang harus dilakukan di negara kita ini menggunakan tele-perubatan kepada penduduk di pedalaman. Api mereka tidak ada, talian telefon tidak ada, banyak benda yang tidak ada. Macam mana cara implikasi yang dinyatakan oleh Yang Berhormat Datuk tentang tele-perubatan untuk dilakukan di masyarakat pedalaman termasuk bangsa sayalah di Semenanjung ini. Terima kasih.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Terima kasih banyak, Tuan Yang di-Pertua, soalan itu amat baik sekali. Bayangkan kalau keadaan tradisional, kita kena bawa keseluruhan jentera pasukan kesihatan untuk pergi physically ke tempat yang berkenaan.

Tetapi kalau dalam dunia digital tidak payah. Katalah di tempat nun di sana hanya diletakkan nurse sahaja, tidak payah doktor. Setakat dia boleh menggunakan alat yang senang di dalam sesuatu bilik, mungkin hanya bilik Dewan Orang Ramai, letakkan alat dan oleh kerana letakkan alat itu di badan menggunakan kamera dan alat komunikasi yang lain, doktor itu berada di tempat yang lain. Jadi, hanya dengan nurse yang murah ini, orang kampung saja boleh buat sebab dia hanya hendak membawa, letak kepada Yang Berhormat begitu sahaja. Saya pun bukan doktor, saya tahu letak, umpamanya. Betul kena latih, sekali latih boleh tahu di mana letak.

Dengan cara begini kita letakkan kemahiran kepakaran di satu tempat, pesakit itu di tempat yang lain, yang hendak menggunakan alat itu ialah orang yang hanya berkelulusan rendah dan kemahirannya pun rendah untuk diberi latihan yang agak senang dan akan mengurangkan kos. Dengan jalan ini manfaat soalan yang Yang Berhormat tanya itu saya harap sudah dijawab. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh perkara dalam muka surat 45 dalam kertas pembentangan Belanjawan mengenai Kementerian Pembangunan Luar Bandar. Secara keseluruhannya sebanyak RM3.08 bilion diperuntukkan untuk projek pertanian, pembangunan kampung, bekalan air elektrik serta kesihatan dan pendidikan. Saya amat berterima kasih kepada pihak kerajaan kerana memberi peruntukan yang menyeluruh begini untuk masyarakat desa. Kerana sebenarnya yang mesti diafdalkan, diberi keutamaan dalam usaha pembangunan dan keperluan sekarang ialah masyarakat desa. Dan saya melihat Kementerian Pembangunan Luar Bandar di bawah kepimpinan Yang Berhormat Dato' Haji Azmi bin Khalid, orang muda yang agak tidak begitu muda, tetapi nampaknya muda – Dato' Aziz senyum bila kata muda – sama-samalah itu Dato' Aziz. Dan, mempunyai latar belakang korporat, saya nampak pendekatannya yang saya ikuti melalui laman web ini juga amat membanggakan dan amat memberangsangkan.

Saya cuba petik sebagai contoh, di antara laman web yang banyak, saya ucap tahniah kerana ini *very user friendly*, kalau ambil Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia - Oh! Mentang-mentang dia kementerian TKM, lawa sofistikated tetapi hendak akses lambat, banyak sangat grafik, lambat, *too slow*. *So back to* tidak berapa *friendly*. Ini sampinganlah. Tetapi yang ini okey, alhamdulillah. Malah bila saya tengok perutusan Yang Berhormat Menteri, ada Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarokatuh dalam jawi, tahniah, Yang Berhormat Dato' Haji Azmi bin Khalid. Di sinilah kita hendak selitkan unsur Islam, penulisan jawi, budaya seni yang kita bercakap melalui internet, melalui teknologi. Insya-Allah, bila orang kampung sudah tahu tekan butang mana, jari mana dia hendak pakai, masa itu kalau dia lihat ini, dia kata, masya-Allah, rupanya dalam benda moden ini terkeluar juga ayat Quran.

Dan bila dia tekan balik dalam laman link, pergi ke Quran, dia tekan, dia dengar-dengar, [*membaca sepotong ayat*] 'Auzubillah himinah syaitannir rajim. Bismillahir rahmanir rahim...'. Jadi, bila dia dengar itu, masya-Allah, rupanya dalam teknologi yang Inggeris buat pun ada bacaan ayat Quran dan sunah nabi S.A.W. Ini amat baik sekali. Dan, lebih membanggakan ialah ayat pertama yang digunakan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Azmi ialah, ini dia pun tidak tahu saya bercakap ini, nasib baik kalau dia ada lagi sedap bercakap. Tetapi tidak ada pun tidak apalah. Saya baru dapat ini semalam. Selasa 12 Disember, [*menunjukkan sekeping kertas kepada Dato' Hamzah*] Dato' Hamzah jadi *witness* saya. Dia tulis, 'Selamat Datang ke Laman Web KPLB. Perkembangan dalam teknologi maklumat dan komunikasi...' – ini ayat pertama ni. Poo, hebat! Ayat pertama – 'Perkembangan dalam teknologi maklumat dan komunikasi ke atas aspek kehidupan sekarang ini telah mempengaruhi cara kita bermasyarakat dan melaksanakan urusan harian. Sehubungan dengan itu Kementerian Pembangunan Luar Bandar sentiasa peka, bukan pekak, peka kepada perkembangan-perkembangan tersebut...' dan seterusnya.

Saya ingin ucap tahniah sendiri secara persendirian (personal) kepada Yang Berhormat Dato' Azmi kerana permulaannya betul, baik segala-galanya dan kita harap tindakan susulan berikut pun akan memberi manfaat. Begitu juga dengan perutusan KSU, ini baik, nama pun kita tau, Dato' Rahmah Kasim, saya pun belum kenal dahulu tetapi oleh kerana teknologi sekarang sudah ada gambar, kenallah. Insya-Allah, lagi sekali jumpa di tengah jalan, saya boleh kata, 'Assalamualaikum, Dato' Rahmah, youlah Ketua Setiausaha yang ada laman web memberi salam dalam internet, sama dengan Menteri *you*'. Ini manfaat. Perkara-perkara begini hendak kita ketengahkan kepada orang-orang kampung, umpamanya.

Dan, dalam usaha-usaha lain saya nampak, dalam misi korporatnya amat baik, dalam objektif korporatnya amat baik. Sebagai contoh, Objektif Korporat, saya quote, dengan izin; *"Tumpuan utamanya adalah ke arah membawa perubahan kepada penduduk luar bandar dalam usaha untuk mengurangkan jurang perbezaan di antara sektor bandar dan luar bandar"*. Terdapat 7 inisiatif baru oleh kementerian ini. Dalam tujuh ini, saya suka dua. Dua yang saya hendak highlightkan dalam perbahasan ini. Pertama inisiatif pembangunan insan. Amat tepat sekali. Yang kedua, inisiatif pembangunan masyarakat beridentiti dan berdaya tahan dan benda-benda lain. Saya ucapkan tahniah kepada kementerian ini dan saya harap dengan pimpinan dinamik oleh Yang Berhormat Dato' Azmi sebagai seorang bekas yang ada pengalaman dalam dunia korporat akan dapat menghasilkan sesuatu, memberikan manfaat kepada masyarakat luar bandar.

Dan yang terakhir ini, saya sudah tanda ini – yang ada kena mengena, macam tadi conclusionnya, saya quote; *"Dengan demikian, pembangunan ekonomi dan kesejahteraan hidup keluarga senantiasa cemerlang dan dalam keredaan Allah."* Ada lagi nilai Islam yang digunakan di sini. *"Dari dimensi ini falsafah pembangunan luar bandar akan memberi fokus kepada pembangunan manusia oleh manusia..."*. Ini yang mustahak. *"...fokus kepada pembangunan manusia oleh manusia di mana ianya digarap dan dipupuk melalui pendidikan seumur hidup"* - melalui pendidikan seumur hidup - saya ulangkan ini kerana saya telah pun bercakap agak panjang lebar mengenai *life long learning*, dengan izin, dalam perbahasan kita semasa peruntukan tambahan belanjawan baru-baru ini.

Saya turut menyeru kepada pihak kementerian ini melalui *Chief Information Officer*nya, Ketua Pegawai Maklumatnya, yang telah diumumkan perlantikan oleh pihak kementerian supaya memberi fokus kepada apa yang telah disebut, yang begini baik, Insya-Allah, kalau dapat digemblengkan tenaga sama ada dalam kementerian itu sendiri ataupun di luar dijadikan sebagai satu resource yang kuat, Insya-Allah, dengan kepimpinan dinamik yang ditunjukkan oleh Yang Berhormat Dato' Haji Azmi Khalid, masyarakat desa akan mendapat manfaat yang semaksimum mungkin, Insya-Allah.

Tuan Yang di-Pertua, perkara lain yang saya hendak bangkitkan ialah yang tertera di muka surat 58 iaitu hal wanita. Ini senang sikit hendak bincang sebab tajuk wanita, tidak seberat yang tadi. Pakar-pakar tajuk ini di antaranya ialah Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman kerana bila saya sebut sahaja wanita dia pun senyum. Saya hendak tekankan di sini sebab apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan memberi fokus kepada ibu tunggal dan isteri-isteri yang teraniaya. Saya nampak dalam usaha ini, kalaulah badan seperti HAWA, mungkin badan-badan lain saya tidak tahu, boleh menggunakan peluang dalam menggunakan teknologi ICT untuk mendedahkan maklumat mengenai IT – IT di sini bermaksud Ibu Tunggal bukan *Information Technology*. Kita menggunakan ICT untuk menolong IT – Ibu Tunggal. Dan Ibu Tunggal ini pun ada dua jenis, ITT dan ITM - Ibu Tunggal Tua dan Ibu Tunggal Muda. Bayangkan kalau kita gunakan kepakaran dan kemudahan dunia multimedia untuk mendedahkan dalam web page siapa dia ibu tunggal yang ada, macam mana rupanya, dia tinggal di mana, anak dia berapa, apa kepakaran dia,

kemahiran dia, *back ground* dia dan sebagainya. Mungkin kepakarannya orang ini mempunyai kepakaran dan minat sesuatu.

Jadi, kalaulah HAWA mewujudkan satu sekretariat hanya manage melalui satu komputer menggunakan akal fikiran sedikit ilmu dan jari untuk memetik, maka maklumat yang baik dan terkini ini, mungkin ada Ahli-ahli Dewan yang mulia ini pun teringin hendak membuat amal jariah dalam bulan Ramadan al Mubarak ini. Ingin melihat, ohh, si anu si anu, si Aminah binti Kasim, anaknya tiga orang, latar belakangnya menjadi guru, lulusan maktab perguruan, masih muda tetapi mempunyai masalah. Apakah tidak tergerak dalam hati Ahli-ahli Yang Berhormat untuk membantu. Betul atau tidak Yang Berhormat Datuk Haji Karim?

Puan Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Dun: Minta laluan Dato'.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Boleh, boleh.

Puan Hajah Azizah binti Datuk Seri Panglima Haji Mohd. Dun: Perlukah untuk Ahli-ahli Yang Berhormat, especially lelaki, dengan izin, untuk melihat gambar-gambar yang cantik-cantik sebelum memberikan amal jariah kepada ibu-ibu tunggal? Saya minta jawapan.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Terima kasih atas soalan yang baik itu. Cuma soalan tadi kut saya salah sedikit. Saya tidak kata ibu-ibu yang cantik, saya hanya mendedahkan gambar mereka sahaja, maka kadang-kadang bayangan fikiran kita membawa kepada benda-benda yang lain, tanpa disebut.

Saya hanya mengatakan dedahkan mereka, bagaimana daifnya mereka kadang-kadang, bila kita lihat life itu tercuit hati, kasihan. Itu maksud saya Yang Berhormat, ikhlas. Terima kasih atas soalan dan saya terus pergi kepada - dan ini pun pada saya mungkin Kementerian Pembangunan Luar Bandar pun boleh sebab kadang-kadang kita pilih orang itu harap dia hendak buat, dia ini hendak buat, tidak ada siapa yang buat akhirnya. Mungkin kalau nampak coverage yang saya baca dalam kementerian tadi, nampak boleh masuk juga ibu tunggal dan isteri-isteri yang teraniaya, siapa yang teraniaya kita kena tolong. Macam saya tadi, saya lupa sebut masa awal tadi, maaf Tuan Yang di-Pertua, bila lepas bahas tentang masalah komputer Pejabat Pos ini, ada orang bertanya kepada saya, macam mana Datuk, PICOM boleh berhubung dengan you dan you buat research banyak, satu fail besar ini, saya kata, saya buat ini sebenarnya atas tajuk di depan ini BPR dot U dan SICT dot U, BPR.

Sebenarnya saya menjalankan tugas atas sifat jawatan saya sebagai Pengerusi Biro Pengaduan Rakyat dan sistem ICT di peringkat UMNO Selangor. Saya ingin merakamkan penghargaan terima kasih kepada Yang Berhormat Tan Sri Muhamad Haji Muhamad Taib kerana kepimpinan beliau telah mewujudkan BPR ini. Jadi, sampai PICOM yang dunia komputer pun sudah tahu kewujudan ini, jadi bila dia contact kita pun prihatin, menunjukkan UMNO ada BPRnya sendiri tetapi kita panggil BPR dot U, Biro Pengaduan Rakyat, dot U itu ertinya untuk UMNO dan ummah. Dot ini kena ala canggih sedikitlah, ala ICT dan juga SICT (sistem ICT dot U). Jadi, kita mewujudkan sistem ICT untuk UMNO dan ummah.

Maka ketahuilah bahawa UMNO menjalankan peranan ini untuk kebajikan masyarakat, tidak hanya tertumpu kepada orang Melayu kerana yang PICOM ini ahli 500, 600 ini industrinya adalah berbilang bangsa, inilah usaha-usaha kita untuk berkhidmat dan berjasa kepada masyarakat yang memerlukan pertolongan termasuk ITT dan ITM tanpa dilihat warna rupa dan kulit. Saya hendak beri complete dia punya explanation.

Tuan Yang di-Pertua, sekarang saya hendak menyentuh muka surat 69 disebut e-village. Sekarang ini sudah banyak kadang 'k', kadang 'e', kadang 'i', kadang 'i' tak

nampak hendak suruh tengok I ini, susah benar orang kampung. Saya pun kadang-kadang kalau saya letakkan kaki saya dalam, ini bahasa Inggerislah ini, kalau saya fikir macam saya anak kampung tani ini, saya kata pening kepala ini, dahlah aku baru hendak belajar, dia tukarnya pun selalu, pening, susah. Tetapi yang kita ikut-ikut sedikit, baca-baca ini, insya-Allah bolehlah juga sedikit.

Jadi, bab e-village ini, apa dia e-village ini, setengah orang e-village pun tidak tahu kata wujud, banyak kawan-kawan saya bertanya apa dia e-village ini. Dan saya bangkitkan ini kerana kawasannya luas 240 hektar terletak di Selangor Darul Ehsan, ini tidak termasuk dalam kawasan bagi Putrajaya yang Selangor bermurah hati memberi ihsan juga tanah beri kepada Kerajaan Persekutuan.

Yang saya hendak bangkitkan perkara ini amat baik sekali dari segi jangka panjangnya. Rungutan yang saya dapat dik pada berlandaskan BPR dot U tadi ini, ialah pengusaha tempatan masih tertanya-tanya apakah peranan mereka dan di manakah peluang mereka. Dan apakah galakan yang diberi kepada orang tempatan untuk mengambil bahagian dalam e-village. Yang kita tahu sekarang, adalah beberapa syarikat dari Bollywood yang telah cuba hendak membuat satu hubungan untuk mengeluarkan produk animasi. Tetapi dari segi beberapa banyak persatuan-persatuan tempatan sama ada dalam bidang perfileman atau bidang persembahan (performing arts) atau bidang nyanyian dan bidang-bidang budaya seni yang lain, masih tertanya-tanya.

Oleh kerana itu saya rasa sampai masanya pihak kerajaan membuat satu program yang khusus untuk melibatkan industri dan masyarakat setempat dalam pembangunan e-village ini. Kerana benda ini baru, hendak masuk teknologi baru, hendak letakkan alat-alat yang terancang, kalau bila sudah letak alat terancang sudah siap, hanya menjemput orang-orang luar negara untuk menggunakan, maka rakan-rakan setempat akan hanya melihat tanpa boleh mengambil bahagian.

Oleh kerana itu, saya harap perkara ini akan diambil perhatian oleh pihak yang berkenaan dan bila kita tanya siapakah pihak yang berkenaan, pihak yang berkenaan di sini ialah MDC (Multimedia Development Corporation) agak saya, badan pembangunan multimedia.

Bila saya melihat juga laman web MDC dan bila kita mengkaji misinya yang tertentu, yang pokok yang asal ialah dengan izin, to ensure that the gold of the MSC a rapidly an efficiently achieved, to do this the MDC is driven by a number of objectives, dia berilah dia punya senarai dan sebagainya.

Pada saya, saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada pihak MDC di bawah kepimpinan Yang Berbahagia Tan Sri Dato' Dr. Othman Yop bin Abdullah kerana telah membawa nama Malaysia ke merata dunia melalui promosi MSC yang dijalankan atas mengikut badan induk MDC. Cuma bila saya kaji dengan lebih panjang, mungkin saya juga ingin membuat cadangan seperti MIMOS tadi, mungkin sudah sampai masanya MDC juga melihat balik dalam diri, bermuhasabah diri bertanya adakah tugas promosi itu sahaja dan mendapat lebih banyak syarikat-syarikat besar ambil bahagian dan menggerakkan industri ICT itu ataupun lebih daripada itu, sebab kalau mengikut kajian yang saya dapat dalam Internet ini sendiri, sebenarnya ada MSC central incubator, ada MSC technology centre, ada MDC access, MSC venture, knowledge worker exchange, hub education homepage, Asia Pacific MSC ITNT awards, MSC.dot.com, MTCx dan banyak lagi termasuk juga nama-nama syarikat anak sendiri seperti umpamanya, May Tech Development Sendirian Berhad dan MSC Lands Sendirian Berhad, MSC E-resources Development Sendirian Berhad, Entertainment Village Sendirian Berhad dan sebagainya.

Jadi, soal pokok yang saya hendak tujukan ialah apakah ini sebenarnya tugas dan tanggungjawab MDC. Sebab bila kita menjalankan regulatory function, fungsi untuk mengawal selia, kita tidak boleh kelirukan dengan direct participation, dengan izin, dengan

ambil bahagian secara aktif. Bayangkan kalau Securities Commission yang jaga mengenai syarikat-syarikat listed company itu, selain daripada ia menjalankan tanggungjawab kawal selia, ia juga memperanakkan syarikat dan mengambil bahagian. Mana boleh? Tetapi kita lebih nampak jelas bila kita melihat IC, tetapi kita agak keliru bila kita terbawa oleh MIMOS dan perancangannya. Bila kita terbawa oleh MDC dan perancangannya.

Pada saya, walaupun niat asal mengatakan diwujudkan dahulu sebagai satu perbadanan, kemudian you kena survive on your own profit making, pada saya kalau itulah lafaz yang awal pun seperti mana yang saya nampak, mungkin ini yang hendak dikaji selidik, dikaji semula, biarlah badan seperti MIMOS wujud sebagai badan R&D, biarlah badan MDC wujud sebagai badan kawal selia untuk mempromosikan MSC dengan begitu hebat, memberi galakan kepada syarikat tempatan industri kecil dan sederhana untuk mempelopori dengan jaya sampai ke antarabangsa. Biarlah peluang-peluang yang didapati itu dijadikan sebagai tapak permulaan untuk memperkenalkan kepada syarikat IKS tempatan rather than dengan izin, direct participation.

Saya rasa kalau perkara-perkara ini diberi ulang kaji sudah agak tidak terlewat kerana tahun ini ialah tahun permulaan abad yang awal, kalau mengikut takrif lain masih yang terakhir, tahun depan mulanya, jadi kita for convenient, kita takrif sebagai awal abad boleh kita kaji dan ubahsuai mengikut yang diperlukan. Barulah bila ada peluang yang kawal selia itu sendiri akan perkenalkan dengan sendirinya kepada syarikat-syarikat dan barulah syarikat-syarikat tempatan akan dapat tumbuh segar dan berjaya akhirnya di serata dunia.

Tuan Yang di-Pertua, perkara lain yang saya hendak bangkitkan ialah mengenai digital divide, mengenai perbezaan digital di antara bandar dan luar bandar. Program Desa Internet telah banyak disebutkan kalau tak salah saya oleh Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia. Ini pun saya memohon pihak kerajaan untuk membuat kajian yang lebih mendalam, mungkin Program Desa Internet ini kerana ia merupakan membawa teknologi ke kampung-kampung, kalau hendak membawa teknologi ke kampung-kampung, hendak manfaatkan orang kampung, orang yang lebih baik membawanya ialah Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Kementerian Tenaga, Komunikasi dan Multimedia lebih mirip kepada teknologi perse. Jadi, kalau dia tukang bawa, pembawanya, mungkin keberkesanannya kurang. Tetapi kalau kementerian Dato' Azmi sendiri bawa, oleh kerana pengalamannya luas mengenai dalam bidang program tadikanya, kemasnya dan macam-macam dan masuk dalam bidang tanggungjawab kementerian maka hanya boleh diselaraskan dipersuakan dan mungkin bukan sahaja dari segi kos dan masa, effectiveness pun mungkin lebih hebat dan lebih terjamin kalau sekiranya dibawa sendiri oleh pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar.

Saya harap pihak kerajaan akan dapat mengkaji ini dengan lebih terperinci kerana lebih baiklah kita sesat di tengah jalan, balik ke pangkal jalan, lebih baik daripada rakyat menderita kerana tidak mendapat sesuatu yang diharapkan, hanya menjadi gah di sana sahaja macam guruh bunyi kuat tetapi hujan tak juga turun.

Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan ungkapan yang digunakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan bila dia membentangkan tentang soal *digital divide*. Saya ingin *quote*, "Pensyarah, profesor di universiti, para profesional, eloklah pulang ke kampung", Tengok ini dia minta pulang ke kampung, pensyarah, profesor di universiti, para profesional, eloklah pulang ke kampung. Kongsi kemahiran dan pengalaman dengan guru-guru dan anak-anak kita di kampung, tepat sekali.

Jadikan ini satu budaya penyayang dan bantu-membantu tanpa mengharapkan habuan. Yang lain semua sudah elok tanpa mengharap habuan saya tidak berapa hendak setuju sangat. Kena juga ada sedikit habuan. Tetapi alhamdulillah, bila saya baca terus

disebut-sebut pula dalam para yang lain katanya, "Bagi pihak kerajaan usaha dan peruntukan kewangan akan terus disalurkan melalui badan dan agensi yang sedia ada", Alhamdulillah, kerana kalau kita hendak menarik profesional dan pensyarah katalah, saya ambil yang saya tahu kenal benar tempat di Kubang Pasu umpamanya, ada Lembah Sintok tidak kalah di Kedah pun. Bukan sahaja USA di California ada Lembah Silicon, di Kubang Pasu ada Lembah Sintok, ini betul ini, Lembah Sintok (Sintok Valley) dalam Universiti Utara Malaysia. Jadi, Universiti Utara Malaysia terletak di Sintok, perkampungan. Ada kampung banyak di sekeliling Yang Berhormat Dato' Charern, memang dari situ dia boleh bersetuju bahawa kampung di sekeliling.

Ungkapan yang disebut oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan umpamanya, boleh dimanfaatkan di Kubang Pasu, Jitra sendiri kerana pensyarah ramai. Tetapi pensyarah tidak akan berjalan masuk kampung tanpa agenda dan program, tidak akan masuk dalam kampung bersama-sama dengan rakyat jelata dan anak-anak muda kampung yang mungkin berkeliaran tanpa arah. Kalau tidak ada sedikit habuan sebagai insentif dan habuan tidak semestinya hanya berbentuk kewangan. Mungkin *simple recognition* bersama-sama dengan Yang Berhormat Menteri sekali-sekala bersembang-sembang bertukar fikiran dan akhirnya kalau hendak bagi habuan lagi baik bukan, inilah caranya. Pada saya inilah *platform*, peluang yang kerajaan boleh menarik kumpulan-kumpulan ini bersama untuk membangun masyarakat. Pada saya kadang-kadang kita membuat seruan tetapi tanpa agenda dan program, tanpa ada *platform*, tanpa infrastrukturnya, tidak boleh. Sekarang peluang boleh sudah ada. Saya ingin menyeru kepada pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar sekali lagi, saya nampak, wujudkanlah program untuk menarik mereka ini mengambil bahagian di tempat dan saya berdoa kepada Tuhan Rabbul-Al-Amin, semoga terbuka Yang Berhormat Menteri mendengar sedikit ucapan ini, kita bagi *Hansard* kepadanya supaya..., dialah berkuasa, dia ada peruntukan kewangan yang baik, dia yang bersama dengan penduduk kampung yang menghendaki bantuan dan oleh kerana ini diseru sendiri oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan kepada saya, peluangnya amat tepat sekali. Seolah-olah kata perumpamaan, pisau di tangan kita, mentimun di tangan kita, tepuk dada tanya selera.

Tuan Yang di-Pertua, perkara lain yang ingin saya bangkitkan ialah Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat. Semalam dalam perbahasan kalau tidak salah saya Yang Berhormat Dato' Dr. Chin Fook Weng ada menyebut tentang perpaduan negara, kalau tidak salah saya Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat ini dilihat persepsinya seolah-olah satu kementerian yang tidak begitu mustahak, seolah-olah saya *qualify* lah ya, dilihat seolah-olah tidak begitu mustahak. Kalau sesiapa yang pegang jawatan itu agaknya jawatan pun rendah. Kalau KSU nya pun sekalanya agak rendah dan seterusnya. Saya rasa persepsi ini mesti ditukar dengan *spirit* 3P oleh MIMOS - perubahan, perubahan, perubahan, mari kita wujudkan perubahan dalam persepsi Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat.

Dalam masalah kita membincangkan perpaduan negara dalam masalah yang banyak, inilah pada saya satu *platform*, satu kementerian yang patut mewujudkan satu pasukan profesional mengkaji segala masalah perpaduan dalam negara ini. Dia yang *coordinate* semua ini. Malah bolehlah kita bayangkan kalau MIMOS R&D, kalau MDC satu jaga MSC, kementerian ini sebenarnya jaga mengenai perpaduan. Bila ia mengeluarkan, mewujudkan satu pasukan sebagai satu kilang mengeluarkan produk-produk, modul-modul perpaduan bolehlah diberi kepada okay, Kementerian Pendidikan, sila guna modul ini dalam universiti; Kementerian Pendidikan, sila guna modul ini dalam sekolah; Kementerian Pendidikan dan swasta, sila guna modul ini dalam tadika dan sebagainya, sebab kena ada *full concentration* berdasarkan ilmu ia menghendaki fokus. Bayangkan kalau negara kita tidak ISIS, bayangkan.

Saya percaya benar dengan ISIS ini sebab saya banyak berhubung dengan mereka dan bekerjasama dahulu. Saya memang tertarik, terpegun dan terpesona dengan umpamanya prestasi Yang Berbahagia Tan Sri Dr. Nordin Sopi umpamanya sebagai Chief Executive ISIS. Dia punya kumpulan pemikirannya hebat, tenaga dia ambil hebat, keluarannya pun hebat. Bayangkan kalau tajuk perpaduan negara pun patut diadakan begitu kerana kita beri, kita letakkan taraf perpaduan itu sebagai satu yang mustahak. Kita dengar cerita masyarakat sekarang ini sudah berbelah, di antara kaum pun sudah susah, yang sesama bangsa pun susah, di antara kaum lagi susah. Oleh kerana itu, kita jangan tunggu sampai penyakit hendak masuk ICU baru hendak cari ubat, sekarang ini kalau boleh.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, Yang Berhormat.

Datuk Zainudin bin Maidin: Saya ingat Yang Berhormat Datuk Ghazi telah mencecah suatu aspek yang sangat benar di mana *performance* atau performasi Kementerian yang sangat penting adalah menjadi tidak penting. Tetapi dalam soal ini terutama dalam keadaan yang kita hadapi sekarang tetapi siapakah yang menjadikan Kementerian yang penting menjadi tidak penting. Ada kalanya yang tidak penting jadi penting oleh kerana *performance* oleh seseorang. Jadi sekarang nampaknya Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat seolah-olah tidak ada peranan langsung dalam kekecohan, kekacauan dan perpecahan yang kita hadapi sekarang.

Datuk Ghazi bin Haji Ramli: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Datuk Zainudin, amat tepat apa yang dikatakan oleh Yang Berhormat Datuk. Cuma saya hendak respons sebenarnya yang menjadikan ianya tidak dilihat sebagai tidak mustahak seperti benda-benda soal persepsi yang lain ialah masyarakat dan orang yang berkuasa. Masyarakat yang melihat dan orang yang berkuasa yang mewujudkan, itu persepsi. Oleh kerana yang berkuasa agaknya membuat sesuatu yang menampakkan seolah-olah tidak mustahak, programnya pun tidak ada kena-mengena dengan masalah sekitar dan oleh kerana *diendorsekan* diamalkan begitu, jadi masyarakat melihat begitu. Oleh kerana itu sekarang timbul soal menukar persepsi tetapi setakat menukar persepsi tidak cukup kerana kita kenalah pergi menukar pada pokok asalnya umpamanya, daripada segi peruntukan kena beri peruntukan yang lebih, itu *first signal*. Dari segi kekuatan tenaga yang ada di situ kenalah bagi orang yang nampak ataupun dilihat sebagai agak mustahak. Ini mungkin secara tidak langsung umpamanya.....

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Saya turut menyokong apa yang disarankan oleh sahabat saya, Datuk Zainudin, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, saya hendak tanya Yang Berhormat Datuk Ghazi, kekuatan negara Malaysia ini berpaksi kepada perpaduan untuk perpaduan sehinggakan wujud satu Kementerian yang dinamakan perpaduan. Tetapi pada hakikatnya, perkataan perpaduan tidak dicerminkan di dalam kegiatan seharian, sekolah-sekolah misalnya. Saya masih ingat Tuan Yang di-Pertua, sebagai seorang daripada Maktab Tentera Diraja pernah saya katakan di sini, di sekolah saya pada waktu itu 30% - 40% bukan Melayu, mandi sama, makan sama, 30% - 40%. Tetapi sekarang ini sudah wujud arus persekolahan yang amat meminggirkan perkara-perkara semacam ini.

Jadi, soalnya sekarang Tuan Yang di-Pertua, saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Datuk, adakah relevan Kementerian Perpaduan Negara yang ada sekarang ini dalam mengatasi masalah-masalah perpaduan yang begitu ketara di peringkat sekolah, di peringkat masyarakat dan sebagainya dan kalau ia tidak begitu relevan lagi, apakah cara-caranya Belanjawan ini boleh mencerminkan untuk hendak meningkatkan kerelevanan Kementerian ini dalam usahanya?

Datuk Ghazi bin Haji Ramli : Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Dato' Aziz. Dalam keadaan sekarang memang persepsi dan mungkin

kesahihannya tidak relevan. Tetapi pada saya, kita mesti kenal pasti mengatakan bahawa ianya amat relevan. Oleh kerana itu, agak tidak terlewat untuk menentukan ianya relevan umpamanya tentukan yang tanggungjawab itu dia kena buat, program itu dia kena buat. Kalau hendak buat program itu dia hendakkan peruntukan ambil dari yang lain, beri kepadanya. Pada saya, mungkin cara ini memberi satu kejutan, satu *short treatment*. Dalam dunia kedoktoran hendakkan *short treatment* pada kementerian itu sendiri yang diketuai oleh seorang Menteri bahawa, ah! aku sekarang sudah mustahak. *Now* semua masalah perpaduan aku yang hendak memproses, aku yang hendak keluarkan ubat, resipinya. Jadi insya-Allah, kalau begini sekurang-kurangnya masalah serius seperti perpaduan ini boleh dilihat oleh satu badan yang khusus. Kalau tidak cukup anggota dan tenaga profesional dalam kementerian itu, di sinilah kita boleh menghulurkan tangan, jemput para cendekiawan profesional dari luar untuk terlibat sama. Dengan jalan itu merupakan satu peluang, satu kejutan kepada masyarakat. Wah! sekarang kerajaan bukan hanya bercakap tentang perpaduan ini mustahak. *It is seen to be doing things* dengan izin, bahawa perpaduan itu mustahak kerana kita berani merobah, *mere-engineer* atau *mere-create*kan sesuatu yang baru bila ada peluang dan keperluan. Lebih-lebih lagi bila ia dibahaskan dengan begitu panjang lebar oleh Ahli-ahli Dewan Negara yang mulia ini.

Jadi, saya harap sepintas lalu saya mencelah supaya pihak kerajaan memberi perhatian yang begitu serius, sekurang-kurangnya insya-Allah, terakam dalam sejarah Dewan Negara mengeluarkan sesuatu yang merupakan, menjadi benih kepada perubahan yang besar demi untuk perpaduan dan kesejahteraan orang-orang Malaysia masa kini, masa hadapan dan selama-lamanya.

Tuan Yang di-Pertua, saya hendak sentuh sedikit tentang Kementerian Penerangan, RM665.16 juta diperuntukkan. Saya nampak banyak telah ditegur tentang program-program iklan dan sebagainya oleh Dewan Rakyat. Saya tidak melihat dan mendengar lagi sentuhan segi program yang bercorak agama. Saya hendak memberi fokus kepada program-program Islam yang dijalankan oleh pihak RTM. Saya rasa ini juga memerlukan sesuatu pembaharuan kerana kalau dalam *mode format Forum Perdana* dan banyak lagi forum perdana dan banyak lagi forum itu sudah berlarutan dan kejayaannya sudah sampai kepada *peaknya* sudah lama, saya rasa pihak Kementerian Penerangan patutlah mengubahsuaikan selaras dengan perubahan-perubahan yang lain lebih-lebih lagi bila baru-baru ini saya melihat Menteri Penerangan sendiri berkunjung ke Pesta Buku, membuat perasmian pesta buku. Saya pun terfikir relevannya kaitannya dengan Menteri Penerangan. Tetapi baiklah kita melihat ini dalam bentuk positif, yang luas bahawa Menteri Penerangan juga bertanggungjawab untuk mempromosikan budaya membaca buku di dalam masyarakat supaya masyarakat lebih bersedia menerima maklumat dan sebagainya. Tetapi yang lebih mungkin patut diberi penekanan oleh Kementerian Penerangan oleh kerana industri hiburan juga agak berkaitan rapat dengan Kementerian Penerangan. Industri sama ada dalam bentuk teater, drama, persembahan, nyanyian dan sebagainya termasuk perfileman juga ada kaitan rapat dengan Kementerian Penerangan.

Saya rasa Kementerian Peneranganlah yang patut mengambil daya inisiatif yang tersendiri untuk menyediakan, menyatukan kumpulan-kumpulan yang banyak ini dalam industri ini supaya bersesuaian dengan perkembangan *e-village* yang saya sebut tadi kerana *e-village* di bawah tauke lain. Penerangan yang industri ini di bawah tauke lain. Kadang-kadang dua tauke ini kepala asing, pemikiran pun asing, ini yang menjadi masalah. Jadi, ahli-ahli yang berada dalam industri, mereka ini faham dan fasih *information at finger tips*, dengan izin, dari segi perkembangan industri. Jadi, kita dapat kelompok masyarakat yang juga tidak puas hati dengan cara kerajaan mentadbirkan ini. Inilah masanya pada saya kalau dalam benda lain kita boleh ada *convergence*, penyatuan di antara komunikasi multimedia dan yang lain-lain dan di sinilah pada saya peluangnya, peluang yang terbaik untuk pihak Kementerian Penerangan dan Kementerian Tenaga, Komunikasi dan

Multimedia untuk bersama-sama membuat sesuatu untuk kebaikan industri yang berkenaan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ketiga akhir yang saya hendak sebut, hendak habis dah, ialah mengenai polisi kebangsaan berkenaan e-commerce. Saya terbaca dalam akhbar sudah lama sebenarnya ini, beberapa kali sudah hendak diannoucekkan dan hendak diumumkan, tetapi masih tidak diumumkan. Apa masalahnya? Saya pun tidak faham, sedangkan di rata-rata kita menggalakkan syarikat tempatan, orang awam, individu mengamalkan e-commerce.

Telah timbul dalam akhbar mengatakan bahawa pihak MDC telah pun menyempurnakan tugasnya dan menyerahkan kepada pihak EPU. Ini lama dahulu dan kata *ready* hendak umumkan akhir bulan ini tetapi sehingga sekarang, maaf saya setakat yang saya tahu, unless saya ke luar negara, saya *termisss* wallahualam, setakat saya tahu masih tidak lagi diumumkan perancangan besar polisi kebangsaan mengenai e-commerce.

Saya rasa perkara ini kalau pun mempunyai masalah, lebih baik tidak payah tunggu sampai *complete* yang sebenarnya. Boleh kita keluar sebagai *interim report*, boleh sebagai satu benda yang draft punya stage untuk melibatkan masyarakat mengetahui, mengenalinya dan masalah *feedback* itu boleh bagi balik kepada EPU. Dengan cara ini kita tidaklah sekat, kalau tidak di mana akan datang keyakinan masyarakat sedangkan e-commerce itu sendiri baru, sedangkan baru-baru ini kita bercakap kita dengar kata *even transaction electronic* pun boleh kita *bypass* ataupun boleh kita sekat dan gunakan yang lain.

Jadi, oleh kerana masalah begini, keyakinan masyarakat untuk mengamalkan teknologi-teknologi baru ini akan menjadi agak kabur dan oleh kerana itulah saya rasa pihak kerajaan patut mengeluarkan *interim report*, kalaupun tidak yang terakhirnya sekali. Tidak salah kerana dunia sekarang dunia berasaskan ilmu. Di antara ciri berasaskan ilmu pada saya ialah lebihkan *sharing*, lebihkan kongsi, lebihkan berkongsi pendapat ilmu dan pengalaman. Kalau kita lebihkan perkongsian, ilmu pengalaman dan tenaga ini, kita sebenarnya mengamalkan budaya k-ekonomi, budaya ilmu. Itu dia.

Jadi, kalau kita anggap dia sebagai satu positif, sebagai satu langkah bijak dan proaktif oleh pihak kerajaan, saya rasa tidak salah kerajaan mengeluarkan *interim report* ini dan kita sama-sama belajar memahami dan bertanya, memberi *feedback* dan sebagainya. Lebih banyak *feedback*, lebih banyak kita *share* dengan masyarakat, lebih baik, lebih mantap produk terakhir yang hendak kita keluarkan itu.

Tuan Yang di-Pertua, perkara lain yang saya hendak bangkitkan ialah Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan. Ini dalam bidang sastera dan budaya. Dalam bidang ini saya ingin merujuk kepada petikan akhbar *Berita Harian*, Jumaat 1 Disember, ruang sastera dan budaya yang mempunyai tajuk sebesar ini, "Sepetang di PNB - Temukan Korporat Sasterawan". Sepetang, *an evening at PNB* temukan korporat sasterawan.

Saya ingin mengucapkan setinggi-tinggi tahniah, sekalung bunga kepada pihak PNB yang dipengerusikan oleh Yang Berbahagia Tan Sri Ahmad Sarji yang telah membuatkan program, mewujudkan penemuan di antara dunia korporat dan sasterawan termasuk Sasterawan Negara yang ada sedikit masalah dengan Dewan Bahasa dahulu. Ini baik. Jadi, dia bermasalah dengan Dewan Bahasa, tetapi kalau ada badan korporat macam Tan Sri Ahmad Sarji membuatkan sesuatu, dia boleh buat. Begitu juga dengan badan-badan kerajaan yang lain yang di bawah kementerian. Kita tahu yang hebat-hebat. Saya seru kepada semua pengerusi badan-badan kerajaan ini pun patut melibatkan juga dengan usaha budaya sastera dan kesenian ini kerana dari sini datang "roh" kita. Jiwa seni itu dapat disemaikan.

Saya menekankan ini kerana kekurangan aktiviti-aktiviti seperti inilah di antara sebab yang boleh tidak menampakkan corak masyarakat yang baik dan berseni. Oleh kerana itu, saya serulah pada mereka yang berkenaan supaya mengambil langkah dan inisiatif contoh yang baik ini.

Tuan Yang di-Pertua, dalam tangan saya ini ada satu kertas jawapan di atas soalan lisan saya No. 35, yang telah diberikan kepada saya semalam dan bila saya baca jawapan itu, akhirnya di muka surat lima yang terakhir, ditulis disediakan oleh sains nama *so and so*, saya tidak payah baca namalah. Jawatan Penolong Setiausaha, telefon dia bagi, disemak oleh sains nama, saya tidak payah bagi nama, jawatan Ketua Penolong Setiausaha, bagi *phone number*.

Ada juga yang lain saya dapat tanpa sains, tanpa yang lain dan saya anggap ini lebih rasmi. Tetapi bila sesuatu yang datang hanya sains oleh Ketua Penolong Setiausaha, saya ingin bertanya prosedur. Mari kita *regularize*, perbetulkan dan tentukan yang mana satu ini. Setakat fahaman saya, bila kita bertanya lisan, yang jawab ialah Yang Berhormat Menteri, yang jawab ialah Timbalan Menteri, yang jawab ialah Setiausaha Parlimen, tetapi bila datang bertulis, yang ditandatangani ialah Ketua Penolong Setiausaha.

Saya tidak hendak merendahkan sesiapa yang mempunyai jawatan Ketua Penolong Setiausaha. Saya membangkitkan dari segi kualiti, mutu pentadbiran dan *the actual validity of the information*, maksud saya dengan izin, adakah ini rasmi kerana ini baru nampak macam *draft* sahaja, tidak bagi pada boss lagi. Belum boleh disiarkan lagi, *not stand for approval yet*, dengan izin, ini saya hendak persoalkan. Jadi, saya harap dapat diperbetulkan dan di antara yang sains dan tidak sains pun *inconsistent*. Ada yang saya dapat yang tidak sains, ada nama, ada telefon tetapi tidak sains.

Jadi, dalam depan mata saya ini ada tiga benda yang berlainan. Jawapannya *inconsistent*, tidak selaras jawapannya. Dalam dunia berteraskan ilmu, marilah kita wujudkan sistem yang dapat diterima selaras dan authoritative, mempunyai kuasa, barulah kita rasa lega dan kena. Kalau tidak, saya *quote* dari *source* yang tidak authoritative, dia kata "Tidaklah Dato", mana you temberanglah, tidak betul, itu *source* salah", susah pula. Jadi, saya harap dapat diselaraskan ini sebab saya tekankan ini walaupun nampak kecil, amat mustahak sebab inilah proses komunikasi di antara kerajaan dengan Ahli Dewan Negara.

Kita juga mendengar daripada rakyat jelata, yang kita hendak cerita pada rakyat jelata ini yang kita dapat dengar daripada Bapa Menteri, bukan daripada orang lain. Kita baca sikit-sikit, kita tanya sikit, tidak faham tanya orang, tanya kawan, baca sikit, tidak faham lagi kata *sorry*lah saya tidak tahu, apa boleh buat, saya pergi tanyalah pula Dato' Hamzah, dia tahu dia ceritakan kepada saya. Dia lebih faham pasal FELCRA. Boss FELCRA ada sebelah saya ini. Itu saya *hint* tadi itu. Baiklah, itu *point* mengenai komunikasi dalaman.

Perkara terakhir, sebagai kesimpulannya saya hendak bercakap pasal masyarakat madani *civil society*. Terdapat di sana sini, kerajaan menyebut kita hendak mewujudkan masyarakat madani. Usaha begitu begini. Semuanya baik, alhamdulillah, saya tidak hendak mengulangkan benda-benda yang telah pun tersemat di sana sini. Banyak kementerian menyebut ini dalam penerbitan mereka termasuk juga dalam *web page*.

Yang saya hendak tekankan untuk kita merenung sejenak dalam usaha kita mencapai apa sahaja yang kita buat ialah soal keseimbangan. Kerajaan Barisan Nasional yang berlambangkan Dacing, sebenarnya melambangkan keseimbangan. Kita berteraskan ilmu, ilmu berteraskan Al-Quran dan hadis, sudah saya sebut. Sekarang kita hendak beri fokus kepada keseimbangan di antara duniawi dan ukhrawi, di antara antarabangsa dan

dalam negara. Kita hendak berseimbang di antara usaha-usaha yang moden dan usaha-usaha yang tradisional.

Kita hendak seimbangkan di antara yang di bandar dan di desa. Saya lebih sedap panggil bandar dan desa. Tidak usah panggil luar bandar, luar bandar ini bunyi teruk sangat, negatif, nanti persepsi tidak baik. Kita panggil desa sahaja, jadi *style* Desa Internet, ada canggih bukan? Jangan panggil luar bandar, nampak lekeh sangat. Bandar dan desa juga hendak seimbangkan. Di antara korporat dan pak tani hendak seimbangkan. Di antara KLIA, KLCC dan Formula One hendak seimbangkan dengan padi, kelapa dan getah. Semuanya hendak seimbangkan. Jadi, dengan fokus kepada rakyat, dengan memberi kebaikan kepada rakyat, insya-Allah rakyat akan melihat jasa kita dan rakyat patut mengiktiraf segala yang kita buat untuk kebaikan mereka.

Dengan demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong Belanjawan 2001. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Datuk Long bin Jidin.

3.40 ptg.

Datuk Long bin Jidin: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana saya diberi peluang untuk membahaskan Rang Undang-undang Perbekalan 2001.

Yang pertama, saya mengucapkan tahniah kepada kerajaan yang telah membentangkan suatu belanjawan yang berteraskan kepada k-ekonomi kritikal dan menggariskan pelaksanaan strategik bagi mencapai Wawasan 2020. Indeks petunjuk dalam pemulihan ekonomi adalah terdapat lonjakan KDNK daripada penguncupan 7.4% tahun 1998 kepada 5.8% tahun 1999 dan pada tahun ini KDNK mencecah 7.7% pada suku tahun ketiga.

Tuan Yang di-Pertua, dalam masa kita harus menerima realiti k-ekonomi dan kita tiada pilihan bagi semua rakyat bagi memperlengkapkan diri dengan kemahiran baru budaya berteknologi tinggi dan berpengetahuan. Dan pada masa yang sama saya sebenarnya merasa amat takut di mana anak bangsa saya yang jauh ketinggalan dari arus perdana pembangunan dan akan terus tercicir dan tidak mampu bersaing dengan masyarakat lain di negara ini. Untuk menempuh kehidupan dalam ekonomi global berasaskan ilmu pengetahuan dan dunia tanpa sempadan, saya percaya kalau sesuatu tidak dilakukan oleh kerajaan, masyarakat saya akan terjerumus dan terpinggir, yang miskin bertambah miskin dan yang susah bertambah susah.

Asas ketakutan saya adalah berpandu kepada beberapa fakta yang harus diambil perhatian. Di antaranya, dalam tahun 1993 ada dinyatakan bahawa 66% masyarakat saya, masyarakat Orang Asli adalah buta huruf, 62.14% kadar keciciran bagi murid-murid sekolah, 81.45% Orang Asli miskin dan termiskin, 99.8% Orang Asli langsung tidak memiliki tanah dan 75% belum mendapat bekalan elektrik. Yang ini yang saya tanya kepada Yang Berhormat Datuk Ghazi tadi. Tidak ada bekalan elektrik macam mana perhubungan itu dapat dilaksanakan di luar bandar. 60% tiada bekalan air bersih, mereka masih guna air sungai dan air perigi, 47% rumah mereka daripada alat-alat tradisional daripada hutan, kulit kayu, atap rumbia, atap daun nipah dan sebagainya, 60% penempatan mereka semuanya di pedalaman dan ada terdapat yang sukar untuk dihubungi. Kalau hendak pergi sampai empat hari jalan kaki.

Daripada fakta-fakta di atas adalah jelas kalau kerajaan tidak melaksanakan program raksasa dan bersepadu yang mampu memantau beberapa perkara pokok yang utama dan komitmen yang tinggi, saya tidak nampak jalan penyelesaian yang cepat dan berjaya akan tercapai.

Tuan Yang di-Pertua, kalau dilihat senario semasa Orang Asli, mereka masih berjuang untuk menentukan kedudukan asas mereka iaitu keperluan tanah yang meruncing. Sebagai contohnya, baru-baru ini perjuangan tanah di Ko Zon, Tasik Bera bagi memenuhi kehendak konvensyen Ramsa bagi National Wetland. Masa ketika itu kalau tidak silap saya, Dato' Abdul Aziz Abdul Rahman jadi pengerusi di Tasik Bera tentang wetland. Selepas itu, tuntutan hal tanah bagi Orang Asli Bukit Lanjan sekarang ini dibawa ke mahkamah. Tuntutan tanah Orang Asli di Bukit Panjang ataupun Bukit Kepong, Muar pun dibawa ke mahkamah dan tuntutan tanah yang terakhir di Kampung Bukit Tampoi di Selangor disiarkan di akhbar dua tiga hari dulu.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, terdapat berbagai pihak telah mengambil kesempatan dan mengambil untung terhadap kebodohan, rendah diri dan kelemahan masyarakat saya. Saya memohon kepada kerajaan salah satu daripada kes yang saya rasa perlu diambil perhatian ialah sama ada Kementerian Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat ataupun kerajaan ataupun melalui Jabatan Hal Ehwal Orang Asli ataupun BPR tentang satu kes kelulusan tanah saka yang diduduki oleh seorang batin, Batin Ebak a/l Pulasan di kampung Orang Asli Hulu Kemesah, Hulu Klang dekat belakang zoo itu di Selangor. Tanah tersebut terdiri dari tanaman dusun buah-buahan seperti durian, manggis, rambutan dan lain-lain dan saya diberi maklum bahawa mereka duduk di tanah ini sudah melebihi 50 hingga 60 tahun dulu. Lotnya ialah di Lot No.449 CP1094 seluas 9.125 ekar dan sekarang ini tanah ini telah diluluskan oleh Pejabat Tanah Gombak kepada seorang manusia bernama Nawar binti Ismail. Jadi maklumat yang saya terima, saya sudah check dengan Jabatan Orang Asli Negeri Selangor, dia kata dia tidak pernah sokong hendak bagi tanah ini kepada si hamba Allah ini tetapi dia kata dia pergi ke ibu pejabat di Kuala Lumpur, Ibu Pejabat Jabatan Orang Asli. Dia kata mungkin ibu pejabat sokong dan akhirnya tanah yang diduduki oleh batin ini telah pun dimiliki oleh seorang manusia yang saya sebutkan Nawar tadi. Jadi saya terfikir adakah Nawar binti Ismail ini lebih penting daripada Batin Ebak a/l Pulasan?

Walaupun masyarakat Orang Asli sebenarnya dilindungi terhadap tanah yang mereka duduki seperti dalam Akta 134 Akta Orang Asli tetapi atas kejahilan mereka tanah tersebut telah terlepas ke tangan orang lain. Ini satu kes. Sebenarnya banyak lagi kes. Saya tidak hendak quote banyak di tempat saya pun ada berlaku, di tempat-tempat lain pun ada berlaku. Mereka duduk sudah berpuluh tahun tetapi sedar-sedar tanah mereka ada geran orang lain. Ini satu perkara yang menghairankan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berterima kasih dengan Kerajaan Negeri Pahang yang sentiasa mendahului daripada negeri-negeri lain. Kerajaan-kerajaan negeri yang lain tentang pemberian hak milik tanah baru-baru ini pada 11 November yang lalu kerajaan negeri telah melupuskan tanah kepada Orang Asli negeri Pahang sebanyak 4 buah kampung secara serentak seluruh negeri. Dan saya difahamkan bahawa banyak lagi tanah-tanah lain akan dilupuskan kepada masyarakat saya dalam negeri Pahang. Jadi, saya ingin bertanya kepada negeri-negeri lain, apakah halnya susah sangatkah hendak bagi tanah kepada masyarakat Orang Asli ini. Apa sebenarnya masalah? Mereka sebenarnya tidak ramai. Di negara kita hanya lebih kurang 105,000. Keluarganya hanya lebih kurang 20,000 keluarga dan kalau hendak bagi tanah – kalau negeri Pahang bagi 6 ekar dan Perak bagi 10 ekar. Saya tidak tahu negeri-negeri lain sebab tidak ada dasar. Mungkin tidak hendak bagi. Saya tidak tahu, mungkin. Dan saya diberi maklum oleh jabatan, dia kata dalam usaha pergi ke semua negeri untuk membuat satu dasar tanah kepada masyarakat Orang Asli.

Jadi, saya ingin mencadangkan supaya kerajaan pusat seharusnya mewujudkan satu dasar tanah yang serata kepada masyarakat saya di seluruh negara supaya ianya dapat dipraktikkan ataupun diambil dasar ini sebagai satu cara untuk melupuskan tanah kepada masyarakat saya, walaupun kita tahu tanah merupakan kuasa di bawah kerajaan negeri

tetapi dengan adanya komitmen daripada Kerajaan Pusat, saya yakin dan percaya perkara ini dapat diselesaikan.

Tuan Yang di-Pertua, seperkara lagi, saya dapati bahawa selain daripada negeri Pahang, hal ehwal Orang Asli ini dianggap – saya lihat tidak berapa penting. Ianya terkebawah dan tiada siapa yang ambil peduli. Tidak ada Exco yang menjaga dalam portfolio Orang Asli di negeri-negeri. Urusan Orang Asli dianggap urusan Persekutuan dan tidak penting. Saya ingin mengingatkan jangan “sudah jatuh, baru tengadah”. Hal peribumi ini biasanya dijadikan alat bagi memperjuangkan hak asasi manusia terutamanya daripada kumpulan hijau dan aktivis-aktivis luar negara yang kita tidak mahu berlaku lagi ada Bruno Manser kedua seperti kes kaum Penan. Kita tidak mahu penentangan dalam kaum peribumi Australia dan sekarang ini pun sudah terdapat bunga-bunga yang sudah mula berputik. Jadi, jangan kelak, pemimpin-pemimpin Orang Asli akan dipersalahkan.

Tuan Yang di-Pertua, daripada lima strategi Belanjawan 2001, terdapat tiga teras utama. Yang ketiganya adalah meneruskan agenda masyarakat penyayang. Bagi meneruskan agenda ini, kerajaan akan meneruskan agenda sosial dan memberi kualiti hidup rakyat dapat dipertingkatkan sejajar dengan pembangunan negara. Adalah menjadi sedia maklum bahawa prasarana sosial perlu disediakan secukupnya.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin bertanya kepada kerajaan, bagaimanakah prasarana sosial ini boleh diwujudkan, sedangkan masalah tanah masih tidak selesai? Bagi masyarakat Orang Asli dalam Belanjawan 2001, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM100 juta meliputi pelbagai program termasuklah peruntukan bantuan pendidikan dan saya menerima maklum daripada kalangan pelajar di pusat pendidikan tinggi adalah kadar bantuan yang mereka terima tidak mencukupi bagi menampung kos pelajaran dan pembelajaran termasuk kos makan minum dan tempat tinggal semasa menuntut.

Kenapa jabatan tidak boleh mengikut satu piawaian seperti biasiswa atau pinjaman yang telah diberikan oleh pihak-pihak lain? Kalau dahulunya, kadar keciciran di peringkat sekolah adalah tinggi tetapi sekarang ini di peringkat pusat pengajian tinggi telah pun terdapat kes-kes keciciran disebabkan oleh ketidakmampuan dan meneruskan pengajian disebabkan tidak cukup ongkos pembiayaannya.

Tuan Yang di-Pertua, dalam pembentangan Rang Undang-undang Perbekalan 2001, kerajaan memperkenalkan satu moto “Malaysia Baru” dan dari wawasan strategik kepada pelaksanaan strategik. Kalau dilihat sejak kebelakangan ini, terdapat pelbagai kekeliruan, ketidakfahaman dan penjelasan bertindih yang menyebabkan rakyat kebingungan, ditambah dengan pelbagai pembohongan daripada parti-parti politik. Maka, saya mencadangkan satu pendekatan berbentuk penerangan strategik haruslah diwujudkan oleh pihak kerajaan.

Di antara perkara dan isu yang mengelirukan dan memberi impact buruk kepada kerajaan adalah kes lesen terbang. Kes lesen terbang ini ramai pihak yang memberi kenyataan, hinggalah hendak ambil tindakan, tangguh. Selepas itu, orang yang dapat lesen terbang ini diberi keistimewaan untuk test semula. Yang menghairankan ialah macam mana kes lesen terbang ini boleh wujud. Adakah orang yang beli lesen terbang ataupun pegawai yang menyediakan peluang untuk mendapatkan lesen terbang?

Yang keduanya, tentang kes sekolah wawasan. Saya, masyarakat Orang Asli tidak ada sekolah khas untuk Orang Asli. Jadi, saya adalah hasil daripada sekolah wawasan sebelum sekolah wawasan ini wujud. Saya bersekolah seperti juga dengan Dato' Charern, bercampur dengan semua golongan dan saya boleh bercampur dengan orang Melayu, boleh bercampur dengan orang India dan boleh bercampur dengan semua golongan. Saya boleh berbahasa Orang Asli, dua tiga bahasa Orang Asli saya boleh bercakap dan saya boleh bercakap orang Melayu. Saya tahu sikit-sikit bahasa Cina yang

kotor-kotor [*Ketawa*] dan saya boleh juga berbahasa Inggeris sikit-sikit. Jadi, saya rasa saya amat bertuah dan beruntung.

Tetapi baru-baru ini saya dengar, terdapat rakan-rakan saya berkata, membawa sepanduk dengan besar-besar, melaung ke sana sini, dia kata “Bahasa Jiwa Bangsa”. Adakah dengan sekolah wawasan ini, bahasa kita akan hilang, adat kita akan hilang, identiti kita akan hilang? Kerajaan telah membuat keputusan mewujudkan sekolah wawasan. Jadi, ramai sangat yang membuat kenyataan. Akhirnya, bukan sahaja rakyat yang keliru, malah orang yang membuat kenyataan pun keliru sehingga menyebabkan benda ini *dragged*, sehinggakan menjadi isu politik.

Caj laluan telefon selular pun keliru juga. Pada satu ketika, kerajaan kata hapus *access fees*. Pada masa yang sama, semalam ada jawapan, interpretasi masyarakat dan persepsi masyarakat sudah berbeza dan ini pun satu perkara yang perlu diberi penjelasan. Kes saman trafik yang terakhir, dua tiga hari ini hebat. Ramai yang akan ditangkap dan sudah pun tertangkap. Jadi, semua perkara ini, ramai pihak yang ingin menjadi juara dan ingin jadi hero dan ramai yang akan membuat pelbagai kenyataan. Tidak silap saya, kalau di dalam perkhidmatan kerajaan dahulu, setiap pegawai yang ingin memberi kenyataan, dia tertakluk kepada Perintah Am. Yang boleh bagi kenyataan hanya KSN sahaja.

Dan ramai menteri berlumba-lumba ingin memberi kenyataan dan semua kenyataan yang diberikan amat mengelirukan. Jadi saya ingin mencadangkan kepada kerajaan kalaulah, saya tidak kata Amerika itu bagus. Di Amerika, di Rumah Putih itu ada jurucakap dia, disebut Jurucakap Rumah Putih. Jadi mengapa di Malaysia ini tidak ada Jurucakap Putrajaya ataupun jurucakap apa-apalah hendak sebut, jurucakap Malaysia. Jadi seorang sahaja bagi pihak kerajaan menjadi jurucakap. Tidak ramai yang menjadi jurucakap. Kadangkala, maklum sahaja kita ini manusia memang bila banyak cakap, lagi banyak silap. Akhirnya yang menjadi masalah adalah masyarakat termasuklah kami daripada Ahli Dewan Negara, wakil-wakil rakyat dan sebagainya terpaksa menerangkan perkara yang sebenarnya yang dikeluarkan oleh pihak kerajaan. Jadi saya tidak hendak bercakap panjang, jadi untuk itu saya turut menyokong rang undang-undang.....

Dato' Charern Intachat: [*Bangun*]

Datuk Long bin Jidin: Tidak apa, boleh...

Dato' Charern Intachat: Minta penjelasan, terima kasih Yang Berhormat Datuk. Saya cuma ingin hendak tahu sama ada Orang Asli diiktiraf sebagai bumiputera atau tidak.

Datuk Long bin Jidin: Terima kasih Dato' Charern. Saya pun tidak tahu sebenarnya, yang harus jawab Menteri Kehakiman tetapi dalam soalan saya di Parlimen, mula-mula saya jadi Ahli Dewan Negara di bawah Artikel 153, Perlembagaan Persekutuan, tidak dinyatakan Orang Asli ini secara jelas bahawa Orang Asli ini dikategorikan sebagai bumiputera. Jadi saya pun amat keliru dan bagaimanakah sebenarnya saya ini sedangkan saya adalah peribumi asal Tanah Melayu, sepatutnya disebut “tanah asli” sebab orang menggelar kami ini Orang Asli tetapi telah pun ditukar kepada Tanah Melayu, tidak apalah tetapi dalam Perlembagaan pada ketika itu tidak tahulah siapa yang buat sehingga terlupa Orang Asli tidak dikategorikan sebagai bumiputera walaupun dalam ‘Seksyen (8A)(5)(1)’ kalau tidak silap saya. Orang Asli dianggap itu sebab kami layak menerima, boleh membeli saham ASB dan sebagainya untuk kepentingan masyarakat saya tetapi realitinya di dalam 153 Perlembagaan tidak dinyatakan langsung bahawa Orang Asli sebagai bumiputera dan kami Orang Asli dianggap lebih rendah daripada suku kaum yang dominan seperti orang Melayu, Cina dan India dan semua Perkara 153 ini kena *amendment* nya Majlis Raja-Raja.

Jadi saya mintalah kalau boleh terima kasih kepada Dato' Charern, Perkara 153 itu perlu dipinda dan masukkan bahawa Orang Asli terus dinyatakan sebagai bumiputera. Beruntung kepada rakan-rakan saya daripada Sabah dan Sarawak, bumiputera itu orang Kadazan, orang Murut, orang Bidayuh disebut bumiputera tetapi perkataan Orang Asli terlupa agaknya. Jadi saya mohon dalam Majlis ini atas bantuan Dato' Charern supaya Artikel 153 itu dipinda, dimasukkan perkataan "Orang Asli" dan saya yakin dan percaya semua rakyat negara ini, masyarakat dan kawan-kawan saya di negara ini tahu yang Orang Asli ini adalah bumiputera. Itu lebih penting daripada undang-undang. Undang-undang ini manusia yang buat, tidak apa daripada segi undang-undang dan akhir sekali saya menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 2001. Sekian, terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Ahli-ahli Yang Berhormat, mengikut Peraturan Mesyuarat 6(1) sekarang saya menjemput Yang Berhormat Tuan Haji Gapar untuk mempengerusikan Mesyuarat.

[Tuan Haji Gapar bin Gurrohu *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Dijemput Yang Berhormat.

4.06 ptg.

Puan Safinah binti Jusoh: Bismilahirrahmanirrahim. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi laluan kepada saya untuk turut sama berucap dan membahaskan Anggaran Belanjawan 2001 ini.

Saya ingin mengaitkan Belanjawan 2001 yang dibentangkan oleh Menteri Kewangan pada 27 Oktober yang lalu berhubung dengan kedudukan pasaran saham Kuala Lumpur pada ketika itu. Sambutan yang spontan ini berlaku apabila didapati harga-harga saham jatuh selepas pembentangan Belanjawan tersebut. Indeks Komposit jatuh daripada 791 mata pada hari pembentangan kepada 774 mata pada 30 Oktober dan 752 mata pada 31 Oktober. Indeks mungkin jatuh lebih teruk jika pelabur-pelabur institusi tidak memasuki pasaran memberi sokongan harga. Sehingga ke hari ini iaitu hampir dua bulan selepas pembentangan, pasaran saham masih tidak bermaya dengan indeks berada pada 729.5 mata iaitu pada 5 Disember berbanding dengan paras tertinggi, 1021.2 mata pada bulan Februari 2000 dan 812.3 mata pada hujung tahun 1999. Jadi apakah sebabnya pasaran saham tidak memberikan tindak balas yang positif kepada Belanjawan 2001 ini.

Tuan Yang di-Pertua, Belanjawan 2001 tidak memberikan manfaat yang sepatutnya diperolehi oleh para jururawat hospital kerajaan sebagaimana yang diberikan kepada doktor yang menikmati kenaikan elaun. Kakitangan kerajaan yang bilangannya melebihi 800,000 orang juga tidak mendapat bonus atas alasan mereka telah mendapat tambahan pendapatan sebanyak 10% dalam Belanjawan yang lalu. Mereka memang mengharapkan bonus untuk menampung kenaikan perbelanjaan bermusim iaitu musim perayaan dan juga musim membeli buku dan peralatan persekolahan anak-anak mereka.

Tuan Yang di-Pertua, golongan petani nampaknya terus dibiarkan, tidak ada langkah-langkah dicadangkan untuk melindungi pendapatan pekebun kecil getah dan kelapa sawit yang kian terhakis akibat kejatuhan harga getah, minyak sawit dan kelapa yang dibebani pula oleh kenaikan harga barangan khususnya barangan keperluan. Mereka terus terdedah kepada turun naik harga pertanian yang mendebarkan tanpa ada apa-apa mekanisme yang boleh melindungi mata pencarian mereka. Mereka terpaksa berjuang bersendirian di pasaran komoditi dunia menghadapi pedagang-pedagang besar yang mengawal pasaran.

Tuan Yang di-Pertua, petani-petani di negeri maju seperti Amerika, Perancis, Australia dan New Zealand sentiasa dilindungi oleh kerajaan masing-masing tetapi petani-petani di negara sedang membangun terpaksa bergelut dengan keadaan pasaran komoditi

dunia. Bagi golongan petani, hari-hari perayaan dan hari raya yang mendatang ini nampaknya kurang ceria.

Tuan Yang di-Pertua, dalam Belanjawan 2001 nampaknya ada penekanan ke arah mempromosikan ekonomi-p ataupun k-ekonomi tetapi harus diingat bahawa ekonomi-p bukan setakat ekonomi menjual dan membeli komputer sahaja. Di sini kita memperkatakan pengetahuan ataupun *knowledge* yang memberi pemacu utama pertumbuhan ekonomi. Kita memerlukan pengetahuan yang berupaya meningkatkan kapasiti pengeluaran dan produktiviti faktor-faktor pengeluaran. Jadi 'p' bukan setakat teknologi maklumat tetapi merangkumi modal, sumber manusia dan teknologi yang terangkum di dalam pelaburan modal. Ekonomi-p bererti mendominasi perisian 'p' dengan izin, *knowledge contents* di dalam barangan dan perkhidmatan. Oleh itu *input* utama di dalam ekonomi-p ialah aset intelektual, daya kreatif dan daya inovatif. Ini bermakna kemahiran tinggi, teknologi tinggi dan perkhidmatan yang terbaik akan menjadi asas proses pengeluaran. Selaras dengan ini di dalam negara mesti wujud usaha yang dipanggil *learning society*, dengan izin dan *information and knowledge society*.

Tuan Yang di-Pertua, satu persediaan yang perlu ada ke arah menjadikan ekonomi p sebagai dengan izin, *driver approve* ialah meningkatkan penawaran pekerja yang kreatif dan berkemahiran tinggi. Ini memerlukan pewujudan institusi-institusi pendidikan dan latihan yang memberikan penekanan kepada kursus-kursus pengajian yang berkaitan dengan kerja secara berterusan dan kursus yang berasaskan pengetahuan seperti IT dan multimedia. Dalam hubungan ini, penyediaan insentif bagi menggalakkan pekerja profesional rakyat Malaysia yang bekerja di luar negeri untuk kembali ke tanah air adalah satu langkah yang nampaknya praktikal.

Tuan Yang di-Pertua, pemberian insentif dalam bentuk pengecualian cukai bagi pendapatan yang dibawa balik dalam tempoh dua tahun, pengecualian cukai ke atas *personal asset* dengan izin dan dua buah kereta dan taraf pemastautin kepada suami atau isteri dan anak tidak memadai. Dalam hal pendapatan, cukai telah pun dibayar di negeri tempat bekerja, insentif lain yang mahu dilihat ialah kerajaan yang peka dan menghormati hak asasi manusia seperti kebebasan bersuara dan ruang untuk berpegang pada pandangan-pandangan politik yang berbeza. Yang wujud di Malaysia hari ini ialah dengan izin, *disincentive* iaitu untuk profesional Malaysia pulang. Misalnya masih wujud undang-undang yang mengekang hak asasi seperti ISA. Wujud krisis keyakinan terhadap sistem kehakiman, wujud krisis keyakinan terhadap kepimpinan politik, wujud amalan rasuah yang merebak dan wujud krisis keyakinan terhadap ketelusan dan pengurusan berhemat di sektor awam dan korporat di Malaysia.

Dalam suasana yang melemahkan ini, manakah mungkin profesional kita mahu pulang. Manusia bukan hanya memerlukan dengan izin, *bread and butter* tetapi manusia yang waras sentiasa mengharapkan secebis kemanusiaan dan perikemanusiaan. Tuan Yang di-Pertua....

Dato' Abdul Aziz bin Abdul Rahman: Penjelasan sikit Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak tanya kepada Yang Berhormat Senator, adakah ini bererti Malaysia tidak ada perikemanusiaan, tidak ada keselesaan hidup secara begitu dan kalau ianya begitu, berapa ramai kawan kita sudah berhijrah ke luar negara lari daripada tempat yang tidak elok sangat ini dan saya mintalah maklumat kerana kita hendak pastikan, jangan secara umum, kita minta kepastian.

Puan Safinah binti Jusoh: Terima kasih Yang Berhormat. Jadi sekarang ini apa yang saya sebutkan ialah lambaian supaya anak buah kita dari luar negeri itu balik ke Malaysia untuk memberikan perkhidmatan tetapi jika dari luar kalau mereka ini melihat bahawa *home sweet home*, negara mereka ini berada dalam keadaan ber...

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Berkecamuk.

Puan Safinah binti Jusoh: Berkecamuk, tentulah semangat yang dahulunya mungkin 80% dengan keadaan dan situasi yang wujud dalam negara kita ini menjadikan kadar itu turun. Itu penjelasan sayalah.

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Ada yang minta laluan, Yang Berhormat.

Dato' Hamzah bin Zainudin: Bila sebut perkataan 'berkecamuk' ini saya terpaksa mempersoalkan apa benda yang berkecamuk ini, sampai hendak sebut pun susah. Pada saya amalan yang diamalkan oleh Kerajaan Barisan Nasional hari ini adalah untuk menyejahterakan rakyat yang ada di negara ini. Sudah tentu persepsi rakyat jelata dalam negara hari ini merasakan seolah-olah negara kita ini aman damai, supaya kita boleh berpolitik sesama kita, kita boleh berbahas sesama kita secara aman dan damai di mana amalan demokrasinya terus wujud dalam negara kita ini.

Maka kalau ada orang-orang yang mengatakan seolah-olah persepsi dari luar nampak macam dalam negara kita ini hidup berkecamuk, saya rasa mesti ada unsur-unsur yang kurang baik yang membuatkan cerita-cerita yang begini rupa. Tambah-tambah pula kalau datangnya daripada kalangan kita Ahli Dewan Negara. Bukankah kita hari ini dapat bersidang secara yang aman damai, sebab itu saya minta kalau boleh Tuan Yang di-Pertua, berkenaan seperti persepsi luar mengatakan kita ini berkecamuk dan sebagainya jangan wujud. Saya minta Yang Berhormat kalau boleh jelaskanlah, jangan ada lagi perkataan yang seperti ini, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih.

Datuk Long bin Jidin: Dijemput Yang Berhormat.

Puan Safinah binti Jusoh: Terima kasih Yang Berhormat. Maksud saya ialah sebab di dalam negeri kita ini ada ISA, ada berlaku krisis kehakiman dan sebagainya. Jadi, warganegara kita sendiri yang berada di luar itu sebagaimana yang saya sebut tadi mungkin ada keengganan untuk mereka ini balik berkhidmat ke Malaysia ini.

Tuan Yang di-Pertua, amatlah indah apabila Menteri berkata bagi menjamin kejayaan daripada ekonomi baru dapat dicapai, kita memerlukan ramai tenaga kerja berkemahiran tinggi dari dalam dan luar negeri. Usaha-usaha perlu diambil bagi menarik, dengan izin, *best brain* tanpa mengira bangsa dan negara asal, sama ada dari Banglore hingga ke California. Ini merupakan langkah ke arah mewujudkan tenaga kerja bertaraf dunia, tetapi setelah diteliti seluruh ucapan, nyata tidak wujud apa-apa perancangan untuk menggalakkan kemasukan *best brain* dunia dari Banglore mahupun California ke Malaysia. Barangkali menteri terlupa agaknya untuk menghuraikan langkah-langkah yang akan diambil untuk menggalakkan *best brain* untuk datang ke Malaysia. Yang dihuraikan hanyalah sedikit langkah menggalakkan kepulangan warga profesional Malaysia.

Apabila kita imbas kembali sejarah negara-negara maju cukup banyak terdapat bukti-bukti yang memperlihatkan bahawa negara-negara yang membuka pintu kepada aliran buruh antarabangsa mencapai kadar pertumbuhan ekonomi dan pembangunan yang pesat. Ini amat benar bagi negara-negara seperti Amerika, Australia dan Eropah Barat. Kita juga lihat bahawa negara-negara Teluk yang kaya dengan sumber minyak telah mendapat faedah besar daripada aliran masuk pekerja antarabangsa khususnya pekerja profesional dan kemahiran teknikal tinggi. Yang penting ialah kemasukan pekerja asing mestilah berlandaskan kepada satu dasar yang dirangka dengan baik dan baik pula pelaksanaan dan pengurusannya.

Tuan Yang di-Pertua, di Amerika misalnya wujud program membawa masuk pekerja luar secara terkawal dan teratur di bawah, dengan izin *Employment-based Programme for Immigrant and Foreign Workers*. Antaranya dibawah program H1B - *Special Occupation (Temporary)*, syarikat-syarikat dibenarkan mengambil pekerja dengan izin, *the best and the brightest in the international level market* untuk bidang kerja

khusus seperti penganalisis komputer dan jurutera penganalisis komputer. Pekerja boleh bekerja sehingga enam tahun.

Di bawah program, dengan izin, *Permanent Immigrant Workers* syarikat-syarikat dibenarkan membawa masuk pekerja asing untuk bekerja dalam bidang yang telah disahkan oleh kerajaan sebagai bidang di mana pekerja rakyat Amerika tidak mencukupi atau tidak layak atau tidak mahu bekerja di dalam bidang itu. Mereka diberi kerakyatan selepas lima tahun. Belanjawan ada menyebut untuk mendapat *best brain* tetapi tiada apa-apa program dicadangkan berkaitan dengannya.

Tuan Yang di-Pertua, haruslah diakui bahawa di samping usaha selama ini untuk melatih dan mengeluarkan tenaga kerja yang berkemahiran tinggi, khasnya dalam bidang sains dan teknologi, masih wujud kekurangan tenaga kerja untuk menjalankan kegiatan ekonomi-p seperti dalam bidang R&D dan pekerja profesional dalam bidang IT.

Di bawah Rancangan Malaysia Keenam, sektor IT memerlukan 27,174 pekerja profesional dan pakar teknikal, tetapi institusi pengajian tinggi hanya mampu mengeluarkan 20,166 tenaga menyebabkan kekurangan 7,008 tenaga atau 26%. Kekurangan ini lebih ketara di bawah Rancangan Malaysia Ketujuh dan dijangka semakin ketara dalam Rancangan Malaysia Kelapan.

Nampaknya institusi pengajian tinggi di negara kita masih mengeluarkan tenaga kerja yang majoritinya siswazah dalam aliran Sastera - 53% dalam tahun 1985 hingga 1990 dan 62% dalam tahun 1991 hingga 1995. Dalam tempoh yang sama keluaran siswazah Sains merosot daripada 33% kepada 25%. Ini menyebabkan kekurangan penawaran tenaga kerja berkemahiran teknikal. Implikasinya ialah sistem pendidikan kita perlu direformasikan secara meluas, sesuai dengan tuntutan ekonomi-p.

Tuan Yang di-Pertua, kajian menunjukkan bahawa Malaysia adalah ke belakang berbanding dengan negara Asia yang lain dalam menyediakan tenaga kerja berasaskan pengetahuan. Nisbah tenaga kerja 'p' kepada jumlah tenaga kerja adalah 26.4% di Singapura, 22.9% di Jepun, 15.5% di Taiwan, 15.1% di Korea dan hanyalah 10.7% di Malaysia. Malaysia juga adalah paling ke belakang di dalam perbelanjaan R&D iaitu sekadar 0.3% daripada Keluaran Negara Kasar berbanding 1.4% Singapura, 1.9% Taiwan, dan 2.8% Korea dan Jepun. Lebih teruk lagi tenaga kerja 'p' di dalam bidang R&D amat rendah di Malaysia. Hanya 87 orang per satu juta penduduk sedangkan kadar berkaitan adalah 2,512 di Singapura, 2,636 di Korea, 3,340 di Taiwan dan 5,677 di Jepun.

Keadaan ini tentunya bukan berita baik bagi usaha untuk memartabatkan ekonomi-p. Oleh itu dinilai daripada perspektif sewajarnya maka tidaklah boleh dikatakan bahawa program yang dicadangkan oleh Menteri Kewangan sudah memadai untuk meletakkan ekonomi-p pada tempat yang diharapkan.

Langkah-langkah yang lebih luas dan komprehensif perlu dirumuskan jika ekonomi-p diharapkan untuk menjadi pemacu pertumbuhan ekonomi. Program yang dicadangkan oleh Menteri Kewangan lebih bersifat ekonomi kroni yang mana syarikat komputer milik kroni hanya berminat untuk menjual sebanyak komputer yang boleh. Sekian, terima kasih.

Datuk Long bin Jidin: Dijemput Yang Berhormat Puan Hajah Puizah.

4.23 ptg.

Puan Hajah Puizah binti Haji Abu Kassim: Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh. Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua kerana memberi masa untuk saya bangun menyokong Rang Undang-undang Perbekalan 2001. Budget teras ilmu yang diperkatakan oleh Dato' Ghazi yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan di Dewan yang mulia semalam.

Tuan Yang di-Pertua, sesuai dengan perbincangan yang akan saya perkatakan sebentar lagi, saya akan membacakan kembali ayat yang telah dibacakan oleh Dato' Ghazi tadi. *[membaca sepotong ayat berbahasa Arab]*, sabda Rasulullah s.a.w. mengatakan juga *[membaca sepotong ayat berbahasa Arab]*. Tuan Yang di-Pertua, saya memberi perhatian yang amat berat terhadap status pendidikan Islam di negara ini. Walaupun berbagai pihak telah memberikan pandangan serta cadangan untuk membuat perubahan namun realiti pendidikan Islam masih belum menunjukkan kesan pendidikan yang diharapkan.

Walaupun begitu, kita tidak melihat pendidikan Islam hanya dalam konteks masalah gejala sosial yang berlaku di negara masa kini. Sesungguhnya pendidikan Islam harus dijadikan sebagai satu matlamat pendidikan negara dalam maksud yang lebih menyeluruh dan juga tujuan pendidikan Islam masih sempit di kalangan kebanyakan warga pendidikan dan juga pemimpin negara.

Tuan Yang di-Pertua, oleh yang demikian adalah amat penting satu gerakan yang lebih konkrit dan menepati maksud pendidikan Islam diwujudkan di negara ini. Saya cadangkan sebagai permulaan kita perlu mengenal pasti isu-isu dan menilai semula pendidikan Islam kepada sekolah-sekolah, institusi-institusi pengajian tinggi dalam konteks mengatasi gejala sosial yang berkesan.

Tuan Yang di-Pertua, di antara isu-isu yang menyebabkannya ialah:-

- (i) sistem pendidikan Islam tidak menjadi teras kepada sistem pendidikan kebangsaan di dalam melaksanakan pendidikan Islam yang bersepadu;
- (ii) falsafah pendidikan negara belum cukup dimasyarakatkan dan diambil kira dalam menentukan dasar-dasar negara ke arah pembangunan yang berasaskan acuan Malaysia;
- (iii) falsafah pendidikan negara tidak dapat diterjemahkan secara berkesan kerana nilai murni merentasi kurikulum tidak dilaksanakan dengan sempurna;
- (iv) paradigma ketuhanan dalam mata pelajaran yang diajar di sekolah-sekolah dan di IPT tidak diterapkan untuk pelajar-pelajar memahami dan menghayati cara hidup Islam yang sempurna dan menyeluruh;
- (v) mata pelajaran Pendidikan Islam, Pengajian Tamadun Islam di IPT kian kurang diberi pengiktirafan dan tidak diambil kira sebagai markah kemasukan ke dalam semua kursus;
- (vi) penetapan nisbah guru dan kelas mengikut pekeliling yang sedang berkuat kuasa adalah membebankan guru di kelas Kafa di sekolah rendah;
- (vii) tidak ada keseragaman di dalam pelbagai aspek di dalam Sekolah Agama Rakyat; dan
- (viii) hendaklah kita seimbangkan Fardu Ain dan Fardu Kifayah.

Di dalam pengajian Islam dilatih kita menghayati tuntutan fardu ain diseimbangkan dengan fardu kifayah. Saya ingin mencadangkan semua sekolah sains dan vokasional berasrama penuh diselaraskan dengan sekolah agama berasrama penuh.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai pengurusan pelajaran Pendidikan Islam saya mencadangkan:-

- (i) mata pelajaran Pendidikan Islam mesti menjadi pelajaran teras dan yang berperanan sebagai pembinaan sahsiah pelajar yang berkesan;
- (ii) pengurusan yang berkualiti daripada segi strategi semasa dan lengkap untuk menjadikan Pendidikan Islam sebagai pendidikan berpengaruh perlu diwujudkan;
- (iii) penguasaan bahasa Arab sebagai bahasa Al-Quran perlu dilengkapkan dengan latihan yang cukup di kalangan guru-guru sama ada di sekolah menengah kebangsaan agama negeri ataupun di sekolah-sekolah rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, urusan sekolah agama rakyat sebagaimana kita sedia maklum mengenai pembangunan perkhidmatan dan kewangan, saya cadangkan:-

- (i) kerajaan perlu memperbaiki dan meningkatkan kualiti sekolah menengah kebangsaan agama dan mana-mana prasarana yang belum sempurna;
- (ii) bilangan guru-guru pakar bagi mata pelajaran pendidikan Islam hendaklah mencukupi;
- (iii) penyelidikan tentang keperluan latihan bagi pembangunan kerjaya dan guru-guru pendidikan perlu ditambah;
- (iv) aspek kebajikan, kemudahan insentif dan peluang kenaikan pangkat kepada guru-guru dan pensyarah luas perlu dibuka.

Tuan Yang di-Pertua, dari segi latihan dan pembangunan:-

- (i) pembinaan kefahaman keseluruhan dan penghayatan pendidikan sebagai *role model* dalam Pendidikan Islam. Di kalangan guru-guru perlu ada keberkesanan;
- (ii) guru-guru bukan Islam harus menerima pendedahan dan kefahaman sebenar tentang Pendidikan Islam;
- (iii) aspek bimbingan kaunseling dan orientasi kemasyarakatan yang berfungsi ketuhanan masih belum berkesan dalam skim latihan perguruan;
- (iv) peluang latihan guru-guru Pendidikan Islam di dalam atau luar negeri bagi mempertingkatkan kecemerlangan dan keberkesanan. Pengajaran dan pembelajaran perlu ditambah. Kebanyakan guru-guru agama di sekolah Kementerian Pendidikan adalah keluarnya dari sekolah agama rakyat;
- (v) guru-guru agama perlu mendapat latihan mengajar mengikut kaedah agama. Sebaliknya mereka dilatih oleh pensyarah-pensyarah mendapat latihan sekular;
- (vi) guru agama kurang terdedah dengan isu-isu pendidikan semasa terutama di peringkat antarabangsa.

Saya mencadangkan supaya Kementerian Pendidikan mengkaji semula kekurangan yang berlaku.

Tuan Yang di-Pertua, saya nampak Sekolah Agama Rakyat tumbuh seperti cendawan selepas hujan, tetapi banyak perkara yang perlu diatasi. Saya mencadangkan juga masalah pentadbiran sangat perlu diambil perhatian. Yang pertama, pentadbiran

pejabat tidak kemas dan teratur. Kedua, pengetua dan pentadbir sekolah tidak mahir dalam pentadbiran pendidikan dan pengurusan tenaga manusia. Yang ketiga, guru-guru tidak tertalib dalam ilmu pentadbiran sekolah. Yang keempat, tidak cekap dalam pengurusan kewangan, adakalanya tidak amanah di samping kewangan tidak diaudit.

Tuan Yang di-Pertua, masalah guru-guru sekolah pendidikan Islam kebanyakannya guru-guru tidak terlatih di dalam bidang pendidikan, di samping guru-guru ini juga tidak didedahkan dengan sistem pendidikan negara. Kedua, pertukaran atau pengganti pengetua, atau pentadbir sekolah tidak berasaskan kepada profesional di dalam pendidikan.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh institusi pentadbiran JAKIM, Jabatan Agama Islam, Majlis Agama Islam dan Baitulmal statusnya JAKIM, sebagai sebuah jabatan tidak sesuai dengan status Islam yang merupakan agama rasmi negara.

Tuan Yang di-Pertua, saya cadangkan, sebagai perancangan jangka panjang, JAKIM hendaklah dinaikkan taraf menjadi sebuah kementerian yang diketuai oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dan dibantu oleh menteri, timbalan menteri dan setiausaha Parlimen. Sebagai institusi pentadbiran Islam terpenting, ia perlu mencapai satu tahap kecemerlangan. Institusi pendidikan Islam sama ada sekolah agama, kolej mahupun universiti belum menjadi institusi pendidikan yang baik. Saya cadangkan pengerusi atau ketuanya hendaklah orang-orang yang pakar dalam bidang agama yang benar-benar berpendidikan agama Islam.

Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan Maahad Tahfiz, saya cadangkan yang mana pelajar-pelajar Maahad Tahfiz hendaklah dilengkapi dengan kurikulum ilmu-ilmu moden untuk lebih sesuai dengan zaman. Kerana pada masa ini sesiapa sahaja mereka yang belajar di Maahad Tahfiz mereka tidak disertakan dengan ilmu-ilmu moden di samping mengadakan institusi pendidikan tertinggi untuk pelajar-pelajar itu.

Tuan Yang di-Pertua, prapersekolahan dan sekolah rendah agama tidak selaras di antara negeri-negeri. Saya cadangkan juga supaya sekolah rendah agama perlu menyeragamkan kurikulum pentadbiran dan pendekatan mereka di samping memiliki guru-guru yang terlatih.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga menyentuh Institusi Ekonomi Bank Islam, Bank Muamalat dan Takaful. Saya pernah dengar daripada perbualan orang ramai mengatakan agak kurang menepati konsep membantu dan keadilan dengan konsep itu. Saya cadangkan penekanan yang lebih perlu diberikan kepada konsep 'musyarakah dan mudarabah'.

Tuan Yang di-Pertua, kedengaran juga bisikan mengatakan kurang kecekapan pengurusan dan kaunter. Saya mencadangkan juga perlu banyakkkan latihan kepada kakitangan dan penghayatan etika kerja Islam yang sebenar.

Tuan Yang di-Pertua, kedengaran juga mengatakan ahli akademik agama kurang diberi perhatian. Saya cadangkan juga Kementerian Pendidikan, suara-suara dari pandangan ahli akademik agama perlulah lebih didengari.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh institusi ibadah masjid dan surau. Cara penggunaan yang tidak juga berubah dan pentadbiran yang kurang cekap. Saya mencadangkan Majlis Agama Islam supaya mempertingkatkan peranan dan fungsi masjid dan surau dengan menubuhkan biro-biro seperti biro pendidikan, kebajikan, kaunseling, biro wanita, biro remaja, dakwah, ekonomi, perdagangan dan juga masalah perkahwinan, sukarelawan dan sukarelawati.

Tuan Yang di-Pertua, kehidupan seharian kita perlu ditingkatkan dengan kesedaran agama. Saya yakin bila aktiviti beragama dapat disuburkan di kalangan para

pendidikan setempat dan di kalangan keluarga masing-masing, maka sudah pasti ajaran agama Islam akan menjadi benteng yang kuat untuk mempertahankan sahsiah seseorang dan bangsanya. Individu yang mempunyai asas agama akan menjadi masyarakat yang baik dan biasanya mereka ini sentiasa sahaja berminat untuk membuat kerja amal terutama dalam mempertahankan kehebatan kehidupan umat Islam.

Tuan Yang di-Pertua, kemakmuran tidak akan datang menggolek tanpa usaha - yang tidak mengenal jemu oleh pemimpin-pemimpin kita, kita perlu sedar bahawa kejayaan orang Melayu khasnya di pelbagai bidang adalah daripada asuhan, pimpinan dari pemimpin-pemimpin kita. Kita perlu pertahankan kemerdekaan yang ada, kekalkan keamanan, teruskan kesejahteraan untuk generasi akan datang. Janganlah dijadikan generasi kita generasi subsidi, generasi tidak mengenang budi, generasi yang lupa diri yang mana selalu memburuk-burukkan negara sendiri. Janganlah dijadikan orang Melayu korban politik untuk memenuhi kehendak golongan tertentu, kerana apabila rakyat menjadi resah maka keamanan dan ketertiban penghidupan rakyat akan terancam, malah mungkin hancur.

Tuan Yang di-Pertua, dengan hal yang demikian, biarlah cita-cita politik menjadi beban kepada pemerintah dan para ilmuan. Rakyat jelata hendaklah dijuruskan hati mereka dengan ilmu keimanan, bangkitkan semangat hidup mereka untuk terus menjamin hidup bahagia.

Tuan Yang di-Pertua, inilah maknanya ketertiban kehidupan sosial politik yang diingatkan oleh agama sehingga dapat menutup pintu fitnah yang selalu ingin dibuka oleh para musuh beralasan mahu membela nasib rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, Allah dan Rasul menuntut kita dengan agama agar kita menjadikan setiap amalan di dunia ini sebagai ibadah kepada Allah S.W.T. sedangkan ibadat syarat sahnya ialah kerja yang ikhlas untuknya, sesuai dengan petunjuk daripada Rasulullah S.A.W. Dengan ini, maka perkara 'amar bil makruf wanahi anil mungkar' perlu kepada tindakan tindak-tanduk kaedah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, maka dengan ini saya menyokong. Terima kasih.

Datuk Long bin Jidin: Dijemput Yang Berhormat Dato' Poo Yew Choy.

4.38 ptg.

Dato' Poo Yew Choy: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan berbilang terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, kerana memberi peluang kepada saya untuk membahas Belanjawan 2001. Saya ingin mengucapkan syabas kepada Menteri Kewangan yang membentangkan belanjawan ini yang begitu berfaedah untuk semua rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, negara kita sejak mencapai kemerdekaan pada tahun 1957 dan di bawah pimpinan oleh parti Perikatan dan kemudiannya Barisan Nasional, negara kita telah mencapai banyak kemajuan. Saya masih ingat balik tahun 1940-an, 1950-an, 1960-an pada masa itu negara kita adalah begitu miskin jika dibandingkan dengan negara yang sudah maju. Pada masa itu kereta kurang di jalan raya, basikal banyak. Budak-budak boleh bermain bola di atas jalan, boleh menangkap burung di tepi jalan. Semasa itu saya sendiri nampak kaum Melayu kebanyakannya duduk di dalam kampung tradisional. Apabila masakan makanan malam baru pergi sungai untuk memancing ikan. Jika pada hari itu mereka bernasib baik dapat satu dua ekor ikan, malam itu makanan memang sedap sedikit. Jika nasib tak baik cuma makan nasi dengan cili ataupun sayur sahaja. Orang Cina atau India pun tak berapa baik. Mereka kebanyakannya bekerja di ladang ataupun kebun getah yang dipunyai oleh orang putih.

Tuan Yang di-Pertua, salah satu faktor yang penting bagi menjalin ekonomi kita terus berkembang maju ialah perpaduan kaum di negara kita.

Adalah tidak dapat dinafikan bahawa rakyat negara kita terdiri daripada rakyat berbilang kaum. Proses membina bangsa Malaysia yang bersatu padu telah mula sejak negara kita mencapai kemerdekaan sehingga pembentukan Malaysia pada tahun 1963 dan terus diperkukuh selepas Peristiwa 13 Mei 1969. Sampai hari ini, kita sewajarnya berbangga dengan pucuk pimpinan negara kerana hasil wawasan dan kebijaksanaan mereka dalam mengurus negara dengan sokongan padu daripada rakyat. Pada pendapat saya dalam era globalisasi dan teknologi maklumat yang serba canggih ketika ini, rakyat berbilang kaum sering terdedah dan berinteraksi dengan pelbagai budaya, bukan sahaja budaya berbilang kaum tempatan, malah budaya Barat. Oleh itu rakyat perlu bersikap terbuka dan bersedia mempelajari di antara satu sama lain.

Kita bukan sahaja perlu bersikap toleransi, malah perlu dipertingkatkan ke tahap yang lebih tinggi iaitu sentiasa mengambil inisiatif untuk menyelami perasaan dan sanubari jiwa setiap rakyat. Kerajaan perlu mengadakan lebih banyak program membolehkan rakyat berbilang kaum lebih memahami antara satu sama lain. Perasaan curiga-mencurigai tidak sepatutnya wujud. Keperluan orientasi minda perlu agar tidak memperkecil orang lain. Kita perlu sentiasa menilai dan menghargai orang lain agar dapat memperkukuh asas perpaduan.

Saya ingin menegaskan, kepelbagaian adalah kekuatan masyarakat majmuk negara kita. Kita perlu mengambil nilai-nilai terbaik daripada pelbagai masyarakat serta memupuk nilai-nilai positif baru yang dapat digunakan untuk memajukan kehidupan dan kualiti rakyat berbilang kaum rakyat Malaysia. Oleh itu saya ingin mencadangkan semua pelajar kita mempelajari subjek sivik yang merangkumi budaya dan tradisi semua kaum dari peringkat sekolah rendah hingga ke sekolah menengah dan universiti. Dengan adanya perkongsian pendapatan dan persefahaman budaya di antara satu sama lain, saya yakin perpaduan negara kita akan terus meningkat dan kukuh.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang Kementerian Kerja Raya berhubung dengan Jalan Persekutuan Laluan 8 dari Bentong ke Raub dan seterusnya ke Lipis. Dalam cadangan memperluaskan.....

Tuan Haji Gapar bin Gurrohu: Yang Berhormat Dato', ada yang minta laluan.

Datuk Long bin Jidin: Terima kasih Dato' Foo. Tadi Dato' ada menceritakan tentang perpaduan melalui pendidikan. Tidak silap saya di Bentong di antara daerah yang mempunyai sebuah sekolah wawasan yang sudah lama. Jadi, bolehkah Dato' cerita sedikit kedudukan sekolah wawasan itu seperti penerimaan masyarakat sekeliling tentang baik buruk sekolah wawasan. Terima kasih.

Dato' Poo Yew Choy: Terima kasih Yang Berhormat. Di daerah Bentong ada sebuah sekolah wawasan iaitu di Felda Lurah Bilut. Pada masa saya menjadi wakil rakyat mulai tahun 1974 hingga 1995, sekolah wawasan itu pada konsepnya memang baik tetapi pelaksanaan memang mengalami beberapa kesukaran. Umpamanya kantin yang digunakan oleh murid-murid berbilang kaum ataupun *sign-board* sekolah, *car-park*, padang dan lain-lain, apabila murid-murid menggunakan kemudahan-kemudahan tersebut, kadangkala mengalami sedikit pergaduhan. Konsep memang baik. Saya bercadang pada masa sekarang masyarakat kaum Cina bimbang terhadap sekolah wawasan. Ini adalah oleh sebab mereka takut pada masa hadapan ciri-ciri sekolah rendah Cina akan dihapuskan oleh sebab di dalam Perlembagaan masih belum ada *black and white* yang boleh menjamin sekolah rendah Cina. Kalau mahu merenung kembali kepada sejarah, pada tahun 1961, sekolah menengah Cina, apabila berubah kepada *national type*, masa itu kerajaan pun berjanji, selepas perubahan 1/3 menggunakan bahasa Inggeris, 1/3 bahasa Mandarin, 1/3 bahasa Malaysia iaitu bahasa Melayu tetapi selepas 40 tahun, sekolah menengah Cina yang sudah menjadi sekolah *national type*, di manakah ia punya bahasa Mandarin? Satu sahaja. Mana ada 1/3 bahasa Mandarin. Ini yang masyarakat Cina sangat-sangat bimbang. So, sekolah

wawasan bila dilaksanakan, saya berharap cara pelaksanaan mesti diubah supaya semua kaum merasa puas hati.

Saya fikir negara kita adalah satu negara yang berbilang kaum iaitu Cina, Melayu, India dan bangsa-bangsa lain. Saya fikir jika agama atau budaya kaum masing-masing perlu memberi peluang kepada mereka untuk memajukan sendiri – macam agama – Islam/Muslim, keturunan Cina jangan campur tangan, agama Budha/Cina bangsa Melayu jangan campur tangan, biarlah mereka sembahyang dengan cara apakah, biarlah. Budaya pun macam ini, biar mereka diberi peluang bebas, bagi mereka memajukan. Kita mengaku di negara kita tidak kira apa bangsakah, bangsa Melayukah, Cinakah atau India, kalau tahu lebih satu bahasa lebih untung.

Saya dapati budak-budak Melayu yang belajar di sekolah Cina, kecuali memahami, boleh menjaga bahasa Melayu, mereka pun tahu berucap dalam bahasa Mandarin. Budak India serupa juga. Budak India lagi untung, tahu bahasa Tamil, bahasa Mandarin, bahasa Inggeris, bahasa Melayu. Umpamanya penyanyi Encik Mohan. Dia bukan sahaja tahu keempat-empat bahasa, dia lagi tahu Hokkien, Khek, Kungfu, Kwang sai. Apabila beliau menyanyi di negeri China, semua orang China puas hati. Ada untung tiada rugi punya. *[Ketawa]*

Datuk Long bin Jidin: Boleh sambung.

Dato' Poo Yew Choy: Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang Kementerian Kerja Raya berhubung dengan Jalan Persekutuan, Laluan 8 dari Bentong ke Raub dan seterusnya ke Lipis. Dalam cadangan memperluaskan jalan yang sedia ada, kerajaan telah meluluskan peruntukan yang secukupnya untuk mempertingkatkan jalan tersebut. Rakyat di Bentong dan di Raub merasa begitu gembira ketika mendengar projek ini mula dilaksanakan pada akhir tahun 1998 dan projek ini dijadualkan siap pada tahun 1999 akan tetapi kami penduduk-penduduk di Pahang Barat merasa begitu kecewa apabila satu rancangan untuk mempertingkatkan jalan utama agar memudahkan pengangkutan penduduk, kini bertukar menjadi satu projek sakit.

Projek seksyen dua ini, yang telah dijalankan ke tahap 72%, terus menjadi terbengkalai. Keadaan ini telah menyusahkan penduduk-penduduk dan memudaratkan pengguna-pengguna jalan yang sedia ada. Walaupun kecil dan berliku-liku tetapi masih puas hati penduduk menggunakannya kalau dibandingkan dengan keadaan sekarang di mana jalan-jalan telah dikorek, gunung digali dan air melalui permukaan jalan berbulan-bulan lamanya.

Saya ingin menyeru kementerian memberi perhatian kepada projek ini agar satu projek Barisan Nasional yang baik, tidak bertukar menjadi beban kepada kita. Pilihlah kontraktor yang berwibawa dan bertanggungjawab. Saya sarankan kontraktor-kontraktor yang tidak dapat menjalankan tugas dengan memuaskan tergolong dalam senarai hitam dan jangan bagi projek-projek kepada mereka kerana mereka menyusahkan rakyat dan kerajaan.

Saya berharap satu kontraktor baru yang benar-benar berkebolehan, berkemampuan dan berwibawa meneruskan projek ini dengan secepat mungkin. Saya berharap Yang Berhormat Menteri Kerja Raya boleh memberitahu Dewan yang mulia ini apakah strategi projek ini sekarang dan apakah langkah-langkah yang telah diambil untuk mengatasi masalah tersebut.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi masalah besar yang dihadapi oleh rakyat Bentong ialah cadangan kerajaan untuk membina empangan air di Telimong untuk menjual air ke negeri Selangor. Saya setuju bahawa air dihantar ke negeri yang berlainan, boleh bantu membantu tetapi saya tidak setuju empangan air dibina di Telimong. Semua penduduk di kawasan itu, sama-sama membantah cadangan ini kerana projek tapak empangan adalah di

kawasan tumpuan, ramai penduduk di sekitarnya. Pembinaan empangan ini bukan sahaja merosakkan alam sekitar bahkan mendatangkan bahaya kepada pekan Karak dan penduduk-penduduk di sekitar dan juga menjejaskan projek Kolej Tengku Abdul Rahman, Pahang yang akan dilaksanakan di kawasan itu.

Tuan Yang di-Pertua, penduduk-penduduk di Telimong dan sekitarnya semua bergantung kepada kebun mereka untuk menyara hidup dan tanggung keluarga mereka. Tanah mereka diambil walaupun diberi pampasan, mereka akan kehilangan segala-galanya termasuk keupayaan untuk mencari nafkah dan menanggung keluarga mereka. Oleh itu, memandangkan banyak faktor yang negatif akan timbul akibat daripada cadangan ini, saya merayu kepada kementerian untuk membatalkan cadangan membina empangan tersebut.

Kerajaan Negeri Pahang sudah membuat keputusan sebulat suara membantah cadangan tersebut. Saya sangat berharap Yang Berhormat Menteri sebagai seorang yang prihatin dapat memahami masalah rakyat dan bersetuju dengan pendapat kami untuk membatalkan projek tersebut.

Akhirnya saya menyokong Rang undang-undang ini yang dibentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Sekian, terima kasih.

Datuk Long bin Jidin: Yang Berhormat Abdillah bin Abdul Rahim.

4.57 ptg.

Tuan Abdillah bin Abdul Rahim: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua kerana memberi saya peluang untuk ikut serta dalam perbahasan ke atas Rang undang-undang bernama Akta Perbekalan 2001 yang telah dibentangkan oleh Yang Berhormat Tun Daim Zainuddin, Menteri Kewangan kita pada 11 Disember 2000.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah kepada kerajaan kerana telah membentangkan satu belanjawan yang bukan sahaja dilihat daripada sudut pembangunan ekonomi, bahkan juga dilihat daripada sudut kepentingan dan kebajikan masyarakat. Saya mengalu-alukan belanjawan sebegini rupa kerana ianya dibuat dalam suasana ekonomi kita masih lagi menghadapi keadaan yang belum menentu dan tiada kepastian. Memang bukan sahaja negara kita yang mengalami keadaan seperti ini bahkan juga negara-negara di rantau ini.

Oleh yang demikian, usaha yang telah dibuat oleh kerajaan untuk menyiapkan belanjawan ini yang begitu rapi sangatlah dialu-alukan terutama sekali ianya berteraskan kepada usaha untuk merangsangkan pembangunan ekonomi negara manakala teras yang kedua seperti yang dimaklumkan oleh Yang Berhormat Menteri kelmarin ialah melaksanakan inisiatif strategik untuk membangunkan negara supaya ianya berdaya saing dan, seterusnya untuk membina satu masyarakat penyayang.

Tuan Yang di-Pertua, yang lebih lagi menarik perhatian saya dan minat saya ialah usaha untuk membina satu masyarakat penyayang dan insya-Allah saya percaya hasrat kerajaan ini akan dapat dilaksanakan semoga negara kita akan dapat mewujudkan satu suasana aman dan sejahtera di masa-masa yang akan datang.

Tuan Yang di-Pertua, izinkan saya memberi beberapa pendapat saya berhubung dengan beberapa perkara yang telah disediakan dalam belanjawan tersebut. Pertama sekali saya ingin menyentuh berhubung dengan Maksud B.26 iaitu Kementerian Pendidikan. Saya percaya banyak daripada ahli-ahli kita akan menumpukan perhatian ke atas kementerian ini kerana ianya adalah satu kementerian yang memperolehi peruntukan yang begitu banyak selain daripada ianya adalah satu kementerian yang penting kerana tugasnya adalah untuk membangun dan membina rakyat melalui pendidikan supaya negara kita akan dapat membangun dengan lebih licin lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengambil perhatian kementerian kepada jumlah sekolah peringkat rendah dan menengah yang akan dibina dalam tahun 2001 kelak yang berjumlah kira-kira 428 unit termasuk sekolah-sekolah di luar bandar. Saya mengalu-alukan peruntukan ini dan saya berharap sekolah-sekolah ini kelak akan dapat disediakan dalam masa yang telah ditetapkan supaya murid-murid akan dapat menggunakan sekolah itu seperti yang telah dirancangan. Pernah berlaku di masa-masa yang lampau dimana terdapat beberapa pembinaan sekolah telah terbantut ataupun tergendala, ianya disediakan terlalu lewat daripada tarikh yang dijadualkan dan ini telah menyulitkan penggunaan sekolah-sekolah itu oleh murid-murid yang menuntut di kawasan berkenaan. Saya ingin bertanya kepada kerajaan dalam keadaan di mana tidak terdapat aral apa-apa atau sebab-sebab yang tertentu yang melewatkan pembangunan sekolah itu seperti cuaca tidak baik ataupun tanah yang tidak baik, apakah sebab-sebab lain yang menyulitkan sehingga sekolah itu lambat siap?

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya apabila sekolah itu siap, kemudahannya juga hendaklah disediakan bersama sebelum penuntut-penuntut itu pindah terutama sekali bagi sekolah yang berasrama kerana terdapat juga kadangkala sekolah yang sudah siap, bekalan airnya belum lagi sampai ataupun sampai lewat ke sekolah dan ini tentu sekali akan menyulitkan murid-murid di sekolah itu.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya apabila sesebuah sekolah sudah siap, saya berharap guru-guru pun sudah ada dan bersedia untuk dihantar ke sekolah yang berkenaan terutama sekali bagi sekolah-sekolah di kawasan luar bandar kerana pernah disebutkan dan dikemukakan oleh beberapa rakan saya Ahli Yang Berhormat di sini dari Sarawak yang mengatakan bahawa beberapa sekolah pernah tidak mempunyai cukup guru sehingga guru yang mengajar Bahasa Inggeris terpaksa juga mengajar Matematik dan Sains. Jadi, saya berharap apabila sesebuah sekolah sudah siap, guru-guru yang terlatih dalam Matematik, Sains dan mata-mata pelajaran yang lain juga mencukupi untuk dihantar bertugas di sekolah-sekolah yang akan dibina itu kelak.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan yang diberi kepada makmal komputer sangatlah dialu-alukan. Mengikut anggaran yang telah dibuat kira-kira 2,200 sekolah akan menikmati makmal komputer ini apabila akhirnya tahun 2001 kelak. Ini termasuklah sekolah-sekolah di luar bandar yang mempunyai elektrik dan kemudahan telefon.

Tuan Yang di-Pertua, sama juga seperti sekolah yang sudah siap, saya juga berharap makmal komputer yang sudah siap hendaklah juga dikemaskan, dilengkapkan dengan guru-guru yang terlatih, janganlah kita nanti sampai ke tahap di mana kemudahan IT ada, tetapi guru-guru yang terlatih tidak ada, takut nanti kemudahan itu akan menjadi white elephants, dengan izin.

Tuan Yang di-Pertua, sehubungan dengan kemudahan IT, saya juga berharap peruntukan untuk penyenggaraan dan membaiki komputer juga perlu dipertimbangkan kerana ada kemungkinan komputer-komputer itu akan mengalami kerosakan dan mungkin juga ada komputer yang perlu, dengan izin, di'upgrade'kan. Oleh yang demikian, peruntukan untuk penyenggaraan dan membaiki perlu diadakan juga.

Tuan Yang di-Pertua, saya berasa gembira dan mengucap terima kasih kepada kementerian kerana kali ini telah membuat anggaran yang begitu banyak untuk quarters guru-guru dan saya berharap guru-guru di Sarawak akan juga sama-sama menikmati kemudahan ini kelak. Seperti mana yang selalu kita utarakan dalam Dewan yang mulia ini, terdapat sekolah-sekolah di luar bandar mempunyai quarters guru-guru yang sudah usang dan tidak elok untuk didiami oleh mereka. Jadi, dengan adanya peruntukan ini saya berharap semua quarters yang sudah usang di sekolah luar bandar akan dibaiki dan quarters yang diperuntukkan di sini juga akan diperuntukkan di sekolah-sekolah luar bandar di Sarawak.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa hari yang lalu dalam Dewan yang mulia ini, kita telah membahaskan tentang penggunaan bahasa itu di sekolah di mana kerajaan bercadang untuk mempertingkatkan lagi penggunaan dan penguasaan bahasa Inggeris. Saya mengalu-alukan usaha ini tetapi yang saya bimbang ialah sama ada sekolah kita mempunyai guru-guru yang terlatih dalam bahasa Inggeris yang mencukupi.

Saya ingin bertanya di sini sama ada kita mempunyai guru-guru tersebut dan jikalau kita tidak mempunyai guru-guru yang boleh mengajar bahasa Inggeris iaitu maksud saya kalau kita tidak mempunyai jumlah guru yang mencukupi untuk mengajar bahasa Inggeris, saya ingin sarankan juga supaya kerajaan mengambil semula guru-guru yang terlatih dalam bahasa Inggeris yang telah bersara. Mungkin tenaga mereka ini, perkhidmatan mereka boleh digunakan untuk mempercepatkan penggunaan dan penguasaan bahasa Inggeris di kalangan guru-guru kita dan juga anak-anak murid kita. Ini adalah penting kerana jikalau kita menggunakan masa yang begitu lama untuk menguasai bahasa ini kita akan ketinggalan. Seperti mana yang kita maklum, kemajuan perubahan dalam IT adalah begitu cepat dan jikalau kita tidak dapat menguasai bahasa Inggeris dengan cepat untuk mengikuti perkembangan IT maka kita mudah ketinggalan.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah membaca Belanjawan Persekutuan 2001 ini dalam peruntukan yang diberi kepada universiti-universiti kita khas dalam penggunaan bahasa Malaysia. Terdapat hampir semua universiti ataupun IPTA kita mempunyai pusat ataupun fakulti bahasa bukan sahaja untuk mengajar bahasa Malaysia bahkan juga untuk mengajar bahasa Inggeris dan juga beberapa bahasa asing yang lain.

Saya ingin mencadangkan di sini supaya salah satu daripada institusi ini mungkin boleh digunakan sebagai satu institusi bahasa di mana tumpuan untuk pengajian lanjutan dalam bahasa-bahasa asing akan dapat dipersatukan atau diintegrekan, dengan izin. Saya berpendapat lebih banyak bahasa yang dapat kita kuasai, lebih mudah kita untuk berinteraksi dengan dunia luar. Pada masa kini tumpuan kita hanyalah kepada bahasa Inggeris dan mungkin juga ada bahasa Arab. Saya rasa lebih banyak lagi bahasa negara yang besar ataupun yang terkemuka di dunia ini yang dapat kita kuasai seperti bahasa Perancis, bahasa Jepun dan lain-lain lagi ianya akan memudahkan kita untuk berinteraksi dengan negara-negara ini terutama sekali dari segi perdagangan.

Walaupun kita mempunyai ilmu yang tertentu di dalam perniagaan kita perlu fasih dalam bahasa orang dengan kita berniaga supaya peluang untuk kita mendapat perniagaan itu berhasil. Walaupun bahasa Inggeris adalah bahasa antarabangsa yang terkenal di mana tiap-tiap negara mungkin boleh menggunakannya, kebolehan kita menguasai bahasa rakan peniaga kita dari bahasa lain adalah lebih baik lagi dan akan memudahkan kita berinteraksi ataupun memberi kita peluang yang lebih cerah lagi.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin juga menyentuh sedikit mengenai IPTS. IPTS di negara kita telah tumbuh dengan banyak dan persaingan juga wujud di kalangan mereka terutama sekali bila kita melihat iklan-iklan yang dikeluarkan oleh IPTS-IPTS ini. Saya ingin menyarankan supaya pihak kementerian memantau maklumat-maklumat yang dikeluarkan dalam iklan itu berhubung dengan kemudahan dan kursus-kursus yang diberikan oleh IPTS kerana kita tidak mahu indahkan berita daripada rupa sehingga kelak penuntut-penuntut kita akan terpedaya dengan adanya maklumat-maklumat yang tidak betul dan benar yang dipaparkan oleh IPTS itu dalam iklan mereka.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit berhubung dengan Maksud B.45 - Kementerian Sumber Manusia. Selalunya apabila kita bercakap tentang para pekerja, kita selalu menumpukan perhatian kita kepada imbuhan gaji mereka tetapi jarang sekali kita melihat daripada segi keselamatan pekerja. Saya mengambil berat tentang keselamatan pekerja kerana sekiranya suatu kemalangan berlaku ke atas pekerja

kita, bukan sahaja pekerja itu yang akan mengalami masalah, bahkan keluarga pekerja yang mengalami kemalangan itu juga akan menjadi susah.

Tuan Yang di-Pertua, kerajaan kita melalui jabatan tertentu, kalau tidak salah saya, jabatan *factories* dengan izin, jabatan kilang-kilang telah mendidik, mengajar para pekerja berhubung dengan keselamatan dan ada juga penguatkuasaan dibuat ke atas keselamatan tetapi negara kita yang begini luas telah membuatkan usaha mereka menjadi tidak lengkap. Dengan itu, tidak semua kilang-kilang mengamalkan budaya kerja yang selamat. Hanya syarikat-syarikat yang besar seperti Shell, Petronas dan lain-lain lagi mengamalkan budaya kerja yang selamat kerana bagi mereka tiap-tiap kali syarikat mereka mengalami kemalangan ataupun pekerja mereka mengalami kemalangan, ianya akan merugikan syarikat itu daripada segi masa yang terbuang dan lain-lain lagi.

Oleh yang demikian, saya ingin menekankan di sini keselamatan pekerja di kilang-kilang yang kecil harus diperhatikan supaya keselamatan pekerja akan dapat terjamin kerana pernah kita membaca berita bagaimana ada nyawa juga yang terbabit apabila kilang-kilang terbakar, apabila kilang-kilang meletup dan ada juga tempat bekerja kilang itu tidak selamat seperti pernah dilaporkan dalam berita di mana wap asid itu keluar daripada kilang sehingga ianya boleh merosakkan mata para pekerja. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya di sini ingin menegaskan lagi sekali, keselamatan pekerja daripada segi tempat mereka bekerja dan cara mereka bekerja hendaklah kita tekankan.

Datuk Long bin Jidin: Yang Berhormat, Tuan Zainal minta laluan.

Tuan Zainal bin Rampak: Tuan Yang di-Pertua, saya memang bersetuju dengan apa yang telah dijelaskan oleh Yang Berhormat Tuan Abdillah. Saya kira sudah ada perundangan daripada segi keselamatan dan kesihatan pekerja dan perundangan telah pun diluluskan di mana dalam undang-undang tersebut memastikan bahawa tiap-tiap kilang harus menubuhkan Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan. Apa yang boleh dilakukan, kita tahu memang sebenarnya daripada segi penguatkuasaan, tidak keseluruhannya pegawai-pegawai daripada jabatan yang berkenaan dapat memeriksa seluruh kilang dan saya kira barangkali apa yang boleh dilakukan oleh kita semua Ahli Yang Berhormat, kita boleh sendiri membuat laporan kepada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan bagi memastikan syarikat mematuhi kehendak undang-undang yang berkenaan. Satu perkara yang boleh kita lakukan.

Perkara kedua, kita boleh juga seperti di Sarawak dan di Sabah, ada institusi Kongres Kesatuan Sekerja di kedua-dua bahagian berkenaan dan jika sekiranya berlaku keadaan sedemikian, kami bersedia membantu pekerja berkenaan untuk memastikan keselamatan mereka dan syarikat mematuhi peraturan-peraturan yang ternyata dalam Akta Kesihatan dan Keselamatan Pekerja. Ini satu perkara yang boleh dilakukan oleh kita.

Memang, saya bersetuju sama sekali *because* nyawa dan keselamatan pekerja adalah satu perkara yang paling penting dan paling mustahak harus dijaga dan jika sekiranya tidak dijaga, maka tidak ada bertolak banding daripada segi pembayaran kewangan jika sekiranya seseorang keluarga kehilangan suami atau anak-anak dan isteri mereka yang bekerja di kilang-kilang. Terima kasih.

Tuan Abdillah bin Abdul Rahim: Terima kasih Yang Berhormat Tuan Zainal. Sebenarnya saya juga sedar bahawa perundangan ada disediakan oleh kerajaan berhubung dengan keselamatan dan kesihatan pekerja. Saya pun ingin juga menyokong apa yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat tadi iaitu tiap-tiap kilang haruslah mengadakan jawatankuasa keselamatan. Dengan ini, dengan sendirinya pekerja-pekerja itu akan melibatkan diri untuk mengawal dan menjaga keselamatan masing-masing.

Tuan Yang di-Pertua, berhubung dengan perkara ini juga, saya ingin mengulang perkara berhubung dengan PERKESO sekali lagi dalam Dewan yang mulia ini. Perkara ini

telah diucapkan oleh Yang Berhormat Tuan Zainal kelmarin dan apa yang ingin saya suarakan di sini ialah supaya pihak PERKESO apabila dalam memproses tuntutan pihak yang terlibat dalam kemalangan hendaklah mereka mempercepatkan tuntutan itu kerana pernah saya dimaklumkan oleh pihak-pihak yang terlibat dalam kemalangan, selalunya masa yang diambil untuk memproses permohonan ataupun tuntutan daripada PERKESO adalah begitu lambat.

Tuan Yang di-Pertua, saya seterusnya ingin menyentuh Maksud B.34 berhubung dengan Kementerian Kesihatan. Kita mengucapkan terima kasih kepada kerajaan kerana telah mengadakan peruntukan banyak bagi membina hospital dan klinik tetapi saya ingin mengetengahkan beberapa perkara berhubung dengan hospital-hospital yang ada sudah siap.

Di Sarawak kita bersyukur kerana telah mendapat hospital baru di Miri, di Sibu dan juga di Bintulu dan empat lagi hospital besar akan dibinakan di Sarawak tidak lama lagi. Kita berterima kasih kepada kerajaan kerana telah memberi peruntukan ini, kemudahan ini kepada kita di negeri Sarawak. Tetapi apa yang ingin saya ketengahkan di sini ialah tempat sesetengah hospital itu dibiarkan yang mana selalunya jauh daripada bandar dan oleh yang demikian, pesakit-pesakit daripada luar bandar mengalami kesulitan untuk pergi ke hospital-hospital itu kerana ianya melibatkan kos untuk kenderaan seperti teksi dan bas. Dan bagi pesakit-pesakit yang datang daripada luar bandar, ini menjadi beban kepada mereka terutama sekali dari segi kos pengangkutan dan juga penginapan.

Oleh yang demikian, saya ingin menyarankan supaya pihak kementerian juga akan membina, dengan izin, Rest House, tempat persinggahan untuk keluarga pesakit dari luar bandar untuk mereka tinggal berhampiran dengan hospital supaya mudah mereka melawat dan menjaga saudara mara ataupun anak-anak mereka yang berada di hospital.

Memandangkan hospital itu jauh dari bandar dan ianya melibatkan kos tambang kenderaan, kebanyakan keluarga pesakit di luar bandar tidur di hospital. Saya pernah melihat mereka tidur di koridor hospital. Jadi, saya berharap peruntukan untuk rumah persinggahan untuk keluarga pesakit dari luar bandar yang selalunya terdiri daripada orang-orang yang tidak berada, mungkin boleh dikatakan tidak mampu untuk diam di hotel akan dapat dipertikaikan bagi mereka yang dapat menumpang di rumah saudara mara mereka di bandar ini juga akan menyulitkan mereka dari segi tambang bas untuk pergi ke hospital.

Maka oleh yang demikian, saya berharap peruntukan untuk membina tempat persinggahan untuk keluarga para pesakit dari luar bandar perlu dipertimbangkan apabila membina hospital-hospital. Saya juga telah melihat bilik wad digunakan sebagai surau kerana surau pun tidak diperuntukkan dalam sesetengah hospital ini. Maka kalau dapat surau yang kecil boleh diperuntukkan di tempat yang lebih selesa dalam kawasan hospital dan tidaklah di salah satu daripada wad hospital itu.

Dan saya juga ingin menyarankan supaya klinik-klinik yang lama yang sudah *over crowded*, dengan izin, perlu dibesarkan. Walaupun peruntukan untuk membina lebih banyak klinik lagi telah ada dalam anggaran belanjawan ini tetapi kalau dapat klinik yang sudah ada yang *over crowded*, dengan izin, perlu diperbesarkan supaya ianya dapat digunakan oleh para pesakit *out-patient* dengan izin, dengan selesa.

Tuan Yang di-Pertua, seterusnya saya ingin menyentuh sedikit berhubung dengan Maksud B.19 iaitu Kementerian Pertanian. Kita rasa bangga dan berterima kasih dan mengucap tahniah kepada kerajaan kerana telah membuat satu perancangan yang baik untuk mempertingkatkan pengeluaran makanan dalam negara dengan mempertingkatkan kegiatan pertanian di negara ini terutama sekali dengan memberi insentif-insentif yang tertentu kepada syarikat-syarikat untuk memudahkan mereka melibatkan diri ataupun berkecimpung dalam pertanian berskala besar. Tetapi dukacita telah dilaporkan bahawa sambutan daripada syarikat-syarikat itu adalah masih lagi dalam tahap yang rendah.

Oleh yang demikian, saya ingin menyarankan kepada kerajaan supaya kerajaan sendiri mendahului projek-projek ini melalui syarikat-syarikatnya yang tertentu dan jemput petani-petani ataupun orang-orang perseorangan yang benar-benar berminat dalam pertanian berskala besar. Saya percaya tentu sekali ada petani-petani kecil contoh yang benar-benar berminat dalam pertanian untuk dibawa bersama oleh kerajaan dibimbing, dibina supaya mereka juga akan dapat menjadi petani yang berskala besar.

Saya memandangkan perkara ini penting supaya usaha kerajaan akan dapat berhasil dengan cepat. Insentif yang telah diberi oleh kerajaan untuk mempercepatkan pengeluaran makanan di negara ini secara besar-besaran adalah dialu-alukan supaya apa yang kita alami semasa kita dilanda oleh krisis mata wang di mana kita terpaksa berbelanja besar untuk mengimport barang-barang dari luar negara tidak akan berulang lagi. Saya ulangi bahawa usaha untuk mengeluarkan barang makanan dalam negara secara besar-besaran adalah wajar tetapi dalam keadaan yang masih belum menentu ini dari segi sambutan dari syarikat-syarikat besar, saya berharap usaha kita untuk memperbesarkan kegiatan pertanian kita akan dapat dipercepatkan dengan cadangan seperti yang telah saya maklumkan tadi.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga ingin menyentuh sedikit berkenaan dengan Maksud B.50 iaitu Kementerian Pembangunan Usahawan. Saya ingin menyentuh pemberian TEKUN. Pemberian TEKUN yang telah saya lihat adalah dalam lingkungan RM1,000 hingga RM5,000. Saya berpendapat RM1,000 itu adalah terlalu kecil kerana kalau hendak menjual *burger* pun mungkin tidak mencukupi RM1,000 ini kerana hendak membuat *stall burger* itu mungkin sudah memakan sebanyak RM500. Jadi oleh yang demikian, saya mencadangkan supaya peruntukan ini dibesarkan lagi dalam lingkungan RM5,000 hingga RM10,000 supaya ianya dapat benar-benar membantu usahawan-usahawan kita yang ingin berkecimpung dalam perniagaan.

Seterusnya, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin juga mengalu-alukan *tax incentive* yang diberi oleh kerajaan kepada syarikat-syarikat yang memberi biasiswa. Ini adalah satu cara yang baik untuk menggalak syarikat-syarikat memberi biasiswa secara langsung kepada orang-orang yang berminat untuk melanjutkan pelajaran mereka ke peringkat tinggi. Tetapi yang ingin saya sentuhkan di sini ialah syarat-syarat pemberian insentif. Salah satu daripada syaratnya ialah si pemohon itu mestilah tidak mempunyai pekerjaan ataupun tidak mempunyai sebarang pendapatan. Ini adalah terlalu ketat Tuan Yang di-Pertua. Saya berharap syarat ini dapat dilonggarkan supaya ianya merangkumi pemohon-pemohon yang mempunyai pendapatan tidak melebihi RM1,000 sebulan. Jikalau kelonggaran ini diberi, ianya akan membolehkan para pekerja yang bergaji kecil memohon biasiswa ini. Seperti mana yang kita maklum apabila pekerja yang bergaji kecil hendak melanjutkan pelajaran mereka yang mungkin sudah mempunyai keluarga sudah tentu mereka perlu mempunyai satu pendapatan untuk menyara kehidupan keluarga mereka ini. Maka pendapatan mereka yang tidak melebihi RM1,000 ini mungkin mencukupi. Dan untuk menyarankan pendidikan mereka, biasiswa yang diberi oleh syarikat itu mungkin juga mencukupi untuk mereka menamatkan pelajaran mereka.

Datuk Long bin Jidin: Yang Berhormat, masa sudah cukup.

Tuan Abdillah bin Abdul Rahim: Tuan Yang di-Pertua, dengan ini saya ingin memaklumkan bahawa saya menyokong rang undang-undang bernama Akta Perbekalan 2001. Sekian, terima kasih.

Datuk Long bin Jidin: Terima kasih. Ahli-ahli Yang Berhormat, masa sudah cukup dan mesyuarat Dewan ini ditangguhkan kepada hari esok, 13 Disember 2000, jam 10.00 pagi.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.30 petang.